

13 NOVEMBER 2019 (RABU)



DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KEEMPAT BELAS TAHUN 2019

PENGGAL KEDUA

MESYUARAT KETIGA (BAJET)

SHAH ALAM, 13 NOVEMBER 2019 (RABU)

Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi

YANG HADIR

Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)
(Tuan Speaker)

Y.A.B. Tuan Amirudin bin Shari (Sungai Tua)
(Dato' Menteri Besar Selangor)

Y.B. Dato' Teng Chang Khim, D.P.M.S.
(Bandar Baru Klang)

Y.B. Tuan Ganabatirau A/L Veraman (Kota Kemuning)

Y.B. Puan Rodziah binti Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Tuan Ir. Izham bin Hashim (Pandan Indah)

Y.B. Datuk Abdul Rashid bin Asari, P.S.D., S.M.S., J.P.
(Selat Klang)

Y.B. Tuan Ng Sze Han (Kinrara)

Y.B. Puan Haniza binti Mohamed Talha, S.M.S. (Lembah Jaya)

13 NOVEMBER 2019 (RABU)

Y.B. Puan Dr. Siti Mariah binti Mahmud (Seri Serdang)

Y.B. Tuan Hee Loy Sian (Kajang)

Y.B. Tuan Mohd Khairuddin bin Othman (Paya Jaras)

Y.B. Tuan Lau Weng San (Banting)

Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib (Hulu Kelang)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

Y.B. Puan Dr. Daroyah binti Alwi, P.J.K. (Sementa)
(Timbalan Speaker)

Y.B. Tuan Dr. Idris bin Ahmad (Ijok)

Y.B. Tuan Hasnul bin Baharuddin, P.P.T. (Morib)

Y.B. Tuan Rajiv A/L Rishyakaran (Bukit Gasing)

Y.B. Tuan Ronnie Liu Tian Khiew (Sungai Pelek)

Y.B. Puan Rozana binti Zainal Abidin (Permatang)

Y.B. Puan Juwairiya binti Zulkifli (Bukit Melawati)

13 NOVEMBER 2019 (RABU)

Y.B. Tuan Mohd Shaid bin Rosli (Jeram)

Y.B. Tuan Sallehudin bin Amiruddin (Kuang)

Y.B. Tuan Mohd Sany bin Hamzan (Taman Templer)

Y.B. Tuan Chua Wei Kiat (Rawang)

Y.B. Tuan Muhammad Hilman bin Idham (Gombak Setia)

Y.B. Tuan Lai Wai Chong (Teratai)

Y.B. Tuan Edry Faizal bin Eddy Yusof (Dusun Tua)

Y.B. Tuan Mazwan bin Johar (Sungai Ramal)

Y.B. Puan Michelle Ng Mei Sze (Subang Jaya)

Y.B. Tuan Syamsul Firdaus bin Mohamed Supri (Taman Medan)

Y.B. Puan Lim Yi Wei (Kampung Tunku)

Y.B. Tuan Shatiri bin Mansor (Kota Damansara)

Y.B. Puan Jamaliah binti Jamaluddin (Bandar Utama)

Y.B. Tuan Mohd Najwan bin Halimi (Kota Anggerik)

Y.B. Tuan Mohd Fakhrulrazi bin Mohd Mokhtar (Meru)

Y.B. Tuan Azmizam bin Zaman Huri (Pelabuhan Klang)

Y.B. Tuan Leong Tuck Chee (Pandamaran)

Y.B. Tuan Gunarajah A/L R George (Sentosa)

Y.B. Tuan Borhan bin Aman Shah, P.J.K. (Tanjong Sepat)

13 NOVEMBER 2019 (RABU)

Y.B. Tuan Adhif Syan bin Abdullah (Dengkil)

Y.B. Tuan Mohd Zawawi bin Ahmad Mughni (Sungai Kandis)

Y.B. Puan Wong Siew Ki (Balakong)

Y.B. Tuan Halimey bin Abu Bakar (Seri Setia)

Y.B. Tuan Rizam bin Ismail (Sungai Air Tawar)

Y.B. Dato' Mohd Imran bin Tamrin, D.I.M.P (Sungai Panjang)

Y.B. Tuan Zakaria bin Hj Hanafi (Semenyih)

Y.B. Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi, D.P.M.S. (Sijangkang)

13 NOVEMBER 2019 (RABU)

**TIDAK HADIR
(Dengan maaf)**

Y.B. Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali
S.P.M.S., S.M.S. (Bukit Antarabangsa)

Y.B. Puan Lee Kee Hiong (Kuala Kubu Baharu)

Y.B. Tuan Ahmad Mustain bin Othman (Sabak)

Y.B. Tuan Harumaini bin Haji Omar, D.P.N. (Batang Kali)

Y.B. Dato' Haji Mohd Shamsudin bin Haji Lias,
DPMS., JSM., SSA. (Sungai Burong)

Y.B. Datuk Rosni binti Sohar, DMSM., PJK. (Hulu Bernam)

TURUT HADIR

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan
Selangor, 1959)**

Y.B. Dato' Mohd Amin bin Ahmad Ahya, D.P.M.S., B.C.M., B.K.T., P.J.K.
Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

Y.B. Dato' Masri bin Mohd Daud, D.S.A.P., P.C.M.
Penasihat Undang-undang Negeri Selangor

Y.B. Dato' Nor Azmie bin Diron, D.P.M.S.
Pegawai Kewangan Negeri Selangor

13 NOVEMBER 2019 (RABU)

PEGAWAI BERTUGAS

Puan Gayathri Prasena A/P Jaya Kumar
Setiausaha Bahagian Dewan

Encik Muhajirih bin Ahmad
Penolong Setiausaha Dewan

Encik Zawawi bin Mohd. Arif
Penolong Setiausaha Pentadbiran

Puan Siti Salina binti Muftar
Setiausaha Pejabat

Encik Abdul Khalil bin Sabiis
Bentara

Encik Mohamad Izad Shafiq bin Ahmad Mashudi
Puan Nur Syahira Shazrin binti Mat Rohani
Pelapor Perbahasan

13 NOVEMBER 2019 (RABU)

(TUAN SPEAKER MEMPENGERUSIKAN MESYUARAT)

SETIAUSAHA DEWAN : Selamat pagi dan salam sejahtera. Aturan Urusan Mesyuarat Bagi Mesyuarat Ketiga Penggal Kedua Dewan Negeri Selangor Keempat Belas pada 13 November 2019, dimulakan dengan bacaan doa.

PENOLONG SETIAUSAHA DEWAN : Bacaan doa.

SETIAUSAHA DEWAN : Aturan urusan mesyuarat seterusnya, pertanyaan-pertanyaan.

TUAN SPEAKER : Salam sejahtera, selamat pagi. Sebelum saya meneruskan, untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, pagi ini Dewan Negeri Selangor menerima kunjungan dua buah sekolah. Pertamanya, dari Sekolah Menengah Kebangsaan Seksyen 9, Shah Alam, seramai 32 orang pelajar yang diketuai oleh Kapten Ramli bin Kadri dan guru pengiringnya, Puan Mariana binti Ibrahim. Keduanya, daripada Sekolah Kebangsaan Seksyen 7, Shah Alam, seramai 27 orang pelajar, diiringi oleh guru pengiringnya, Puan Nor Azizah binti Ahmad Nordin. Selamat datang ke Dewan Negeri Selangor. Sugeng Rawuh.

Saya mempersilakan, soalan 132, Sungai Air Tawar sudah dijawab pada 4 November yang lalu. Dan seterusnya saya mempersilakan Yang Berhormat Ijok.

Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD : Terima kasih Tuan Yang Berhormat Speaker. Soalan Ijok nombor 133.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD
(N11 IJOK)**

TAJUK : TANAH TERBIAR

133. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah rancangan Kerajaan Negeri Selangor untuk membangunkan tanah-tanah terbiar untuk menjana industri agro?
- b) Sila jelaskan status tindakan yang telah diambil pada tahun 2019.
- a) harian penduduk dan dapat mendatangkan hasil jualan secara kecil-kecilan.

13 NOVEMBER 2019 (RABU)

Y.B. TUAN NG SZE HAN : Terima kasih Yang Berhormat Ijok. Tuan Speaker, Kerajaan Negeri melalui PBT, tiada perancangan khusus untuk membangunkan tanah-tanah terbiar bagi tujuan Industri Agro. Walau bagaimanapun, beberapa PBT mengambil inisiatif dengan menggalakkan program kebun komuniti yang dilaksanakan oleh persatuan penduduk di tanah lapang tadahan atau zon penampan. Program ini secara tidak langsung dapat memenuhi keperluan harian penduduk dan dapat mendatangkan hasil jualan secara kecil-kecilan. Beberapa PBT ada menyediakan inventori, tanah-tanah kosong atau terbiar, khususnya tapak-tapak sekolah yang belum dibangunkan untuk mendapatkan kebenaran pihak berkuasa negeri, bagi tujuan dijadikan kebun komuniti, padang rekreasi dan untuk kegunaan lain bagi tempoh sementara. Bagi tapak-tapak yang digunakan sebagai kebun komuniti akan diserahkan semula sekiranya pembangunan akan dilakukan di tapak pada masa yang akan datang. Terima kasih.

Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Silakan Ijok.

Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD : Soalan Ijok sebenarnya ditujukan kepada EXCO Pertanian sebab tanah terbiar banyak di kampung-kampung. Kalau pergi di Ijok tu, *i think* lebih pada 30% tanah-tanah kampung di Ijok, terbiar. Jadi, apa rancangan kerajaan untuk membangunkan tanah-tanah terbiar. Lagi-lagi warga, tuan punya tanah-tanah tu, makin lama makin tua, mereka tak boleh usaha tanah-tanah lagi-lagi yang ada kelapa sawit pun tak di usahakan. Itu soalan Ijok.

Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM : Terima kasih Yang Berhormat Ijok. Tuan Speaker. Sebenarnya kita di peringkat Jawatankuasa Tetap Pertanian, Pemodenan Pertanian dan Industri Asas Tani, memang membincangkan isu kedudukan, isu tanah-tanah di Negeri Selangor ini. Bukan saja melibatkan tanah terbiar, juga termasuk tanah-tanah lain yang sesuai untuk dijadikan kawasan pertanian. Berhubung dengan tanah terbiar ini, dalam perbincangan dan juga dalam perbahasan atau perbincangan kita bersama-sama dengan warga pertanian ini, ada sikit masalah berhubung dengan tanah-tanah terbiar ini. Dimana apabila kita mendapati dalam banyak keadaan, apabila diusahakan oleh mereka-mereka yang aktif dalam pertanian ini, didapati pihak, walaupun perjanjian telah dibuat dengan tuan tanah untuk mengusahakan tanah-tanah terbiar ini, kita mendapati bahawa selepas tanah itu berjaya dihasilkan, tuan tanah mula membuat masalah yang banyak. Ada kes-kes di mana terpaksa bertukar, tuan yang mengusahakan ataupun mereka yang mengusahakan tanah itu, terpaksa bertukar tempat berkali-kali kerana apa, apabila nampak ada hasil, tuan tanah mula berminat nak ambil balik tanah ini. Ini yang berlaku dan kita mendapati, apabila kita menggalakkan ramai yang, mereka yang mohon. Yang mohon tanah ni ramai Yang Berhormat, cukup ramai yang mohon tanah di Selangor ni untuk pertanian. Tapi tanah kita amat agak terhad apabila kita usulkan supaya tanah-tanah terbiar ini diwujudkan, mereka memberi alasan ini. Kerana pengalaman mereka banyak, dalam banyak keadaan tuan tanah akan ambil balik tanah itu.

Saya juga difahamkan ada satu peruntukan di bawah undang-undang, saya akan semak nanti selepas habis ini. Yang kita dibenarkan untuk mengusahakan tanah-tanah terbiar ini. Jadi saya akan lihat balik berhubung dengan isu ini supaya kita manfaatkan. Dan kita pun nak supaya diwartakan tanah pertanian. Jadi tanah-tanah terbiar ini, saya yakin dan saya percaya, walaupun saya tak ada angkanya, saya yakin ia agak luas. Dan perlu di ambil

13 NOVEMBER 2019 (RABU)

langkah-langkah tertentu untuk memanfaatkan ataupun meningkatkan produktiviti. Kalau tidak dia akan jadi kawasan semak samun, jadi tempat buangan sampah dan juga aktiviti-aktiviti lain yang tidak sihat, tidak baik. Jadi ini yang saya sedang pertimbangkan, untuk mengambil tapi ada kekanganlah dalam apa yang saya sebut tadi untuk diusahakan di peringkat sekarang ini. Terima kasih.

DEWAN : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Ijok.

Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Yelah saya pun tahu apa masalah apa yang telah dihujah oleh Yang Berhormat EXCO, tetapi sebelum mengusahakan sebagai joint venture dengan pemilik tuan tanah ini, adakah mereka diberi taklimat yang seluruhnya, syarat-syaratnya, sebab negeri Selangor mengimport sayur-sayuran, buah-buahan dalam lingkungan bilion dolar. Jadi tanah-tanah terbiar ini, kalau kita tak ada usaha dengan pengusaha, dia, just wasted away, dengan izin. Jadi saya nak tanya Tuan Yang Berhormat Tuan EXCO, ada ke satu taklimat ataupun satu kursus diadakan kepada tuan-tuan punya pemilik. Beri mereka faham, apa usaha negeri dan apa keuntungan kepada mereka.

Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM : Sebagaimana yang saya sebutkan tadi, bahawa sememang, memang apabila dibuat perjanjian, memang dia buat perjanjian yang jangka panjang, dan dimaklumkan sebenarnya apa yang dibangunkan di kawasan itu, bersama-sama dengan pihak yang ingin menyewa. Tapi tetap berlaku juga perkara ini, berkali-kali. Bukan sekali dua, berulang kali. Kerana apabila nampak hasil, ada timbul minat tuannya kembali untuk mengambil alih tempat itu. Ini berlaku. Bunyinya nampak macam remeh-temeh, tapi itulah hakikat yang berlaku dan menjadi masalah. Bukan sahaja di satu dua tempat. Di banyak tempat. Saya akui, memang betul Yang Berhormat, kita Negeri Selangor ni, kita punya tahap sara diri kita, ataupun *self-sufficiency level*, dari segi pengeluaran makanan ini, sangat rendah. Untuk *swam page* semua makanan, di sekitar 30%, 25% begitu sahaja yang kita keluarkan sendiri, lain semua di import. Yang kita keluar pengeluaran tertinggi produk pertanian di Selangor ialah kelapa, 98%. Kelapa la kita. Yang itu memang kita tinggi dan juga telur ayam. Telur ayam kita pengeluar terbesar. Tetapi yang lain-lainnya memang sikit. Kalau daging itu, daging fresh, 3.8% saja, pengeluaran di Negeri Selangor. Jadi sangat rendah semuanya. Kita akan berusaha untuk meningkatkan SSL ini, *self-sufficiency level*, untuk masa-masa akan datang. Saya akan berikan komitmen untuk membaiki keadaan ini. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Kampung Tunku.

Y.B. PUAN LIM YI WEI : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya, 134.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. PUAN LIM YI WEI (N35 KAMPUNG TUNKU)

TAJUK : KEMPEN BEBAS STRAW PLASTIK

134. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

13 NOVEMBER 2019 (RABU)

- a) Apakah mekanisme penilaian keberkesanan Kempen Bebas Straw Plastik setakat bulan Oktober 2019?

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN : Terima kasih Tuan Speaker dan juga Yang Berhormat Kampung Tunku yang sangat prihatin terhadap straw plastik walaupun ia satu batang yang begitu kecil bendanya. Tapi dia memberi kesan yang amat mudarat kepada alam sekitar kalau kita tidak tangani dengan baik, ya. Kerajaan Negeri Selangor telah pun melancarkan larangan penyediaan straw plastik secara automatik ataupun *default*, di premis-premis makanan dan juga minuman di seluruh Negeri Selangor mulai 1 Julai 2019. Larangan ini adalah bagi tujuan memberikan kesedaran dan juga pendidikan terhadap orang ramai mengenai bahaya penggunaan plastik khususnya plastik sekali guna yang dapat memberi kesan buruk terhadap alam sekitar. Kerajaan Negeri telah pun bekerjasama dengan pelbagai pihak dalam memperkasakan dan mempromosikan kempen ini termasuklah pihak berkuasa tempatan, PBT, agensi kerajaan, pihak institusi pendidikan, persatuan dan NGO. Pelbagai program dan inisiatif kesedaran telah pun diadakan termasuklah program-program karnival kepenggunaan, program *roadshow*, dan juga pengedaran bahan-bahan promosi dengan kerjasama berbagai-bagai pihak media dengan tujuan bagi memberikan maklumat dan juga pendidikan kepada orang awam, mengenai polisi-polisi sasaran Kerajaan Negeri termasuklah larangan penggunaan straw plastik dan juga kempen-kempen penggunaan yang lain.

Pihak PBT telah menyediakan iklan berbentuk gegantung atau banting, kain rentang, iklan, pendidikan-pendidikan kesedaran terhadap orang ramai berkaitan pengurangan penggunaan plastik sekali guna. Walaubagaimanapun, kempen yang lancarkan ini adalah baru bermula, dan masih dalam fasa pengenalan bagi tujuan pendidikan dan kesedaran orang ramai. Kempen ini merupakan satu kempen yang jangka masa panjang, dalam menuju sebuah negeri sifar penggunaan plastik sekali guna. Selaras dengan Malaysia Road Map Toward Zero Single Plastic 2018 – 2030, yang telah pun dilancarkan oleh Kementerian Tenaga Sains, Teknologi Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTEC) pada 10 Oktober 2018 yang menggariskan dasar yang seragam ke arah mengurangkan penggunaan plastik sekali guna termasuk straw plastik. Sekian.

TUAN SPEAKER : Kampung Tunku.

Y.B. PUAN LIM YI WEI : Terima kasih Tuan Speaker dan terima kasih Yang Berhormat EXCO. Saya nak tanya pendapat Yang Berhormat EXCO mengenai *bubble tea*, dengan izin. Kami nampak di kedai kopi memang banyak kedai yang tidak menggunakan straw plastik, tetapi *bubble tea* memang perlukan straw plastik. Jadi apakah pendapat dan rancangan Kerajaan Negeri berkenaan dengan *bubble tea*. Terima kasih.

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN : Soalan ini, sebenarnya saya telah pun menjawab, soalan daripada Bandar Damansara. Tapi saya akan mengulangi sekali lagi, di mana kerajaan negeri Selangor sangat prihatin terhadap masalah yang ditimbulkan peniaga-peniaga *bubble tea*, di mana pada masa sekarang peniaga-peniaga ini memang mengadakan jualan mereka di merata tempat terutama di Petaling Jaya dan Subang Jaya. Ini merupakan tempat-tempat hot spot, di mana satu jalan ada berpuluhan buah kedai *bubble tea*. Jadi ini

13 NOVEMBER 2019 (RABU)

menghasilkan sampah-sampah terutama plastik sekali guna, termasuk cawan dan juga straw yang dimaksudkan Yang Berhormat Kampung Tunku. Sebab itulah kita akan mencadangkan di mana, kita akan set kan satu tarikh, kemungkinan bulan depan untuk mengadakan dialog ataupun perbincangan pengusaha-pengusaha *bubble tea* ini, supaya kita cari satu kaedah bagaimana untuk menggantikan alternatif straw plastik ataupun cawan plastik ini. Kalau boleh kita nak propose supaya mereka menggunakan kertas cawan ataupun straw plastik, straw kertas, yang dimaksudkan kerana disebabkan mereka tak gunakan kertas straw, kerana dia punya harga amat mahal sekali. So, kita akan berusaha untuk dialog. Buat masa ini kita tak ada rancangan untuk ambil tindakan apa-apa. Kita tidak melarang mereka untuk menjual *bubble tea*, tapi kita harap pengusaha-pengusaha ini daripada, ketika untuk mencari keuntungan, fikir juga macam mana kita nak bantu kerajaan untuk sama-sama menangani isu plastik sekali guna ini. Sekian, Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Subang Jaya.

Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE : Terima kasih Tuan Speaker, soalan tambahan. Terima kasih kepada Yang Berhormat EXCO kerana mengiktiraf Subang Jaya sebagai salah satu tempat di mana masalah ini wujud. Cuma saya nak tanya sama ada Yang Berhormat Tuan EXCO sedar bahawa usaha untuk melibatkan pengusaha bahawa *bubble tea* ini sangat-sangat mencabar kerana kebanyakannya mereka adalah jenama daripada luar negara yang merupakan *francies* di negara ini. Oleh sebab itu, *francies* menerima arahan daripada *francisco* yang berada di luar negara. So apakah tindakan Kerajaan Negeri ataupun cadangan untuk mengatasi masalah ini, terima kasih.

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN: Sebenarnya mereka tidak bersalah kita tidak boleh mengambil tindakan terhadap mereka. Tiada satu rang undang-undang boleh menyekat mereka bermiaga supaya bubble tea. Saya tahu semua kalangan orang-orang muda antara Yang Berhormat kita pun suka minum *bubble tea*, *bubble tea* ini bukan setakat memberikan kesan alam sekitar kepada kita tetapi juga memberi kesan kesihatan pada kita juga kerana kemanisan yang berkali ganda so ini tidak sesuai untuk. Saya haraplah rakyat Malaysia terutama Selangor juga kena tengok balik kesihatan. Jangan kita terlalu bergantung selalu minum *bubble tea* ini tidak sihat untuk kesihatan. Dan saya akan usahakan untuk berdialog dahulu dengan cara yang lembut, kita nak dengar masalah yang dia hadapi dan juga kita akan beritahu apakah tindakan yang kita akan ambil pada masa akan datang. Kalau mereka masih tidak bagi satu alternatif untuk menghasilkan apa selalu menghasilkan bahan plastik sekali guna ini kita akan usahakan. So jangan risau Yang Berhormat Subang Jaya dan Kampung Tunku. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Sijangkang.

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Terima kasih Tuan Speaker, soalan 135.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI
(N51 SIJANGKANG)**

TAJUK : PROGRAM-PROGRAM INSENTIF PEDULI RAKYAT (IPR)

135. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

13 NOVEMBER 2019 (RABU)

- a) Status program IPR terkini dan kewangan yang telah dibelanjakan untuk tahun ini.
- b) Apakah punca sebenar kegagalan yang menyebabkan proses penajaran tidak dapat dilaksanakan tahun ini?
- c) Apakah justifikasi pemberian air percuma akan dinikmati hanya kepada pendapatan isi rumah RM4000 ke bawah?

Y.A.B DATO' MENTERI BESAR : Speaker dan terima kasih Sijangkang atas soalan yang dikemukakan untuk tahun 2019 secara keseluruhannya Kerajaan Negeri memperuntukkan RM485,435,000.00 untuk program-program memenuhi keperluan inisiatif peduli rakyat. Sehingga peruntukan ini termasuklah peruntukan tambahan RM123,815,000.00 yang telah dibuat di pertengahan sidang yang lepas justeru sehingga 30 September 2019 sejumlah RM212,650,887.69 telah digunakan ataupun bersamaan dengan 43% daripada peruntukan yang telah diterima. Untuk maklumat tambahan sehingga Disember 2019 dianggarkan kita perlu berbelanja hampir RM90,000,000.00 juga lagi untuk memenuhi segala keperluan-keperluan dan bil-bil terhadap keperluan-keperluan untuk inisiatif peduli rakyat dan secara keseluruhannya lebih 62% akan digunakan daripada dalam peruntukan atau peruntukan yang telah dilaksanakan.

Ahli Yang Berhormat sekalian penajaran IPR berlangsung dalam tempoh bukan satu hari atau dua hari tetapi kerajaan menganggarkan akan cuba untuk menjajarkan semua program-program IPR dalam tempoh 2 tahun iaitu bermula tahun 2019 dan akan berakhir pada tahun 2020. Justeru pihak Kerajaan Negeri bukan akan menyusun dan mengaturkan keseluruhan sebaliknya kita mempunyai pelan dan perancangan yang telah diaturkan oleh pihak Unit Perancang Ekonomi. Dan setakat ini secara kasarnya boleh saya sebutkan konsepnya ada yang digugurkan, konsepnya ada yang dicantumkan dan konsepnya ada yang dipertingkatkan. Dan secara keseluruhannya daripada 42 program selepas penajaran program ini akan menjadi 36 program melihat kepada kesesuaian, kehadiran serta daripada rakyat dan masyarakat terbanyak.

Di antara beberapa cabaran-cabaran awal yang terpaksa kita hadapi ialah mencari kayu ukur dan setelah beberapa bulan akhirnya kita dapat menemui kayu ukur yang baik iaitu melalui Lembaga Hasil dalam Negeri yang saya kira akan memberikan manfaat yang lebih banyak. Selain daripada menetapkan kayu ukur pendapatan kita juga ingin melihat berapa ramai rakyat yang akan mendapat manfaat secara keseluruhannya. Seperti air percuma sebagai contohnya boleh saja kita mengambil taraf yang telah disarankan oleh kajian yang dibuat pada tahun 2017 iaitu pendapatan RM2,000.00 ke bawah tetapi kerana untuk memastikan lebih ramai rakyat yang memperoleh skim tersebut kita meningkatkan lagi angka kepada RM4,000.00 supaya air percuma itu dapat dinikmati dengan lebih ramai. Itu untuk jawapan C kerana kita ingin melihat lebih ramai rakyat menikmati iaitu lebih 60% daripada senarai yang kita anggarkan pada hari ini 1.2 juta 65% akan dapat menikmati air percuma yang diberikan oleh pihak Kerajaan Negeri, terima kasih.

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Sijangkang.

13 NOVEMBER 2019 (RABU)

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Terima kasih Tuan Speaker, saya merasakan lagi secara peribadi tidak sepatutnya berlaku kuota-kuota tertentu kepada penerima-penerima IPR di dalam DUN-DUN. Kerana siapa juga sahaja yang saya kira termasuk didalam kumpulan itu harus menerimanya. Yang saya nak tanyakan adalah apakah puncanya data bersepada yang masih lagi belum dapat lagi dibangkitkan tiada jawapan dari Seri Serdang semalam saya kira ini antara perkara yang sangat penting di dalam membina dan merancang program IPR itu sendiri. Dan saya kira ini antara faktor-faktor yang cukup besar yang menyebabkan mungkin sedikit masalah dalam pelaksanaan program IPR itu sendiri, terima kasih.

Y.A.B DATO' MENTERI BESAR : Terima kasih Sijangkang untuk maklumat Sijangkang mulai bulan Mac yang lepas kita telah menetapkan atau pun telah membuat kelulusan untuk membuat satu sistem yang dinamakan my-IPR dan dijangkakan pada bulan tiga tahun depan akan siap sistem itu secara keseluruhannya. Namun begitu, saya baru semalam bahawa sistem itu telah siap dan kemungkinan kita boleh lancarkan pada bulan Disember akan datang atau pun paling lewat pada bulan Januari akan datang. Dan ini memang kelemahan IPR sebelum ini ataupun sebelum ini datanya dan selepas saya masuk ke pejabat saya menyambung beberapa kerja yang telah dibuat oleh pentadbiran Dato' Seri Azmin sebelum ini ialah untuk mengumpul seluruh data ini di bawah satu bumbung dan kita terpaksa pergi agensi demi agensi, jabatan demi jabatan untuk mengumpulkan kepada satu data ataupun unit data yang besar. Namun itu bukan begitu masalah, salah satunya memang kita sedikit buat kerja ataupun sedikit bersusah payah untuk mengumpulkan itu bukanlah pun kekangannya. Kekangannya adalah kayu ukur, kalau kayu ukur adalah e-kasih dan kita dapat sebahagian data. Dan kayu ukur kita adalah BSH maka kita akan dapat sebahagian angka dan angka tertentu. Untuk kelompok yang tidak dapat memang saya akui selepas satu proses dibuat sebagai contoh peduli sihat. Peduli sihat kita dalam senarai yang sah dan boleh menerima adalah 80,000 orang tetapi dalam peruntukan yang sedia ada tahun lepas kita tambah sedikit peruntukan untuk mencecah 65,000 orang. Dan tahun ini kita sudah lengkapkan 85,000 orang dengan menambah lagi penerima-penerima peduli sihat. Jadi mulai tahun depan kita lihat tidak ada mereka yang sepatutnya tidak layak dan tidak dapat dengan peruntukan-peruntukan dana yang telah disiapkan oleh pihak Kerajaan Negeri. Memang ia mengambil masa dan penjajaran ini memang saya akui daripada awal bahawa kita perlu ada sedikit ruangan untuk kita dapat mengesan dan juga memberikan kepada kita selainnya, terima kasih.

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW : Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER : Sungai Pelek.

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW : Terima kasih Tuan Speaker, Rizab bagi saya rizab Selangor setakat ini sihat dan baik. Selangor selama ini dikenali ramai kerana banyak program IPR. Kita sudah terkenal kerana itu. Saya nak tanya Yang Berhormat Menteri Besar iaitu ada konsep itu ialah rakyat banyak wang untuk dibelanjakan kerana bantuan kerajaan ataupun kerajaan menyimpan semua wang di dalam rizab. Ini satu konseplah yang saya baca di buku dan oleh penulis ekonomi hasil di Negeri China. Pandangan dia ialah lebih baik kerajaan salurkan wang bila rizab sudah baik, salurkan wang untuk memberi bantuan kepada rakyat. Lebih baik daripada simpan dalam sebagai rizab, apa pandangan Yang Berhormat Menteri Besar.

13 NOVEMBER 2019 (RABU)

Y.A.B DATO' MENTERI BESAR : Terima kasih soalan sudah terpesong dah daripada IPR kepada RIZAB, saya rasa ketika penggulungan sesi belanjawan yang lepas saya telah menjelaskan bagaimana kita ingin mengambil konsep kine itu yang sebenarnya. Ada dua sudut pandang kaedah perbelanjaan apabila dalam keadaan ekonomi meleset. Betul ketika dalam keadaan ekonomi kurang baik atau pun reseccion ataupun despresions sekali pun ia bagaimana yang dikutip oleh Gombak Setia di perbahasan lepas. Kita boleh berbelanja tapi bagaimana kita nak berbelanja, ada dua kaedah pertama kita memasukkan duit ke dalam poket orang dan mereka akan berbelanja dan ada kitaran ekonomi. Kedua, kerajaan boleh juga berbelanja terhadap infrastruktur dan juga projek-projek kerajaan supaya kitaran ekonomi berjalan. Dan itulah yang dibuat oleh kerajaan pada ketika ini iaitu kita memasukkan juga poket dengan beberapa tambahan program IPR sebagai contoh kita lengkapkan peduli sihat. Kita tambah penerima KISS, kita buat program rakyat itu sebahagiannya memberikan fungsi ekonomi dan duit di dalam poket untuk mereka berurus niaga tetapi dalam masa yang sama kerajaan juga ada keperluan untuk infrastruktur. Sebagai contoh untuk infrastruktur untuk Smart State, kita perlu membuat infrastruktur baru ini untuk Smart State untuk dapat bergerak dan Smart State dapat mencapai dengan lebih baik. Kita baru mencapai 26% kita mensasarkan menjelang tahun 2025 ia juga mencecah 100% dan saya sudah pasti infrastruktur itu perlu dilakukan. Dan Infrastruktur IPR, program-program IPR itu tetapi kita tidak tumpukan kerana kita juga tumpu di dalam projek. Sebelum ini di dalam zaman 2016, 2017 ia dalam infrastruktur di dalam projek. Contoh Labuan dagang, contohnya penggantian paip kita teruskan Cuma kita tambah nilai-nilai tertentu angka-angka tertentu nilai projek itu akan kita akan berikan kitaran dan efek dengan izin kalau kita melihat kepada sistem ekonomi pasaran yang ada pada hari ini, terima kasih.

TUAN SPEAKER : Sungai Kandis.

Y.B. TUAN MOHD ZAWAWI BIN AHMAD MUGHNI : Terima kasih Yang Berhormat Speaker, soalan Sungai Kandis 136.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. TUAN MOHD ZAWAWI BIN AHMAD MUGHNI (N49 SUNGAI KANDIS)

TAJUK : PEMBANGUNAN INFRA SUKAN

136. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perancangan Kerajaan Negeri pembangunan Infra Sukan terutama di DUN Sungai Kandis?
- b) Berapakah peruntukan bagi membaiki Infa Sukan seperti taman permainan dan futsal?
- c) Berapakah jumlah pembaikan dan pembinaan Infra Sukan oleh PBT pada tahun 2019?

13 NOVEMBER 2019 (RABU)

- a) Pihak MBSA telah membaiki Infra Sukan pada tahun 2019 seperti gelanggang futsal, padang bola, trek larian dan alatan ‘outdoor gym’ seperti berikut:

Y.B. TUAN KHAIRUDDIN BIN OTHMAN : Terima kasih Yang Berhormat Speaker dan terima kasih Yang Berhormat Sungai Kandis dan sebagai makluman daripada makluman dewan dan ahli-ahli kita dari Sekolah Menengah Kebangsaan Seksyen 9 di atas. Yang Berhormat Sungai Kandis bertanyakan tentang rancangan kerajaan tentang pembangunan infra sukan terutamanya di DUN Sungai Kandis. Pihak MBSA merancang pembangunan infra sukan melalui pembinaan dan pemberian infra sukan seperti gelanggang futsal, padang bola dan alatan rekreasi. Pada tahun 2019, pembinaan gelanggang futsal dan padang bola telah dilaksanakan di Sungai Kandis dan Jalan Kebun. Pada tahun 2020 akan dibina padang bola dan gelanggang futsal di Bukit Naga, Seksyen 32.

Menjawab soalan kedua berapakah peruntukan bagi membaiki Infra Sukan seperti taman permainan dan futsal? Pihak MBSA telah menyediakan peruntukan bagi membaiki infra sukan seperti taman permainan dan gelanggang futsal sebanyak RM2.0 juta pada tahun 2019 dan RM3.2 juta pada tahun 2020.

Bagi menjawab soalan ketiga berapakah jumlah pemberian dan pembinaan infra sukan oleh PBT pada tahun 2019? Pihak MBSA telah membaiki infra sukan pada tahun 2019 seperti gelanggang futsal, padang bola, trek larian dan alatan ‘outdoor gym’ seperti berikut:

BIIL	INFRA SUKAN	JUMLAH
1.	Futsal	13 unit
2	Padang bola	13 unit
3.	Trek larian	2,537 meter
4.	Outdoor gym	125 set
5.	Padang cergas	12 unit

Manakala di peringkat Kerajaan Negeri peruntukan sebanyak 2.24 juta telah diluluskan untuk projek membaik pulih dan menaik araf infrastruktur sukan di peringkat DUN. Setiap negeri akan diperuntukkan sebanyak RM40,000.00 bagi tujuan tersebut. Program ini dikhatuskan pada kerja-kerja membaik pulih dan menaiktaraf padang bola, padang futsal dan lain-lain kemudahan. Bagi tahun 2019 Kerajaan Negeri telah membaik pulih dan menaiktaraf kemudahan-kemudahan sukan di bawah seliaan Pihak Berkuasa Tempatan yang melibatkan peruntukan sebanyak 1.69 juta (RM1,691,894.00) dengan pecahan sebagaimana yang berikut:

1. Majlis Daerah Kuala Selangor : RM 680,300.00
2. Majlis Perbandaran Klang : RM 126,860.00
3. Majlis Perbandaran Kajang : RM 99,580.00 dan RM109,400.00
4. Majlis Daerah Sabak Bernam : RM199,980.00
5. Majlis Perbandaran Selayang : RM 495,774.00

Jadi untuk maklumat Yang Berhormat sekalian, dalam perbahasan yang lalu kita telah bersetuju bahawa 40 ribu ini diperuntukan untuk membaik pulih tetapi banyak kali kita dengar bahawa membaik pulih tidak kekal lama. Sebab itulah dalam mesyuarat EXCO dan

13 NOVEMBER 2019 (RABU)

dalam perbahasan cadangan saya dalam sesi yang lalu saya menyebut bahawa kita hendak mencadangkan pada waktu itu, kita hendak mencadangkan bahawa sebahagian daripada umlah projek kecil peruntukan projek kecil itu digunakan untuk menaiktaraf pembangunan sukan atau pun infrastruktur sukan di kawasan masing-masing. Keadaan sekarang ini Dewan Undangan diberi 30% untuk projek-projek kecil dan projek kecil kalau ikut prosedur pada hari ini maksimum untuk membaikpulik projek kecil adalah sebanyak 20 ribu. Tetapi melalui mesyuarat EXCO yang kita adakan baru-baru ini telah mencadangkan supaya 1/3 daripada peruntukan projek kecil ini digunakan bersama dengan 40 ribu peruntukan yang digunakan oleh Kerajaan Negeri supaya Yang Berhormat sekalian dapat boleh menaiktaraf infrastruktur sukan dengan yang lebih baik.

Jadi dengan sebab itulah kita telah mencadangkan Yang Berhormat sekalian daripada jumlah projek-projek kecil 1/3 ataupun 10% daripada peruntukan Dewan Undangan Negeri itu dibenarkan oleh MMKN untuk digunakan bersamaan dengan 40 ribu yang kerajaan bagi untuk digunakan bagi menaiktaraf infrastruktur di tempat Yang Berhormat masing-masing. Sebab itulah program ini program menaiktaraf bukan program membaikpulih. Kalau program baikpulih 40 ribu tu memanglah bolehlah pecah-pecahan tapi tulah matlamat kita supaya Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian mempunyai infrastruktur ataupun padang bola ataupun padang futsal dengan lebih baik di tempat Yang Berhormat masing-masing. Dan akhir sekali, saya mengatakan bahawa komitmen dari Yang Berhormat sekalian adalah sangat diperlukan terutama mencadangkan dimana kita nak bawa program-program menaiktaraf infrastruktur ini.

Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Sungai Kandis.

Y.B. TUAN MOHD ZAWAWI BIN AHMAD MUGHNI : Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Untuk makluman Yang Berhormat EXCO, di kawasan DUN Sungai Kandis ada dua gelanggang sukan muay thai yang diusahakan oleh penduduk dalam bentuk kelab dan kelab-kelab ini telah berjaya melahirkan ramai atlet di peringkat kebangsaan dan peringkat dunia. Namun dia bergerak sendiri dan apakah pihak kerajaan ada usaha untuk membantu kelab-kelab kecil yang berjaya menaikkan nama negara ini dalam bentuk penganjuran program dalam bentuk membaiki infra tadi dan hujung minggu ini hari sabtu dan ahad akan diadakan kejohanan peringkat kebangsaan muay thai dan saya jemput yang hadir dan mengikuti rancangan ini untuk ikut menyaksikan pertandingan muay thai peringkat kebangsaan di Jalan Kebun. InsyaAllah sabtu dan ahad ini. Jadi soalannya, adakah pihak kerajaan ada perancangan untuk membantu kelab-kelab ini?

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN : Kita mendokong semua kelab-kelab yang membawa sukan dalam Negeri Selangor kita. Jadi untuk masalah infrastruktur jadi saya rasa Yang Berhormat diperingkat kawasan masing-masing lebih tahu. Kalau Yang Berhormat Sungai Kandis merasakan muay thai itu keutamaan berbanding dengan padang bola kita boleh bincang untuk kita gunakan bagaimana peruntukan-peruntukan kerajaan dan peruntukan Yang Berhormat sendiri.

Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Kampung Tunku.

13 NOVEMBER 2019 (RABU)

Y.B. PUAN LIM YI WEI : Terima kasih Tuan Speaker. Kita maklum bahawa penaiktarafan padang bola sepak terutamanya *turfing* itu agak mahal dan Kerajaan Negeri Selangor ada rancangan untuk memperkasakan kekuatan pasukan bola sepak kami. Apakah Kerajaan Negeri akan memandang kepada anak syarikat dan GLC untuk membantu menyumbang dana kepada usaha kerajaan menaiktaraf padang futsal dan bola sepak. Terima kasih.

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN : Terima kasih Yang Berhormat. Saya rasa kaitan dengan GLC ini kebanyakkan GLC kita mempunyai kelab pasukan bola sepak masing-masing. Mereka mempunyai pasukan yang mereka taja dan mereka mempunyai *homegrown* mereka sendiri. Walau bagaimanapun, kalau sekiranya Yang Berhormat mencadangkan untuk bekerjasama dengan GLC saya kira kita boleh berbincang dengan GLC tersebut. Mana tidak mustahil untuk GLC membantu Yang Berhormat sekalian.

Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Jeram.

Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI : Terima kasih Tuan Speaker. Kita hanya dapat tahu dari segi pembangunan untuk kawasan-kawasan bandar. Bagaimana pula dengan gelanggang-gelanggang silat yang sepatutnya diambil kira juga untuk kawasan-kawasan kampung. Adakah sebarang peruntukan atau pun cadangan daripada Yang Berhormat EXCO. Terima kasih.

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN : Baik. Muay thai, silat ini adalah perkara yang kita lihat. Untuk makluman Yang Berhormat sekalian.. (ketawa)

DEWAN : Tai chi..

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN : Tai chi.. apa saja yang berbentuk tradisi ini sila.. silambam.. ini semua kita rai semua. kita meraikan semua. Sebab itulah untuk maklumat Yang Berhormat daripada Jeram, baru-baru ini Kerajaan Negeri menganjurkan program silat. Silat perguruan silat. Kebiasaan perguruan silat ini, saya nak cerita untuk yang menjawab gelanggan itu dulu. Untuk kebiasaan silat yang kita jalankan adalah melalui PUSAKA, Pertubuhan Silat Kebangsaan dan PUSAKA ini mempunyai pertubuhan-pertubuhan silat yang rasmi yang didaftarkan tetapi baru-baru ini Kerajaan Negeri mengambil sikap kita nak bertemu dengan semua perguruan silat yang tidak berdaftar dengan PUSAKA. Ada banyak silat-silat atau pun seni mempertahankan diri di kawasan Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian yang tidak didaftarkan dibawah pertubuhan sebab mereka kata kenapa nak berdaftar dia tidak ada kepentingan untuk minta *loan* dia tidak ada kepentingan untuk buat pinjaman. Jadi sebab itulah mereka ini mewujudkan gelanggang-gelanggang silat untuk membawa seni itu sendiri ataupun menubuhkan seni itu sendiri pada belia-belia kita. Sebab itu baru-baru ini kita menghimpunkan 72 perguruan-perguruan kecil saya panggil perguruan kecil di Istana Banting, Istana Bandar di Kuala Langat yang mana Yang Berhormat Morib pun hadir sama. Jadi, menunjukkan pada Yang Berhormat sekalian, walaupun kumpulan-kumpulan silat ini disebut silat.. perguruan-perguruan silat kecil kita kerajaan juga memandang bermaksud

13 NOVEMBER 2019 (RABU)

kalau itu pun kita pandang dengan gelanggang silat yang sekecil-kecilnya pun insyaAllah kalau kita boleh bantu kita akan bantu. Tapi Yang Berhormat kena bagi komitmenlah sebab itu adalah kawasan Yang Berhormat sendiri. Kita kerjasama, kita kerjasama baik-baik. Baik Yang Berhormat. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Subang Jaya.

Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan Subang Jaya 137.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE (N31 SUBANG JAYA)

TAJUK : AIRBNB

137. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk menyelesaikan masalah sampingan (kacau ganggu, trafik dll) yang berpunca daripada bisnes AirBnB?

Y.B. DATUK ABDUL RASHID BIN ASARI : Terima kasih Yang Berhormat Subang Jaya yang bertanyakan tentang masalah-masalah yang dihadapi berkenaan dengan perniagaan AIRBNB. Kerajaan Negeri memang mengambil perhatian tentang masalah AIRBNB ini dan justeri itu kami telah memasukkan perniagaan AIRBNB ini di bawah salah satu projek perintis yang diletakkan di bawah program PTPS ataupun Tourism Pelancongan Negeri Selangor yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri.

Bagi menangani aduan berkenaan aktiviti penginapan yang berkonsepkan *bed and breakfast* ini atau pun sewaan jangka pendek *short rental* dengan izin secara lebih berkesan pada masa akan datang Keraajan Negeri dengan kerjasama Pihak Berkusa Tempatan dan Institut Perancang Malaysia (MIP) sedang dan dalam usaha untuk menyediakan garis panduan bagi menjalankan aktiviti rumah penginapan AIRBNB ini. Di peringkat Kerajaan Persekutuan juga, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah pun menyiapkan draf cadangan *Short Term Accommodation (STA) Regulatory Framework* sebagai panduan kepada pihak-pihak berkusa untuk menyediakan *instrument* kawalan ke atas aktiviti-aktiviti penginapan berkonsepkan *bed and breakfast* atau sewaan jangka pendek ini.

Dengan adanya garis panduan ini, Pihak Berkusa Tempatan atau lain pihak yang berkepentingan mempunyai punca kuasa dan rujukan perundangan yang mencukupi untuk membenarkan dan mengawalselia dan menguatkuasakan peraturan-peraturan berkaitan dengan aktiviti-aktiviti penginapan seperti ini secara bersama. Saya ingin mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Majlis Bandaraya Petaling Jaya yang telah melaksanakan projek perintis ini pada seminar yang telah diadakan pada 9 dan 10 Oktober yang lalu untuk menyediakan garis panduan yang terperinci dan menyediakan *instrument* kawalan bagi mendaftarkan perniagaan AIRBNB ini. Pihak Majlis Bandaraya Petaling Jaya sedang menyiapkan dokumen-dokumen berkenaan untuk didaftarkan dan dibawa ke Majlis

13 NOVEMBER 2019 (RABU)

Bandaraya Petaling Jaya untuk luluskan dan saya percaya kertas dokumen ini telah hampir siap dan akan dilancarkan pada 1 Januari 2020. Dan dengan adanya garis panduan seperti ini maka masalah-masalah gangguan kacau trafik dan sebagainya akan dapat diatasi. Terima kasih Yang Berhormat.

TUAN SPEAKER : Soalan 138 daripada Sungai Ramal.

Y.B. TUAN MAZWAN BIN JOHAR : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya soalan 138.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. TUAN MAZWAN BIN JOHAR (N26 SUNGAI RAMAL)

TAJUK : PENDIDIKAN

138. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa jumlah pelajar di Negeri Selangor yang tidak meneruskan pengajian ke sekolah?
- b) Apakah tindakan kerajaan negeri untuk memastikan pelajar sekolah yang bekerja tidak ketinggalan dalam akademik?
- c) Adakah wujud sistem bagi membantu pelajar sekolah yang mempunyai masalah kewangan atau kewarganegaraan?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Terima kasih Sungai Ramal. Speaker, sejumlah 11,031 orang pelajar-pelajar sekolah menengah yang tercicir atau pun tidak meneruskan pengajian dan 1,250 orang pelajar-pelajar sekolah rendah yang tidak meneruskan pengajian di Negeri Selangor. Ini rekod yang telah dicatatkan oleh Jabatan Pendidikan. Ada 8 faktor yang menyebabkan mereka tidak menyambung sekolah di sekolah menengah. Yang pertama, bekerja sebagai faktornya iaitu 183 orang. Yang kedua, berhenti sekolah iaitu 10,094 orang. Yang ketiga, berkahwin 19 orang. Keempat adalah kemiskinan 9 orang, masalah keluarga 123 orang, sukar ke sekolah 43 orang, takut ke sekolah 11 orang, tidak berminat ke sekolah 549 orang.

Manakala untuk sekolah rendah, yang alasan-alasan berhenti sekolah ataupun tidak meneruskan pengajian ialah 7 yang bekerja, 863 berhenti sekolah, 2 berkahwin ni umur berapa kahwin ni, 15 orang berada kemiskinan, 198 orang kerana masalah keluarga, sukar ke sekolah adalah 29 orang, takut ke sekolah 8, tidak berminat ke sekolah 128 orang menjadi keseluruhan 1,250.

Apakah inisiatif Kerajaan Negeri mulai tahun ini inisiatif kita adalah melalui Program Tuisyen Rakyat. Kalau Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian ingat tuisyen rakyat kita bermula tahun ini di premis sebanyak 14,000 orang. Kenapa 14,000 orang? Kerana 14,000 orang ini adalah berdasarkan keputusan peperiksaan akhir tingkatan 4 mereka ada potensi untuk pelajar-pelajar ini gagal dalam SPM. Justeru pihak Kerajaan Negeri membiayai hamplr 10,000

13 NOVEMBER 2019 (RABU)

dengan bajet dan belanjawan melalui MBI untuk kita laksanakan Program Tuisyen Rakyat supaya tidak ada pelajar-pelajar yang lemah, takut ke sekolah, bimbang di buli, marah dan sebagainya kerana kelemahan pendidikan akademik mereka boleh menyambung tingkatan 5 dan ada *support system* yang diberikan oleh pihak Kerajaan Negeri.

Kedua, tahun ini kita umumkan untuk tahun hadapan untuk Program Tuisyen Rakyat adalah memalui program UPSR juga dan dengan program UPSR saya rasa dia akan membantu kadar penyambungan sekolah di antara sekolah rendah ke sekolah menengah yang mungkin nilai kadar keguguran atau pun keciciran yang kecil tapi kalau masih lagi berlaku saya kira kita perlu mengambil perhatian.

Untuk soalan c, berdasarkan maklumat yang diberikan oleh pihak Jabatan Pendidikan Negeri Selangor buat masa ini tidak mempunyai sistem yang khusus untuk membantu pelajar sekolah yang mempunyai masalah kewangan atau pun kewarganegaraan. Tetapi JPN Selangor mempunyai satu mekanisme untuk membantu pelajar-pelajar berkenaan yang layak mendapat bantuan antaranya adalah Rancangan Makanan Tambahan (RMT), Tabung Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAMP), Program Susu Sekolah dan lain-lain lagi. Pelaksanaan Program Ziarah Cakna, saranan Kementerian Pendidikan Malaysia oleh pihak sekolah yang bertanya khabar dan memberi penerangan kepada keluarga untuk anak-anak mereka yang bersekolah. Pihak jabatan atau Jabatan Pendidikan Daerah dan sekolah mengalu-alukan murid yang ingin bersekolah semula dan permohonan tersebut boleh diadakan di PPD dan jabatan-jabatan yang berkaitan. Bagi sekolah yang mempunyai *Task Force* kepada isu murid berisiko cicir (murid yang kerap tidak hadir ke sekolah kerana bekerja), intervensi dilakukan oleh Guru Bimbingan dan Kaunseling (GBK) dengan menggunakan modul yang dinamakan Modul Sudi. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Sungai Ramal.

Y.B. TUAN MAZWAN BIN JOHAR : Terima kasih Tuan Speaker. Satu sahaja soalan tambahan saya. Di antara kategori pelajar ini, ada satu yang sangat membimbangkan iaitu pelajar yang tidak dapat ke sekolah kerana faktor selalunya bapa yang menghadapi masalah berada di dalam penjara. Tinggal ibu tak boleh nak sara, maka dia terbiar. Mereka ini dah lah ayah ada rekod yang sebegini, berpotensi untuk menjadi *gengster* dan sebagainya dan mereka inilah yang paling perlu dapat perhatian diberikan peluang. Cari juga jalan macam mana pun untuk mereka ini tidak ketinggalan daripada sekolah. Jadi apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk khusus kepada golongan yang begini sebab mereka ini paling berpotensi untuk rosak. Terima kasih.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Terima kasih Yang Berhormat Sungai Ramal. Kalau ikut daripada agensi yang sedia ada, kita ada dua agensi yang secara langsung membantu mereka ini iaitu pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat dan yang kedua adalah pihak Zakat dan saya rasa kalau betul-betul perlu atau pun termasuk dalam kelompok ini. Kelompok-kelompok ini boleh disalurkan terutama yang Muslim boleh disalurkan melalui Zakat. Bagi yang muslim dan non-muslim juga boleh salurkan melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat dan kalau di Zakat sebagai contoh memang ada bantuan untuk masuk sekolah. Bantuan masuk sekolah kadang-kadang mencecah ratusan ringgit yang boleh melengkapkan pakaian serta kemudahan untuk pelajar-pelajar tersebut untuk pergi ke sekolah yang mana ia akan membantu meringankan beban terhadap pelajar yang

13 NOVEMBER 2019 (RABU)

dibangkitkan. Kalau masuk penjara dan sebagainya saya rasa masih boleh dirujuk atau pun boleh disemak di bawah Zakat atau pun Jabatan Kebajikan Masyarakat.

TUAN SPEAKER : Semenyih.

Y.B. TUAN ZAKARIA BIN HJ HANAFI : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya nombor 139. Terima kasih.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. TUAN ZAKARIA BIN HJ HANAFI (N24 SEMENYIH)

TAJUK : SKIM MESRA USIA EMAS (SMUE)

139. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Nyatakan jumlah peruntukan skim mesra usia emas (SMUE) bagi tahun 2019 sehingga September?
- b) Berapa ramai jumlah penerima SMUE ini untuk program JOM SHOPPING tahun 2019?

Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD : Terima kasih Yang Berhormat Semenyih. Yang Berhormat bertanya mengenai jumlah peruntukan Skim Mesra Usia Emas bagi tahun 2019 sehingga September dan juga mengenai jumlah penerima SMUE ini untuk jom Program Jom Shopping.

Terdapat dua jenis pemberian manfaat di bawah Skim Mesra Usia Emas yang dilaksanakan pada tahun 2019. Pemberian Manfaat tersebut adalah seperti berikut :-

1. Manfaat Khairat Kematian yang telah dihentikan pada 31 Mei 2019.
2. Program Jom Shopping SMUE dilaksanakan bermula bulan September 2019.

Jumlah peruntukan SMUE untuk pembayaran Khairat Kematian SMUE bagi tahun 2019 sehingga 31 Oktober adalah RM18.2 juta dan jumlah peruntukan untuk Program Jom Shopping SMUE tahun 2019 dianggarkan RM6 juta. Jadi keseluruhan peruntukannya adalah RM24.2 juta. Jumlah keseluruhan mengenai ahli SMUE, Warga Emas dan OKU yang berdaftar adalah 321,584 orang. Jumlah ahli yang masih hidup 211,944 orang. Jumlah ahli SMUE yang terlibat dalam Program Jom Shopping September hingga Disember adalah 73,388 orang. Sehingga 31 Oktober 2019, seramai 13,823 orang ahli SMUE direkodkan telah menerima manfaat ini. Terima kasih.

Y.B. TUAN ZAKARIA BIN HJ HANAFI : Yang Berhormat. Tambahan, soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Semenyih.

Y.B. TUAN ZAKARIA BIN HJ HANAFI : Minta penerangan setuju kah Yang Berhormat EXCO supaya Intensif untuk golongan Warga Emas ini ditambah nilai dengan

13 NOVEMBER 2019 (RABU)

Insurans Kelompok khususnya untuk kemudahan memasuki wad apabila terpaksa memasuki wad. Insurans Kelompok Khas untuk Warga Emas ini. Sekian.

Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD : Yang Berhormat, setakat ini kita belum ada lagi cadangan untuk mewujudkan Insurans Kelompok untuk Warga Emas dan belum lagi dan cadangan untuk menambah peruntukan untuk Jom Shopping ini sebenarnya telah diutarakan dan kita mengatakan bahawa kita akan pertimbangkan sekiranya Kerajaan Negeri mempunyai kemampuan ya. Dan sekiranya untuk insurans itu, kita akan perhalusi dan kita tengok apa implikasinya. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Gombak Setia. Tidak hadir. Balakong.

Y.B. PUAN WONG SIEW KI : Terima kasih Tuan Speaker. Nombor soalan saya 141.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA

**Y.B. PUAN WONG SIEW KI
(N27 BALAKONG)**

TAJUK : RUMAH SELANGORKU

141. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- Projek Rumah Selangorku kurang sambutan terutamanya jenis B, C dan D yang dibina di kawasan luar bandar. Apakah usaha yang akan dilakukan demi meningkatkan sambutan rakyat terhadap projek-projek Rumah Selangorku ini?

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA : Terima kasih kepada Yang Berhormat Balakong yang bertanyakan tentang Projek Rumah Selangorku di kawasan luar bandar. Jadi untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri melalui Dasar Perumahan Mampu Milik Negeri Selangor telah mensyaratkan serta menggalakkan kepada pemaju untuk membina lebih banyak Rumah Selangorku jenis bertanah seperti rumah bandar dan teres ya untuk menarik minat daripada pembeli-pemberi terutamanya yang tinggal di kawasan luar bandar. Sebab ini keluasan tanah yang masih ada untuk dibina rumah itu masih banyak berbanding di bandar. Jadi pilihan bagi mereka yang tinggal di luar bandar ini adalah kepada rumah bertanah.

Selain itu, bagi meningkatkan juga bagi meningkatkan sambutan daripada rakyat terhadap projek Rumah Selangorku terutama sekali jenis B, C dan D ini. Melalui usaha :-

- Mempromosikan. Kita sebenarnya menggalakkan atau pun meminta pemaju mempromosikan Rumah Selangorku yang mereka bina ya. Di samping pihak Lembaga Perumahan Hartanah Selangor juga memainkan peranan tersebut.
- Kemudian kita juga mengadakan program-program penawaran Rumah Selangorku secara terbuka dan terus setelah penawaran secara merit dijalankan ya bagi mempercepatkan lagi proses atau pun urusan pembelian Rumah Selangorku.
- Kita setiap tahun sebenarnya, kita mengadakan program Pameran Hartanah Negeri Selangor dan khususnya mempromosikan projek-projek Rumah Selangorku yang ada.

13 NOVEMBER 2019 (RABU)

- iv) Kita juga mengambil pendekatan memaklumkan senarai Rumah Selangorku yang ada kepada Jabatan-Jabatan Kerajaan juga Agensi-Agenis Kerajaan supaya kakitangan kerajaan juga boleh mengakses ya kepada unit-unit Rumah Selangorku yang ada di kawasan-kawasan yang berdekatan dengan tempat tinggal penjawat-penjawat awam.
- v) Dan satu lagi kaedah ialah kita memaklumkan juga senarai ini kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat, ADUN Kawasan ya tentang projek-projek yang ada dan juga bilangan unit yang masih kosong untuk ditawarkan.

Jadi ini antara pendekatan kami. Hanya rumah bertingkat ini lebih banyak dibina di kawasan yang tanahnya nilai tanahnya tinggi ya. Terutama di bandar berbanding di desa. Terima kasih.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Tambahan.

TUAN SPEAKER : Hulu Kelang.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Terima kasih Tuan Speaker. Terima kasih Yang Berhormat EXCO. Adakah rancangan untuk menyenaraikan kakitangan awam yang sudah lama berkhidmat dengan Kerajaan dan Pegawai-Pegawai dan kakitangan PBT sebagai penerima kepada Rumah Selangorku. Terima kasih.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA : Lembaga Perumahan Hartanah Selangor tidak ada halangan sekiranya Jabatan-Jabatan berkaitan ya mempunyai senarai kakitangan yang memang layak untuk memiliki Rumah Selangorku. Sebagai contoh ada satu majlis, saya tak sebut disinilah yang telah membuat *swapping* untuk menyediakan rumah bagi kakitangan-kakitangan mereka dengan pemaju ya. Tanah yang mungkin mereka sudah sedia ada di tukarkan dengan unit-unit Rumah Selangorku. Jadi ini pendekatan yang ada di jalankan. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Meru.

Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Soalan saya 142.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR (N42 MERU)

TAJUK : PEMUTIHAN RUMAH IBADAT HARAM

141. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-
 - a) Adakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk memutihkan rumah-rumah ibadat haram yang berselerak dan serta menetapkan SOP aktiviti di dalam rumah ibadat ini?

13 NOVEMBER 2019 (RABU)

Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN : Tuan Speaker, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri MMKN ke 6/2008 yang diadakan pada 30 April 2008 telah menimbang dan bersetuju untuk menubuhkan Jawatankuasa Hal Ehwal Bukan Islam. Jawatankuasa ini berperanan mengadakan dialog dengan persatuan-persatuan agama bukan Islam dan akan meneliti inventori-inventori rumah-rumah keagamaan bukan Islam. Jawatankuasa ini kemudiannya dikenali sebagai Jawatankuasa Hal Ehwal Selain Islam. Jawatankuasa ini turut berperanan menyelesaikan masalah pada isu-isu mengenai tanah dan bangunan rumah ibadat selain Islam dalam Negeri Selangor. Jawatankuasa ini bermesyuarat sekurang-kurangnya 6 kali setahun atau setiap 2 bulan sekali bagi membincangkan hal ehwal selain Islam.

Selain itu, Kerajaan Negeri sentiasa komited menyediakan tapak kemudahan ibadat yang kondusif dengan memastikan setiap pembangunan baru perlu menyediakan kemudahan-kemudahan mengikut Manual Garis Panduan Perancangan Negeri Selangor (Edisi Kedua).

Dalam pada itu, Jawatankuasa Hal Ehwal Selain Islam yang turut dianggotai oleh agensi-agensi teknikal seperti Pihak Berkuasa Tempatan, Pejabat Tanah & Daerah Negeri Selangor, Pejabat Tanah & Galian Negeri Selangor, Jabatan Kerja Raya dan lain-lain agensi yang berkenaan akan bermesyuarat dan mempertimbangkan bagi status Rumah Ibadat Selain Islam (RISI) yang terletak di atas tanah Kerajaan sama ada diwartakan atau dipindahkan.

Bagi RISI yang dibina sebelum tahun 2008 akan dipertimbangkan untuk dikekalkan atau diberikan tapak ganti berdasarkan faktor-faktor tertentu seperti kewujudan tapak kosong yang bersesuaian, usia RISI tersebut sendiri, bilangan penganut, keperluan setempat dan faktor-faktor yang bersesuaian tertakluk kepada pendirian agensi teknikal yang berkenaan.

Bagi pembangunan baru tapak rumah ibadat, Kerajaan Negeri akan memastikan semua pembangunan adalah berdaftar dengan mengemukakan Permohonan Merancang selaras dengan keperluan di bawah Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172).

Bagi rumah-rumah ibadat yang didirikan tanpa kebenaran, Kerajaan Negeri menggunakan Garis Panduan Tatacara Penguatkuasaan ke Atas Rumah Ibadat Selain Islam dan Tempat Penyembahan Dibina Tanpa Kebenaran di Negeri Selangor yang berkuatkuasa sejak 1 Februari 2014.

Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Meru

Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Saya nak bertanya berkaitan dengan isu rumah yang rumah persendirian yang jadi rumah ibadat. Setakat ini tindakan yang telah dilaksanakan dan yang kedua, bagaimana dengan tanah yang telah digazetkan sebagai tempat rumah ibadat di kawasan-kawasan perumahan yang telah dibangunkan dengan pembangunan-pembangunan yang lain.

Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN : Terima kasih Meru. Pertama kalau rumah sendiri atau pun rumah yang sepatutnya diduduki oleh orang-orang khususnya. Kita

13 NOVEMBER 2019 (RABU)

ada beberapa faktor ya. Khususnya rumah teres, tidak dibenarkan dalam rumah-rumah atau kawasan seperti perumahan. Kita tidak dibenarkan ya. Memang penguatkuasaan kita lakukan. Dan juga rumah banglo yang mana dia tidak dicantum dengan rumah lain dengan apa itu, pendengaran awam. Boleh diwartakan sebagai rumah ibadat. Dalam pada itu juga, tanah tapak-tapak yang dikatakan telah disalah guna pakai. Kalau kita ada aduan, kita membuat kita ambil tindakan yang mengikut keadaan tapak tersebut dan juga kita pun perlu lihat juga kalau tapak itu masih lagi milik Kerajaan Negeri atau diwartakan atau telah dipindah milik. Kalau dulu sebelum 2008, tapak-tapak yang sepatutnya diwartakan untuk kegunaan rumah ibadat. Tidak pernah diwartakan sebegini. Walaupun pada dasarnya dia dirancang begitu. Tapi pemberi milikan telah dilakukan atau penjualan telah dilakukan. Maka sukar untuk ambil tindakan.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Hulu Kelang.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Tuan Speaker, terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat EXCO. Adakah skop kerja Jawatankuasa itu melibatkan memberi sumbangan kepada Majlis Sambutan Hari Natal, Krismas kepada penganut agama Kristian kerana baru-baru ini saya menerima surat daripada gabungan gereja-gereja seluruh Gombak meminta sumbangan mereka mengadakan hari Krismas yang besar kerana kata mereka, mereka tidak dapat jom shopping dan tidak dapat apa-apa.

Y.B. TUAN GANABATIRA A/L VERAMAN : Terima kasih Yang Berhormat Hulu Kelang yang sentiasa prihatin tentang masalah-masalah yang amat banyak pihak juga. Sebenarnya tidak berkenan dengan soalan asas. Tapi walau bagaimanapun peruntukan tersebut boleh mohon kepada Yang Berhormat Kajang untuk bahagian... Terima kasih

TUAN SPEAKER : Jeram

Y.B. TUAN GANABATIRA A/L VERAMAN : Saya juga percaya peruntukan tersebut telah habis diguna sekarang

TUAN SPEAKER : Dipersilakan Jeram

Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI : Terima kasih Tuan Speaker. soalan saya 143.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI (N12 JERAM)

TAJUK : PBT

143. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk melantik ADUN kawasan menjadi penasihat kepada Majlis Daerah di kawasan adun masing-masing?

13 NOVEMBER 2019 (RABU)

Y.B. TUAN NG SZE HAN : Terima kasih Yang Berhormat Jeram. Yang Berhormat Jeram bertanya adakah kerajaan negeri bercadang untuk melantik adun kawasan menjadi penasihat kepada majlis daerah di kawasan adun masing-masing. Tuan speaker, Kerajaan negeri tidak bercadang untuk melantik adun kawasan menjadi penasihat kepada PBT di kawasan masing-masing kerana ini bercanggah dengan prinsip pengasingan kuasa atau *separation of power*. Walau bagaimana pun kerajaan negeri telah meminta semua PBT mengadakan sesi *engagement* atau mesyuarat bersama adun dan ahli parlimen termasuk dari pihak pembangkang sebanyak empat kali setahun. Keputusan ini dibuat agar komunikasi dua hala antara PBT dan wakil rakyat dilaksanakan bagi memberi ruang yang lebih terbuka dan melontarkan pendapat dan idea. Oleh yang demikian, melalui platform tersebut setiap adun boleh memainkan peranan dan memberi teguran atau nasihat kepada PBT berkenaan bagi memastikan pembangunan kawasan dun masing-masing terkawal dan sejahtera. Sekian terima kasih.

Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI : Soal tambahan.

TUAN SPEAKER : Jeram

Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI : Adakah dengan mesyuarat empat kali itu boleh menyelesaikan masalah di kawasan itu. Kawasan Majlis Daerah dun itu sendiri. Saya nak tanya pada Yang Berhormat.

Y.B. TUAN NG SZE HAN : Ini merupakan satu platform bagi wakil rakyat untuk mengemukakan atau melontarkan isu-isu di kawasan kepada yang di Pertua sendiri. Ini satu komunikasi dua hala dan *direct communication*.

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat Jeram boleh duduk dulu.

Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI : Adakah Yang Berhormat setuju sekiranya saya kata Yang Berhormat EXCO telah menyebabkan kuasa adun itu pupus di kawasan.

Y.B. TUAN NG SZE HAN : Saya rasa kenyataan ini adalah tidak betul dan adalah satu kenyataan salah kerana kita mengamalkan satu sistem pengasingan kuasa *separation of power* di mana Yang Berhormat Adun seorang *legislator* bukan *executive*. *Legislator* bermakna *person with the power to make a law*, dengan izin, jadi ia berbeza dengan *executive* yang mana barisan-barisan EXCO di sini adalah *executive* dan YDP juga merupakan *executive* tetapi Yang Berhormat Adun merupakan seorang *legislator*. Sekian, terima kasih

TUAN SPEAKER : Banting

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Terima kasih Tuan Speaker. Empat kali setahun adalah satu kekerapan terlalu sedikit dan saya memohon supaya kerajaan mempertimbangkan platform-platform seperti ini perlulah dikerapkan. Saya rasa ianya boleh dilakukan untuk semua pejabat, untuk semua Majlis Daerah, PBT. Saya ingin mendapat pengesahan daripada Yang Berhormat EXCO, adakah cadangan itu boleh di terima dan di..

13 NOVEMBER 2019 (RABU)

Y.B. TUAN NG SZE HAN : Pandangan Yang Berhormat Banting boleh di pertimbangkan tetapi saya nampak sebenarnya kehadiran, kehadiran pertemuan empat kali ini sebenarnya sambutan itu bukan hebat sangat. Ramai wakil rakyat yang tidak menghadiri pertemuan tersebut bersama YDP ataupun Datuk Bandar. Sekiranya sambutan itu baik dan sekiranya semua Yang Berhormat rasa ini merupakan satu platform yang baik, maka saya rasa tiada masalah untuk kita menambahkan bilangan mesyuarat bersama YDP.

TUAN SPEAKER : Bukit Gasing

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Terima kasih saya menghargai usaha untuk adakan platform ini dan saya merakamkan jika mesyuarat diadakan lebih kerap kami gembira untuk hadir kerana banyak isu kawasan yang kami nak luahkan dan mendapatkan penyelesaian. Isu dia ialah ADUN adalah yang dipilih oleh rakyat tetapi yang keputusan dibuat oleh PBT yang kena ditanggung oleh orang yang tidak membuat keputusan iaitu ADUN. Saya rasa paling baik kita jangan rosakkan tugas eksekutif-eksekutif yang lebih baik kita percepatkan pilihan raya kerajaan tempatan seperti mana semua negara di dunia ini ada mempunyai Pilihanraya Kerajaan Tempatan. Apa pandangan Yang Berhormat EXCO?

Y.B. TUAN NG SZE HAN : KPKT seperti apa yang telah saya jawab dalam beberapa hari yang lepas, KPKT sedang mengkaji bagaimana kita nak pulihkan pilihan kerajaan tempatan. Ini merupakan satu langkah yang sangat penting dan kami masih menunggu keputusan ataupun kajian daripada KPKT dan bilakah kita boleh melaksanakan pilihan raya kerajaan tempatan di seluruh Malaysia dan Negeri Selangor.

TUAN SPEAKER : Ijok

Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Ijok nak bertanya, adakah kerajaan Negeri Selangor nak wujudkan satu rangka pentadbiran PBT yang sepertimana negara jiran kita iaitu Ahli Parlimen ataupun wakil rakyat menjadi pengerusi PBT?

Y.B. TUAN NG SZE HAN : Kalau kepada Akta Kerajaan Tempatan, sekiranya kita nak mengamalkan cara seperti apa yang dicadangkan oleh Yang berhormat Ijok, maka kita perlu ubah Akta Kerajaan Tempatan dan ini kita harus berbincang dengan kerajaan pusat tetapi saya nampak sekiranya kita ada pilihan raya kerajaan tempatan, maka ini tidak jadi masalah, sesiapa pun ahli politik ke, orang awam boleh menjadi calon sekiranya kita ada Pilihanraya Kerajaan Tempatan.

TUAN SPEAKER : Sungai Panjang

Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN : Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Soalan saya 144.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN (N03 SUNGAI PANJANG)

TAJUK : UNIVERSITI SELANGOR (UNISEL)

13 NOVEMBER 2019 (RABU)

144. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah terkini pelajar UNISEL mengikut fakulti?
- b) Berapakah kos operasi UNISEL setahun berbanding jumlah pendapatan?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Speaker dan terima kasih Sungai Panjang atas soalan yang dikemukakan. Jumlah terkini pelajar Unisel pada tahun 2018, akhir 2018 adalah sebanyak 11,328 orang dengan Fakulti Pendidikan Sains Sosial menunjukkan jumlah pelajar yang teramai bersama Fakulti Perniagaan dan Perakaunan. Dua fakulti ini sahaja mencatatkan lebih 7000 orang pelajar yang bertempat di Shah Alam dan juga satu lagi bertempat di Bestari Jaya. Dan pada tahun 2018 secara keseluruhan pendapatan Unisel adalah sebanyak RM111 juta dan kos operasi ataupun Opex bagi Unisel adalah sebanyak RM109 juta. Terima Kasih.

TUAN SPEAKER : Sungai Pelek

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIW : Terima kasih Tuan Speaker. Adakah kerajaan mengkaji adakah kemungkinan untuk memberi memandangkan pengembangan ataupun kemajuan Unisel. Adakah rancangan untuk memberi suntikan untuk *care pack* supaya boleh terus membangun.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Terima kasih Sungai Pelek. Daripada ketika ini sebenarnya pihak kerajaan negeri sedang menyusun dan memastikan aspek-aspek tertentu Unisel dapat diselesaikan yang utama iaitu hutang-hutang lapuk yang telah menyebabkan Unisel menanggung bebanan yang cukup besar. Semalam sebenarnya baru selesai mesyuarat Lembaga Pengarah Unisel, dan kita unjur sebenarnya trend menurun dan penyakit di dalam pengurusan kewangan Unisel ini sudah mula sejak 2006 dan 2007. Dan dengan beberapa pinjaman-pinjaman tertentu dan nilai-nilai tertentu yang kita buat, secara keseluruhannya kerajaan negeri mempunyai *burden* lebih kurang 20 juta lebih atau menghampiri 30 juta, 28 juta untuk menyelesaikan hutang-hutang dengan jalan niaga dan beberapa hutang-hutang telah tertanggung oleh pihak Unisel sebelum ini. Jadi pada ketika ini sebenarnya Unisel sudah berubah. Banyak perubahan-perubahan infrastruktur yang telah ada. Kalau Yang berhormat-Yang Berhormat dijemput ke Unisel dapat lihat secara keseluruhan, Unisel sedang berubah dan kehadiran mahasiswa mahasiswa cukup ramai. Hampir 4000 mahasiswa Unisel sekarang ini ada bertapak di Kampus Bestari Jaya berbanding tahun-tahun sebelum ini dan ini antara jumlah yang teramai. Cuma ketika ini, semua institusi pengajian tinggi di Malaysia termasuk universiti-universiti swasta yang *established* berdepan beberapa kesukaran. Antara kesukaran yang paling jelas ialah jumlah pelajar-pelajar dan mahasiswa dan mahasiswa untuk fakulti kejuruteraan. Ada jumlah penurunan yang sangat *significant*. Bukan satu universiti, di banyak universiti malahan jumlah penutupan Fakulti Kejuruteraan juga sudah semakin meningkat di universiti-universiti berkenaan. Tetapi bagi Negeri Selangor, kita terpaksa subsidi setiap tahun, kerajaan atau pun setiap tahun kalau ikut perangkaannya, kerajaan atau Unisel hampir kehilangan 45 juta mengekalkan beberapa fakulti seperti Fakulti *Engieneering* dan bagi pihak kerajaan negeri ada keperluan itu dan kita cuba

13 NOVEMBER 2019 (RABU)

mempertahankan, sesuai dengan keperluan industri yang ada pada ketika ini. Terima kasih.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Soalat tambahan.

TUAN SPEAKER : Banting

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Terima kasih Tuan Speaker. Kami sedia maklum dengan keadaan kewangan Unisel yang terikat dengan kontrak BOT yang lepas. Tapi saya ingin bertanya apakan cadangan ataupun rancangan daripada kerajaan memandangkan sekarang ini, dewasa ini banyak universiti yang hendak mengambil bahagian dalam *survey ranking* universiti-universiti terkemuka tapi setiap kali kita tengok, Unisel nampaknya tidak terlibat dalam kajian-kajian sebegini dan apakah Unisel sudah pun bersedia untuk mengambil bahagian dalam *survey* itu dan daripada itu kita dapat tahu kelemahan dan juga aspek-aspek yang perlu ditambah baik oleh Unisel.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Terima kasih. Mungkin yang ada pada penarafan Unisel ialah setara. Setara ataupun penarafan bintang diberikan kepada universiti-universiti yang ada Unisel atau pun universiti-universiti yang ada di Malaysia. Apa yang menjadi sedikit bebanan kepada Unisel ialah taraf universiti. Sebab umur universiti Unisel itu sudah berusia lebih 16, 17 tahun. Unisel telah diletakkan sama *link* ataupun sama kategori dengan universiti-universiti seperti UM, UKM, UPM dan sebagainya. Di mana geran kerajaan Kerajaan persekutuan kepada universiti-universiti terbabit mencecah ratusan juta ringgit. Dan kita hanya memberikan sebahagian itu pun itu menyelesaikan hutang. Namun begitu daripada angka yang ditunjukkan beberapa kali saya telah tunjukkan, dari segi pembelajaran ataupun pendidikan kelas dan sebagainya, kita boleh dikatakan jauh lebih baik sedikit atau pun tidak jauh beza dengan universiti-universiti terbabit. Universiti-universiti yang telah *established* terbabit. Cuma ada beberapa perkara-perkara lain yang perlu melagikan sokongan antaranya kajian, *research*, penulisan dan juga melibatkan aktiviti sosial masyarakat di antara mahasiswa mahasiswa dan persekitarannya. Itu pun saya lihat mahasiswa Unisel ada, cuma kita mungkin boleh melihat bagaimana menguja serta menambah peruntukan-peruntukan untuk kajian-kajian dibuat oleh pihak Unisel dan ada penulisan-penulisan dalam bentuk makalah ataupun dalam bentuk jurnal, untuk meningkatkan kualiti setara ataupun penarafan bintang Unisel yang mengalami sedikit penurunan dalam tempoh dua tahun ini. Kerajaan Negeri akan melihat bagaimana fungsi yang kita bantu untuk meningkatkan setara itu. Tetapi kalau diukur secara keseluruhan, pembelajaran konteks kita ajar kadang kala lebih baik berbanding setengah universiti-universiti yang telah *established* yang telah lama atau universiti awam.

TUAN SPEAKER : Kota Damansara

Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan Kota Damansara 145.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR (N39 KOTA DAMANSARA)

13 NOVEMBER 2019 (RABU)

**TAJUK : PEMBINAAN SEKOLAH RENDAH AGAMA (SRA) SUBANG BISTARI
SEKSYEN U5 SHAH ALAM**

145. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah status tapak SRA tersebut seperti yang di janjikan oleh kerajaan?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Terima kasih pihak Kota Damansara. Tapak SRA Subang Bestari U5 telah diwartakan pada 9 Disember tahun 2008 iaitu terletak di Daerah Petaling Mukim Sungai Buloh dengan nombor PA nya adalah 93356. Setakat ini kita sedang menunggu pelan daripada pihak Jabatan Agama dan juga pihak Jabatan Pendidikan untuk melihat secara keseluruhan pembangunan SRA Sungai Buloh bergantung SRA Sekolah Rendah Agama Subang Bestari berdasarkan kepada keperluan dan permintaan penduduk setempat. Terima kasih.

Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR : Soalan Tambahan.

TUAN SPEAKER : Kota Damansara.

Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR : Terima kasih. Adakah ini bermakna bahawa tapak yang telah diwartakan akan kekal di teruskan projek tersebut ataupun ada perancangan lain? Penjelasan.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Terima kasih Yang Berhormat, gazet dan digezat ada proses yang tertentu, setakat ini telah digazetkan atau pun telah diwartakan untuk sekolah dan belum di keluarkan daripada gazet. Bila telah digazet atau diwartakan biasanya kita akan tetapkan hanya ia akan dibina sekolah dan tidak boleh institusi ataupun bangunan ataupun infra lain kecuali proses digazet berlaku. Proses digazet. Kalau kita cakap kat sekolah ialah bukan hanya sekolah makna kena ada kantin kena ada *toilet* kena ada sebagainya. Itu perlu dibuat, tetapi maknanya hanya bangunan hanya struktur sekolah sahaja yang dibolehkan di situ. Itu biasanya syarat-syarat ataupun had sekatan yang kita kenakan kepada proses-proses tertentu dan bila telah digazetkan maknanya ia memang untuk tujuan itu dan tidak boleh untuk tujuan lain. Ini memang amalan kita sejak dua tiga tahun.

TUAN SPEAKER : Dusun Tua.

Y.B. TUAN EDRY FAIZAL BIN EDDY YUSOF : Terima kasih Tuan Speaker, soalan saya no. 146.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN EDRY FAIZAL BIN EDDY YUSOF
(N23 DUSUN TUA)**

TAJUK : RANCANGAN PERTANIAN HULU LANGAT

146. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

13 NOVEMBER 2019 (RABU)

- a) Apakah perancangan Kerajaan untuk membangunkan pertanian di Daerah Hulu Langat?

Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM : Terima kasih Yang Berhormat Dusun Tua. Tuan Speaker, Dusun Tua bertanyakan soalan berhubung dengan perancangan Kerajaan Negeri untuk membangunkan Kawasan pertanian di daerah Hulu Langat. Soalan ini agak umum luas. Saya akan cuba jawab secepat mungkin. Jabatan Pertanian Negeri Selangor telah merancang pembangunan pertanian melalui skop sedia ada dengan memperkasa semula program dan aktiviti ada berapa pendekatan yang telah dilaksanakan oleh Jabatan Pertanian pertama ialah dengan pembangunan dusun buah-buahan. Daerah Hulu Langat ini memang terkenal dengan dusun-dusun durian walaupun ada aduan daripada peniaga di sana bahawa, daripada penduduk di sana bahawa yang mengambil kesempatan daripada nama kemasyhuran durian Hulu Langat ini dengan membawa durian daripada luar tapi dijual di Hulu Langat. Jadi untuk itu kita telah mula membanyakkan varieti durian di sana. Dan ini terlibat yang terlibat ialah Musang King (D197), Bukit Merah (D24), Hajah Asmah (D168) yang kita popular di Hulu Langat.

Tanaman nangka Tekam Yellow (J33) dan lain-lain tanaman dengan klon atau varieti yang bernilai tinggi telah kita laksanakan yang memenuhi permintaan pasaran. Projek dibangunkan melalui pendekatan secara berkelompok ataupun secara komersil. Permohonan insentif atau bantuan kita tingkatkan setiap tahun bagi memajukan projek tanaman dusun buah-buahan ini, sama ada projek baru ataupun dusun yang sedia ada. Seluas 188.3 hektar kawasan dusun telah pun menerima manfaat bantuan daripada Kerajaan. Yang kedua ialah pembangunan tanah terbiar. Program ini terbuka kepada semua pemohon untuk memohon menyertai projek pembangunan tanah terbuka dengan syarat kelayakan tanah minima seluas 2 hektar untuk menjalankan pelbagai projek tanaman makanan seperti tanaman sayur-sayuran, buah-buahan, herba, tanaman kontan lain. Kawasan seluas 45 hektar kawasan tanah terbiar telah dibangunkan di daerah Hulu Langat mungkin kita boleh gunakan di Ijok nanti. Yang ketiga ialah Pembangunan Projek Fertigasi. Pembangunan projek fertigasi rock melon, cili, timun dan pelbagai tanaman kontan yang lain yang menarik minat usahawan muda menceburि bidang pertanian. Sebagai mana sedia maklum fertigasi ini ialah komponen pertanian moden yang kita sedang bangunkan di negeri Selangor. Juga permintaan bagi rock melon dan cili di pasaran yang tinggi sekarang ini, dengan penggunaan teknologi moden ini berjaya menarik golongan muda untuk melibat secara aktif dan menjadikan sebagai punca pendapatan utama mereka dan juga penggunaan tanah yang maksima. Bagi tujuan ini, pembangunan projek fertigasi di Hulu Langat telah mencapai keluasan 23 hektar.

Yang keempat Pembangunan tanaman bunga-bungaan dan hiasan. Ini mungkin Yang Berhormat Hulu Kelang berminat mendengarnya. Pembangunan industri hiasan dan bunga-bungaan ini potensi dibangunkan ada beberapa tempat di Hulu Langat yang kita telah mula adakan wujudkan peluang-peluang kepada usahawan ini dalam bentuk tanaman hiasan dan landskap. Sebanyak 13 peserta industri bunga-bungaan dan tanaman hiasan telah dibangunkan di Hulu Langat. Seterusnya juga ada lagi beberapa perkara lagi yang kita wujudkan yang penting lagi ialah, pembangunan Taman Kekal Pengeluaran Makanan Hulu Langat iaitu TKPM di Semenyih dan Batang Si. Di Semenyih berkeluasan 38 hektar, ada 8 peserta di sana dan di Batang Si berkeluasan 58 hektar yang diusahakan oleh 13

13 NOVEMBER 2019 (RABU)

peserta dengan tanaman-tanaman utama nangka, belimbing dan cendawan. Dan seterusnya ialah pembangunan ladang organik pun kita baru mulakan di Hulu Langat ada 3 buah ladang yang berkonsepkan organik dan mesra alam yang kita sedang bangunkan di Hulu Langat. Sekian.

Y.B. TUAN EDRY FAIZAL BIN EDDY YUSOF : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Dusun Tua.

Y.B. TUAN EDRY FAIZAL BIN EDDY YUSOF : Merujuk kepada pembangunan dusun buah-buahan dan sebagainya, adakah pembangunan dusun buah-buah di daerah Hulu Langat ini menyumbang kepada eksport negara? Terima kasih.

TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM : Saya tidak ada maklumat tetapi, setahu saya bekalan yang ada di situ pun tidak mencukupi untuk di. Sebab itu ada buah-buahan di luar masuk di situ. Kerana saya dapati pun memang rakyat Selangor memang tahu kualiti terutamanya buah durian di Hulu Langat ini sangat-sangat tinggi dan permintaan yang tinggi saya rasa tidak cukup untuk nak eksport. Kita tak sampai kat Dewan pun tak sampai. Jadi terima kasih.

TUAN SPEAKER : Bukit Lanjan.

PUAN Y.B. ELIZABETH WONG KEAT PING : Tuan Speaker soalan 147.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING (N37 BUKIT LANJAN)

TAJUK : UJIAN 5G DI SELANGOR

147. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Selangor adalah antara 4 negeri yang diberi peluang untuk memulakan ujian 5G di Malaysia. Apakah penglibatan Kerajaan Negeri dalam projek "Fibrerisation" tersebut?
- b) Apa jenis projek yang akan diuji di Negeri Selangor dan khasnya di MPSJ, dan manfaatnya kepada rakyat?

Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM : Terima kasih Yang Berhormat Bukit Lanjan daripada buah durian kepada 5G ya. Yang Berhormat Bukit Lanjan bertanyakan soalan berhubung dengan status 5G pelaksanaan 5G. Iaitu *Five Generation Of Telecommunication Services* ataupun standard yang di perkatakan secara meluas bukan sahaja di Malaysia di dunia. Jadi apakah Yang Berhormat ingin mengetahui penglibatan Kerajaan Negeri dalam projek *Fiberisation* dengan izin itu program pelaksanaan fiber di negeri Selangor. Dan apakah projek ini diuji Selangor dan khas di MPSJ dan manfaat pada rakyat. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri Selangor telah membentuk Jawatankuasa Infrastruktur Digital dengan syarikat-syarikat telekomunikasi dan juga terdiri

13 NOVEMBER 2019 (RABU)

dari pada dari jawatankuasa ini terdiri daripada mereka-mereka yang terlibat langsung dalam pembangunan telekomunikasi dan juga infra digital termasuklah syarikat-syarikat telco, telekomunikasi, pihak PBT, SKMM dan juga JPBD. Jawatankuasa ini telah ditubuhkan melalui Jawatankuasa Tetap Infrastruktur & Kemudahan Awam, Pemodenan Pertanian Dan Industri Asas Tani, yang saya penguruskan dan dipanggil sebagai Jawatankuasa Infrastruktur Digital. Dan Smartsel dan SSDU Smart Selangor Delivery Unit telah diberi dilantik mewakili Kerajaan Negeri Selangor sebagai penasihat teknikal dalam jawatankuasa tersebut. Di antara objektif penubuhan jawatankuasa ini adalah untuk menyelaras dan membuat koordinasi pembangunan infrastruktur digital di Selangor termasuk pelan *Fiberisation* dan juga ujian 5G di Malaysia, terutamanya di Negeri Selangor. Untuk makluman Yang Berhormat, projek 5G ini masih baru dan setakat ini apa yang telah diumumkan dan dimaklumkan oleh Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia berhubung dengan pelaksanaan projek demo projek demo atau *Demonstration Project* yang telah umumkan baru-baru ini. Di mana bukan 4 negeri ya Yang Berhormat, 6 negeri yang terlibat iaitu Kedah, Perak, Pulau Pinang Selangor Terengganu dan Kuala Lumpur. Dan melibatkan 32 projek demo, demo ini macam projek perintis ya. Projek perintis sebab *roll out* ataupun pelaksanaan secara rasmi 5G adalah akan dibuat secara rasmi pada tahun 2021. Jadi sebelum itu, dia akan mengadakan projek demo sebanyak 32 projek dan akan dibuat mulai dan mula pun telah bermula selama 6 bulan, bermula Oktober 2019. Projek ini melibatkan pelbagai aspek dan di untuk Negeri Selangor. Mereka telah memilih empat jenis kegunaan untuk Negeri Selangor. Yang pertama ialah Penjagaan Kesihatan Digital. Kedua ialah Pendidikan. Ketiga ialah Hiburan dan Media dan keempat ialah Bandar Pintar. Manakala kawasan lima kawasan yang telah ditentukan oleh SKMM untuk dilaksanakan *demo project* ini atau Projek Demo ialah satu ialah di pertama 5G OpenLab @ Rekaspace, Cyberjaya, yang kedua ialah Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam. Yang ketiga Subang Jaya (SS15, SS14 dan SS18). Yang keempat ialah Majlis Bandar Raya Petaling Jaya. Yang kelima Gamuda Cove, Dengkil.

Pihak Kerajaan Negeri melalui Smartsel sedang menjalankan perbincangan dam kajian bersama-sama 5G Openlab di bawah Cyberview Sdn. Bhd. berkenaan keberkesanan dan daya maju (*viability*) projek-projek turus 5G terhadap komuniti dan perusahaan di Negeri Selangor. Di antara manfaat yang dapat dinikmati oleh rakyat Negeri Selangor, melalui ujian 5G ini ialah yang pertama CCTV dan Lampu Trafik Pintar yang dirancang untuk melancarkan aliran trafik di bandar-bandar. Dua, Tele-Perubatan Perubatan Digital (*Telemedicine*) yang dicadangkan dapat mempercepat penyampaian perkhidmatan perubatan. Dan ketiga ialah Perkhidmatan *Virtual Augmented Reality* (VR, AR) dan eKelas yang dirangka akan merangsangkan pembelajaran dan pendidikan. Sekian

TUAN SPEAKER : Teratai

Y.B. TUAN LAI WAI CHONG : Tuan Speaker, soalan Terai no.148

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAI WAI CHONG
(N22 TERATAI)**

TAJUK : PENINGKATAN STATUS PBT

13 NOVEMBER 2019 (RABU)

148. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perancangan Kerajaan Negeri dalam membantu MPAJ mencapai status bandaraya?

JAWAPAN:

Y.B. TUAN NG SZE HAN : Tuan Speaker. Sebarang usaha atau cadangan menaik taraf PBT kepada Majlis Bandaraya hendaklah mengambil kira kepatuhan sebelas (11) kriteria asas seperti mana yang ditetapkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) di dalam Pekeliling Ketua Setiausaha, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Bilangan 4 Tahun 2008. Dalam masa yang sama, peruntukan seksyen 4(2) Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) membenarkan Pihak Berkuasa Negeri (PBN) berunding dengan Menteri untuk menukar taraf sesuatu PBT. Oleh yang demikian, dalam membantu MPAJ dinaiktarafkan sebagai sebuah Majlis Bandaraya, Kerajaan Negeri akan memastikan dahulu MPAJ bersedia dan telah mematuhi semua syarat-syarat yang ditetapkan oleh KPCT. Kerajaan Negeri juga akan memastikan perkhidmatan dan pengurusan yang diberikan oleh PBT ini dipertingkatkan serta mengamalkan sistem tadbir urus yang cekap dan yang baik.

TUAN SPEAKER : Taman Templer.

Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN : Soalan 149.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN (N15 TAMAN TEMPLER)

TAJUK : PROGRAM HARI SUKAN NEGARA

149. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah pihak kerajaan berhasrat untuk memberi dana tambahan kepada setiap DUN bagi menjayakan program Hari Sukan Negara yang disambut pada setiap bulan Oktober?

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN : Terima kasih Yang Berhormat Taman Templer dalam dua minit ini. Apakah Kerajaan, apakah Kerajaan berhasrat memberi dana tambahan kepada setiap DUN bagi menjayakan program? Buat waktu ini kita serahkan kepada kebijaksanaan DUN melaksanakan kerana Hari Sukan Negara ini adalah di bawah Kementerian Belia dan Sukan pada waktu ini kesemua agensi-agensi Persekutuan seperti sekolah Vokasional Federal Agency merekalah ini telah melaksanakan Hari Sukan Negara di peringkat masing-masing. Jadi kalau Yang Berhormat di peringkat Taman Templer berminat untuk menjadikan program ini sebagai program DUN kita boleh berbincang tetapi buat waktu ini belum ada spesifik dana yang khusus untuk kita berikan pada DUN. Untuk program tersebut, kita boleh timbangkang tengok macam mana.

13 NOVEMBER 2019 (RABU)

TUAN SPEAKER : Soalan 150 telah dijawab bersetujuan dengan soalan no. 10. Sungai Burong tak hadir. Taman Medan dan tak hadir. Taman Medan.

Y.B. TUAN SYAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI : Tuan Speaker.
Soalan saya 152.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. TUAN SYAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI (N33 TAMAN MEDAN)

TAJUK : SYARIKAT-SYARIKAT BERKAITAN KERAJAAN NEGERI

152. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah kadar perolehan keuntungan bersih aktiviti-aktiviti syarikat-syarikat berkaitan kerajaan negeri (GLC) bagi tahun 2018?
- b) Berapa banyakkah jumlah yang telah disumbang kepada pendapatan kewangan negeri?
- c) Adakah aktiviti-aktiviti tersebut dilaksanakan proses audit yang terperinci?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Jadi Yang Berhormat saya minta masa sedikit, pasal masanya panjang.

TUAN SPEAKER : Silakan, silakan.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Yang Berhormat sekalian, Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) mencatatkan keuntungan selepas cukai pada 31.12.2018 sebanyak 19,021,285. PNSB mencatat keuntungan 963 ribu. Darul Ehsan Facilities DEFM 2.7 juta. Kumpulan Semesta 5.1 juta. Inpens 571 ribu. Invest Selangor 5.0 juta. Yayasan Warisan Anak Selangor 76 ribu. Yayasan Hijrah 2.4 juta. SRM Setia 1.6 juta. Smart Sel kejap-kejap KDEB Waster RM6.3juta, SSDU RM193,000.

Ada beberapa institusi yang mencatatkan kerugian. Kumpulan Darul Ehsan ataupun KDEB RM28.2juta kerugian, Tourism Selangor RM326,000.00, Bukit Beruntung Golf & Country Club RM509,000.00, Communication Corporation Sdn. Bhd. RM370,000.00, Pendidikan Industri Yayasan Selangor (YS Sdn. Bhd.) (ini UNISEL ya) RM285,000.00, Rantaian Mesra RM39,000.00, Smart Sel RM2.5juta, Landasan Lumayan RM7.4juta dan Darul Ehsan Investment Group RM11,000.00 secara keseluruhan itu yang rugi yang kedua.

Sebahagian daripada yang rugi tadi adalah asas sebagai SPV (dengan izin) ataupun *Special Purpose Vehicle* untuk program-program kerajaan negeri. Sebagai contoh adalah Rantaian Mesra Sdn. Bhd. ataupun CCSB yang mana tugas CCSB ialah untuk mengedarkan dan mencetak Selangor Kini dan TV Selangor. Ia bukan hanya untuk orientasi keuntungan. Namun begitu, ada beberapa institusi sebagai contoh Smart Sel dan Landasan Lumayan. Ini adalah dua institusi ataupun dua agensi yang baru ingin melebarkan perniagaan mereka

13 NOVEMBER 2019 (RABU)

terutama untuk memastikan pelaksanaan Smart State dapat dilaksanakan dengan baik iaitu Smart State, Smart Sel dan Landasan Lumayan memulakan inisiatif untuk Projek Pembangunan Pesisir Sungai Klang. Dan kalau saya boleh sebutkan Kumpulan Darul Ehsan Berhad ini, ini adalah dalam proses rasionalisasi sebenarnya syarikat ini untuk difokuskan kepada air dan RM28juta ini adalah sebahagian daripada tuntutan air yang dibayar oleh KDEB sebelum ini. Oleh KDEB sebelum ini. Dan pada/sebelum masa zaman-zaman sebelum ini menjadi hutang sebaliknya pihak kerajaan negeri sekarang membayar dengan Air Selangor dan selepas ini KDEB akan mengurus di bawahnya adalah yang memberikan fokus kepada pengurusan air berbanding dengan fungsi-fungsi sebelum ini. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Terima kasih Yang Amat Berhormat Sungai Besar eh Sungai Tua. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masa telah menunjukkan jam 11.30 pagi. Dengan ini saya menangguhkan sesi pertanyaan untuk urusan seterusnya.

SETIAUSAHA DEWAN : Aturan urusan mesyuarat seterusnya, sambungan Usul No.21 Tahun 2019. Usul di bawah Peraturan Tetap 36(5) oleh Yang Berhormat Pelabuhan Klang.

TUAN SPEAKER : Saya mempersilakan Yang Berhormat Pelabuhan Klang untuk teruskan membawa usul.

Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain. Saya ingin menyambung usul yang dibacakan semalam oleh Jawatankuasa Pilihan Mengenai Pihak Berkuasa Tempatan. Semalam kita telah mendengar latar belakang berkenaan dengan penggunaan peruntukan MARRIS oleh agensi-agensi yang telah diberikan tanggungjawab oleh kerajaan negeri Selangor. Dan setelah mendengar pembentangan yang dibuat oleh jabatan-jabatan yang dijemput semasa pendengaran dan setelah Jawatankuasa bermesyuarat berkali-kali membincangkan isu MARRIS ini, Jawatankuasa merumuskan 10 penemuan.

Dan yang pertama penemuan Jawatankuasa ialah mendapati peruntukan untuk setiap DUN sebanyak RM3juta yang diberikan melalui PBT adalah tidak efisien dan strategik. Di mana terdapat DUN yang tiada jalan lagi yang hendak diturap setelah habis jalan diturap tetapi jumlah RM3juta masih diperuntukkan dan wajib digunakan di DUN tersebut. Sebaliknya, DUN-DUN yang mempunyai jalan yang banyak sering menghadapi masalah yang mana peruntukan RM3juta ini

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Mohon mencelah.

Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI : Tidak mencukupi.

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat Pelabuhan Klang, Bukit Gasing nak celah sikit.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Saya sangat terkejut ada DUN di mana semua jalannya elok, tak perlu diturap apa-apa jalan. Boleh bagi tahu DUN mana yang sangat elok ini?

13 NOVEMBER 2019 (RABU)

Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI : Macam mana? Ada DUN nya. Macam mana? Macam Kuala Kubu memang cakap pada hari itu, dia yang jalan-jalan PBT telah habis diturap tapi jalan-jalan JKR yang hendak diturap tetapi PBT tidak boleh menurap jalan-jalan JKR sebab peruntukan itu diletakkan di PBT. Ok?

Dan begitu juga saya mengambil contoh DUN Pandamaran. Saya mengambil contoh DUN Pandamaran. Sebelum Pilihan Raya Ke-13 (sebelum Pilihan Raya Ke-14), DUN Pandamaran ini dia merupakan dua DUN yang dipecahkan daripada DUN Kota Alam Shah dan juga DUN Pandamaran. Tapi selepas Pilihan Raya Ke-14, DUN Pandamaran dah jadi dua DUN. Sekarang ini, DUN Pandamaran terlalu-lalu besar tetapi peruntukannya masih RM3juta lagi. Dah memang tidak mencukupi dan ini perlu perhatian daripada pihak kerajaan negeri bagaimana nak menyelesaikan isu di kawasan PBT seperti di Pandamaran. Dan ada banyak kawasan-kawasan yang telah menjadi besar berbanding dengan kawasan-kawasan DUN yang dah jadi kecil. Yang ini kena fikirkan.

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW : Sungai Pelek minta.

Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI : RM3juta ini perlu diagihkan sama rata atau dikaji semula cara kaedah pemberiannya dan pada masa ini, terdapat maklumat panjang keluasan jalan mengikut DUN menyebabkan agihan dilakukan secara sama rata tanpa mengikut keperluan sebenar di DUN.

Dan seterusnya, penemuan Jawatankuasa ialah agihan peruntukan mengikut panjang jalan MARRIS yang diberikan kepada setiap jabatan adalah tidak adil memandangkan terdapat pelbagai jenis kelebaran jalan. Sehubungan itu, pengiraan sewajarnya dibuat mengikut keluasan jalan, panjang dan lebar bukan hanya lagi bergantung semata-mata kepada panjang jalan. Sebagai contoh jalan di PBT yang satu lorong, dua lorong tetapi jalan-jalan JKR ada yang empat lorong dan ada yang enam lorong pun jalan-jalan JKR negeri. Jadi kena kaji semula pemberian dan pengagihan MARRIS kepada jabatan-jabatan yang berkaitan.

Pencerapan jalan tidak cukup menyeluruh. Masih terdapat jalan-jalan yang tidak bertuan dan tercincir daripada penyelenggaraan. Masih dapat banyak lagi jalan-jalan yang tidak tahu siapa punya. Apabila kita nak baiki, kita tak tahu nak pergi ke agensi yang mana kerana masing-masing agensi tidak mengaku itu jalan mereka. Terdapat jalan yang mana kadar penggunaannya adalah rendah tetapi tetap diturap hampir setiap tahun. Hal ini mungkin kerana kerja turapan jalan tersebut lebih senang kerana masalah trafik yang kurang dan kerana jabatan-jabatan perlu menghabiskan peruntukan MARRIS tersebut pada setiap hujung tahun. Jadi perlu difikirkan bagaimana cara untuk memastikan jumlah ataupun jalan-jalan yang perlu diturap dan tidak perlu diturap.

Seterusnya Jawatankuasa menemukan pengurangan harga bidaan oleh kontraktor yang sangat ketara sehingga 30% berbanding dengan harga jabatan. Walaupun membawa kepada penjimatan tetapi berkemungkinan menyebabkan kualiti kerja terjejas. Yang ini banyak berlaku. Sebab itu kita lihat jalan-jalan yang baru diturap hari ini, esok-esok lusa dah rosak semula. Ok. Dan proses pemantauan kerja dan pengesahan kualiti kerja tidak cukup menyeluruh. Terdapat jalan di mana lopak jalan timbul semula tidak lama selepas penurapan baru dilaksanakan. Ok.

13 NOVEMBER 2019 (RABU)

Dan seterusnya, Jawatankuasa penemuan juga menemukan terdapat agensi-agensi yang tidak mengambil kira faktor cuaca semasa merancang kerja turapan jalan di mana kerja turapan dilakukan semasa musim hujan. Sekarang ni hujung tahun (musim hujan) tapi sebab nak habiskan bajet punya pasal, sebab nak mencapai tahap prestasi yang telah ditetapkan oleh pihak Perbendaharaan Kerajaan Negeri, maka mereka turap juga jalan tersebut dalam waktu musim hujan.

Dan seterusnya Jawatankuasa juga menemukan di dapati agensi-agensi kurang memberi perhatian kepada penyelidikan berkenaan kaedah, teknologi, bahan dan cara terkini bagi kerja-kerja penurapan jalan. Tetapi kita dah dimaklumkan oleh Yang Berhormat EXCO Pandan Indah bahawa pada tahun 2020 akan ada banyak teknologi-teknologi terkini yang akan digunakan di agensi-agensi kerajaan untuk menurap dan menyelenggara jalan-jalan yang ada di negeri Selangor. Kita nantikan teknologi tersebut Yang Berhormat Pandan Indah.

Dan seterusnya, Jawatankuasa juga menemukan di dapati terdapat agensi-agensi yang tidak merancang dengan baik melibatkan peruntukan MARRIS dari tahun sebelumnya. Oleh itu secara tidak langsung ianya telah merekodkan prestasi yang kurang memuaskan kerana tidak dapat menyerahkan dokumentasi yang lengkap kepada Perbendaharaan Negeri Selangor sebelum tarikh tamat.

Jadi berdasarkan penemuan-penemuan. Sebenarnya ada banyak lagi penemuan. Kita ringkaskan kepada 10 penemuan. Mungkin Jawatankuasa Infrastruktur mungkin boleh membincangkan dengan lebih lanjut lagi tentang isu permasalahan MARRIS ini dari sudut pandangan teknikal.

Dan seterusnya Jawatankuasa berbincang dan kita menyarankan (ada 16 saranan) yang kita nak berikan kepada pihak kerajaan negeri untuk difikirkan. Yang pertama, Jawatankuasa mencadangkan supaya pangkalan data ataupun *data base* jalan MARRIS pada masa ini dibuat berdasarkan panjang jalan di pinda kepada keluasan jalan meter persegi. Ini adalah kerana terdapat pelbagai jenis kelebaran jalan yang tidak diambil kira jika sistemnya berdasarkan panjang jalan semata-mata. Perbendaharaan Negeri Selangor (PWN) dengan kerjasama semua agensi kerajaan negeri berkaitan perlu mengemukakan cadangan kiraan formula baru kepada Kementerian Kewangan Malaysia. Kita berpendapat kalau kita boleh kira mengikut keluasan jalan, kerajaan negeri bukan hanya menerima RM500juta saja setahun. Mungkin lebih. Mungkin boleh mencecah sehingga RM1billion sekiranya betul-betul kita rekodkan jalan ini mengikut keluasan jalan yang ada. Saya mengambil contoh semalam apabila kita membentangkan jalan bandaran dan juga jalan negeri tetap dikira RM31,000 untuk satu kilometer sedangkan jalan bandaran dan jalan negeri ini mempunyai kelebaran jalan yang berbeza tetapi setiap satu kilometer kosnya adalah RM31,000. Jadi perlu difikirkan semula. Pembayar-pembayar cukai jalan ini paling ramai mengeluarkan kenderaan ini ialah di dalam negeri Selangor. Jadi fikirkanlah kerajaan negeri bagaimana kita nak meminta lebih bajet daripada Kementerian Kewangan Malaysia untuk peruntukan MARRIS ini.

Saranan yang seterusnya ialah Jawatankuasa mencadangkan supaya *data base* dalam MARRIS ditambah baik dengan mengkategorikan jalan-jalan kepada jenis penggunaan tinggi, penggunaan sederhana dan penggunaan rendah mengikut pengiraan trafik. Ini

13 NOVEMBER 2019 (RABU)

adalah untuk mengenal pasti jalan yang mana perlu penyelenggaraan yang lebih kerap. Dan ini juga kita perlu berikan maklumat ini kepada Kementerian Kewangan Malaysia.

Dan seterusnya, kita menyarankan Jawatankuasa menyarankan untuk mencadangkan supaya peruntukan MARRIS sebanyak RM3juta untuk setiap kawasan DUN diagihkan semula mengikut jumlah keluasan jalan yang tidak berkeadaan baik dan memerlukan penurapan. Keutamaan diberikan mengikut kadar penggunaan jalan yang tinggi, jalan penggunaan sederhana dan jalan penggunaan rendah. Sementara menunggu *data base* jalan dikemas kini kepada keluasan jalan, peruntukan tersebut boleh diagihkan semula mengikut formula sedia ada iaitu panjang jalan. Jika terdapat baki peruntukan yang belum dihabiskan oleh mana-mana agensi pada hujung tahun, peruntukan MARRIS wajar disalurkan kepada agensi-agensi lain yang memerlukan peruntukan tambahan bagi kerja-kerja pembaikan jalan di bawah agensi masing-masing. Mengambil contoh sekiranya jalan PBT untuk tahun tersebut dah banyak yang telah diturap (dua tahun baru diturap, tiga tahun baru diturap) tetapi mempunyai lebihan peruntukan perlulah diberikan kepada agensi-agensi. Kita lihat jalan-jalan sebelah-sebelah saja. Rakyat tengok, malu kita nak menjawabnya. Sebab kenapa jalan ini diturap lagi? Sedangkan jalan ini tidak diturap. Rakyat tidak tahu itu adalah jalan JKR ataupun jalan PBT. Sedangkan JKR sudah kehabisan peruntukan untuk menurap jalan tersebut. Tetapi PBT mempunyai lebihan dan mereka perlu menghabiskan peruntukan tersebut untuk mengekalkan prestasi mereka, mereka menurap jalan-jalan yang masih lagi boleh digunakan.

Dan setiap agensi yang menggunakan peruntukan MARRIS untuk menurap jalan perlu mengemas kini inventori jalan yang sudah diturap untuk mengelakkan turapan berulang kali pada setiap tahun. Jadi PBT juga perlu mengemukakan maklumat dan statistik turapan jalan bagi tempoh 10 tahun ke belakang kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat bagi membolehkan Ahli Yang Berhormat menyemak dan mengenal pasti jalan-jalan yang perlu diturap, yang nak dicadangkan pada setiap tahun. Saya mengambil contohlah. Yang Berhormat Meru dia baru menang pada Pilihan Raya yang lalu. Dia tidak tahu yang 10 tahun yang lalu itu Ahli Yang Berhormat yang sebelumnya cadangan turap jalan di mana. Jadi mungkin kena dibekalkan rekod turapan 10 tahun ke belakang supaya Yang Berhormat Meru boleh membuat keputusan yang terbaik untuk menggunakan peruntukan RM3juta yang diberikan.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Nak tanya bila buat keputusan jalan mana nak turap, nak tengok rekod 10 tahun ke belakang ataupun nak tengok keadaan jalan semasa pada hari ini?

Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI : Yang Berhormat Bukit Gasing terima kasih soalan tersebut. Selain daripada kita melihat lokasi semasa di tapak tetapi kita juga perlu melihat rekod-rekod yang lepas sebab saya bagi tahulah kadang-kadang kawasan Pelabuhan Klang pun saya tak tahu mana nak turap dah. Sebab itu saya kena tolong kawasan saya di Pandamaran. Saya ok lah. Boleh bantu kawasan Pandamaran sebab kawasan Pandamaran adalah kawasan DUN Pelabuhan Klang yang dah diambil untuk Pilihan Raya Ke-14. Macam di kawasan di Sungai Rawa semua. Sebab itu kita perlu tengok balik rekod-rekod mana yang pernah diturap, mana yang belum diturap. Sebab akan ada terlepas pandang seperti di kawasan Pelabuhan Klang juga saya tengok taman terlepas pandang sebab orangnya baik-baik, orangnya jujur, tak pernah bising apa semua.

13 NOVEMBER 2019 (RABU)

Bila kita datang, tak pernah diturap daripada mula taman tersebut dibina dan dorang tak kisah sebab dorang bukan jenis bising.

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIIEW : Pelabuhan Klang, boleh?

Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI : Jadi tidak adil kepada mereka. Boleh, boleh.

TUAN SPEAKER : Silakan Sungai Pelek.

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIIEW : Terima kasih Tuan Speaker. Ya, saya amat setuju dengan Pelabuhan Klang kerana misalnya kawasan saya dari hujung sampai hujung itu 54 kilometer. Jadi bagi saya RM3juta mana cukup. Sudah jadi ikut kepanjangan itu. Apa pandangan Pelabuhan Klang.

Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI : Sebab tu saya kata Kerajaan Negeri kena mengkaji semula dan untuk mendesak Kementerian Kewangan kita kena mempunyai fakta atau data yang lebih lengkap sebab tu kena kaji semula adakah kita nak meminta mengikut panjang jalan semata-mata sedangkan kelebaran dan keluasan jalan juga perlu di ambil kira dan mungkin kita boleh dapat lebih peruntukan tersebut daripada Kementerian Kewangan. Dan untuk rekod

Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN : Tuan Speaker, nak tanya soalan.

TUAN SPEAKER : Silakan Bandar Utama.

Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN : Terima kasih Yang Berhormat, saya nak bertanya juga. Ini keadaan di Bandar Utama. Mungkin jalan dia perlu diambil perkiraan tetapi kenderaan yang melalui jalan itu pun kuantiti dia akan berbeza dengan keadaan di kampung ataupun keadaan di luar bandar dan sebagainya. Jadi perkara ini sangat subjektif sekiranya JKR mahu mengambil penilaian, bagaimanakah mereka mahu menilai perkara-perkara seperti ini. Terima kasih.

Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI : Sebenarnya pihak kerajaan JKR ataupun agensi-agensi ini dia boleh membuat Kajian Impak Trafik. Dia ada buat. Sebab itu sesuatu jalan itu kita boleh tahu berapa jumlah kenderaan yang digunakan sehari seperti Lebuh raya Pulau Indah. Saya nyatakan sekarang ini Lebuh raya tersebut minimum kenderaan yang menggunakan 60,000 kenderaan sehari dan kalau Yang Berhormat boleh minta dengan pihak JKR untuk membuat Kajian Impak Trafik di kawasan Yang Berhormat masing-masing.

Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN : Soalan saya adalah perkara ini sangat subjektif saya boleh suruh mereka membuat kajian dan ada Yang Berhormat akan bersetuju dengan kajian itu. Ada Yang Berhormat yang tidak bersetuju dengan kajian itu. Kerana peruntukan itu semua orang pun nak dapatkan peruntukan yang lebih banyak. Jadi soalan saya adalah sekiranya saya telah membuat kajian tetapi Yang Berhormat rasa saya tidak layak mendapat peruntukan seperti itu, bagaimana JKR nak menentukan suatu yang subjektif.

13 NOVEMBER 2019 (RABU)

Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI : Sebenarnya Yang Berhormat Bandar Utama kalau kita dengar Belanjawan yang dibuat baru-baru ini memang peruntukan untuk penyelenggaraan pembinaan jalan, penurapan jalan ini memang tak cukup. Tetapi kita boleh menyusun semula mengikut prioriti yang macam kalau kita diperuntukkan RM3 juta kita susunlah mengikut keutamaan kawasan masing-masing. Jadi itulah yang terbaik buat masa ini. Dan PBT juga perlu mengemukakan maklumat tersebut secepat mungkin kalau boleh sebelum kita kemukakan cadangan-cadangan jalan baru yang hendak diturap pada tahun hadapan. Jadi setiap PBT perlu membuat cerapan jalan melalui mesyuarat infrastruktur sebab pihak jawatankuasa infrastruktur ini sentiasa bermesyuarat setiap bulan di PBT-PBT. Dan apabila timbulnya masalah jalan yang tidak bertuan. Tak mahu lagi dah ini bukan jalan saya, ini bukan jalan saya, ini bukan jalan saya. Akhirnya Yang Berhormat kena cari siapakah tuan jalan ini sebab rakyat mengadu kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk minta supaya jalan tersebut dibaiki, diturap semula atau dinaiktarafkan tapi jalan tersebut tidak bertuan. Tapi digunakan seperti jalan awam yang seolah-olah dipunyai oleh agensi-agensi yang tertentu. Dan ini untuk memastikan supaya jalan tiada lagi tercicir daripada penyelenggaraan dan sebagai langkah pertama setiap PBT perlu mengenal pasti semua jalan yang tidak bertuan dengan segera untuk diuruskan melalui mesyuarat jawatankuasa infrastruktur di PBT masing-masing. Dan seterusnya penentuan harga *cut off* perlu dikaji semula bagi memastikan kualiti penurapan jalan adalah baik dan mengelakkan penurapan berkali-kali untuk jalan yang sama. Dan seterusnya jawatankuasa menemukan agensi perlu memastikan penurapan jalan oleh kontraktor di pantau dengan rapi oleh Jurutera di lapangan atau pun *Site Engineer*.

Ada kerja-kerja penurapan jalan yang dibuat pada waktu malam apabila Ahli-Ahli Yang Berhormat yang pernah melalui pengalaman ini, bila kita turun site pada semasa kerja-kerja sedang dilaksanakan hanya kontraktor dan *supervisor* kontraktor sendiri yang ada di kawasan. Pegawai-pegawai kerajaan tak ada. Jadi siapa yang menentukan jumlah *premix* yang diletak. Bitumen diletak. Ketebalan dibuat. Takkannya nak cek selepas turapan itu dah siap baru nak tengok. *Coring* ini boleh *adjust* ketebalan dekat kawasan mana-mana tetapi sepatutnya semasa dia nak *lay* tar tersebut, pegawai mesti mengesahkan. Yang ini saya puji pihak JKR kerana pihak JKR saya tengok dia memang mengikut SOP kalau tak ada pegawai lori-lori memang ini tidak boleh turunkan *premix* dan tak boleh nak mulakan kerja selagi pegawai JKR tak *endorse* dokumen. Jadi, agensi perlu memastikan sekali lagi saya ingatkan kontraktor perlu dipantau dengan rapi sebelum kerja-kerja dimulakan. Dan seterusnya agensi perlu ini wajib menyenaraihitamkan mana-mana kontraktor yang tidak melaksanakan spesifikasi kerja seperti yang ditetapkan oleh mana-mana agensi. Kalau sebelum itu dia tidak melaksanakan kerja mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan, jangan lagi award syarikat yang sama untuk melaksanakan kerja-kerja menurap jalan di Negeri Selangor.

Seterusnya setiap agensi perlu memperketat prosedur untuk memastikan semua orang yang berkepentingan merekodkan kehadiran sebelum kerja penurapan jalan bagi memantau kerja penurapan tersebut. Proses ini juga diperlukan semasa audit terapan. Orang berkepentingan termasuklah jurutera lapangan, orang teknikal daripada agensi yang menawarkan tender kerja kontraktor dan kalau boleh ada Ahli-Ahli Majlis kawasan dijemput atau wakilnya dan wakil penduduk yang berpengetahuan teknikal. Sebab kadang-kadang ada kawasan-kawasan yang nak diturap di taman-taman perumahan ini kita memerlukan kerjasama daripada penduduk sebab kita nak pindah, nak alihkan kereta-kereta. Jangan kita turap jalan itu kita *adjust* yang mana ada kerja itu kita tak turap. Nasiblah sebab kereta

13 NOVEMBER 2019 (RABU)

tu tidak dialihkan. Jadi saya harap perkara ini perlu dipertimbangkan oleh pihak Kerajaan Negeri dan seterusnya setiap agensi perlu membuat rancangan kerja dengan kontraktor terlibat dengan mengambil kira faktor cuaca. Pegawai pemantau perlu memastikan kontraktor tidak menjalankan kerja pada waktu hujan. Seterusnya setiap agensi perlu memastikan supaya semua kerja yang melibatkan peruntukan MARRIS. Dari ulasan ADUN kepada tender dan pelaksanaan kerja tersebut perlu dirancang dari tahun sebelumnya dan tidak dilewatkan sehingga ke tahun pelaksanaan. Kita tidak mahu dah nak dekat-dekat hujung tahun, saya dimaklumkan oleh Yang Berhormat Permatang, tiba-tiba kita ada lagi lebih RM1.2 juta ni Yang Berhormat, kita kena habiskan bajet ni. Tolong cari jalan mana yang nak diturap. Jadi rasa macam kenapa tidak dirancang daripada awal penggunaan peruntukan tersebut. Dan jawatankuasa juga berpandangan supaya setiap agensi wajar mengkaji dan menggunakan pakai kaedah teknologi bahan dan cara kerja terkini bagi pemberian jalan termasuk penurapan jalan selekoh, simpang empat, lampu isyarat, lampu-lampu awam dan juga yang lain-lain. Walaupun ia memerlukan perbelanjaan tambahan tapi hasilnya adalah lebih baik dan menjimatkan untuk tempoh masa yang panjang.

Jawatankuasa juga berpandangan keperluan membaiki perabot jalan seperti cat pemisah jalan, cat bongkol dan sebagainya perlu dimasukkan dalam spesifikasi kerja dan dipastikan dibuat sejurus sahaja sebaik sahaja selesai kerja penurapan dilaksanakan. Terakhir agensi berkaitan juga perlu membuat penyelarasan kerja, yang ini sangat-sangat penting. Dengan syarikat-syarikat utiliti bagi mengelakkan jalan yang baru diturap digali semula bagi kerja-kerja utiliti. Sekarang ini kita tahu di Negeri Selangor sedang ada pemasangan paip-paip baru. Ada jalan yang memang baru diturap seperti baru-baru ini saya di Telok Gong tiba-tiba dikorek oleh Air Selangor dan tak cantik balik jalan tersebut. Sebab turapan yang dibuat oleh pihak utiliti memang tak mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan oleh mananya agensi. Jadi saya harap perancangan yang bersama pihak utiliti kalau kita dah tahu saya ambil contoh Persiaran Raja Muda Musa, Jalan Persekutuan mungkin akan diturap tahun hadapan. Di Pelabuhan Klang menggunakan peruntukan Kerajaan Persekutuan tetapi sekarang ini kita lihat pihak Air Selangor mempunyai masalah sudah korek beberapa kali paip baru yang dipasang di pekan Pelabuhan Klang di Persiaran Raja Muda Musa sebab tak pasti apa masalahnya sebab tempat yang sama dikorek berulang kali selepas paip baru dipasang dan semasa dia buat *testing and commissioning* ia tidak berfungsi dengan baik. Lepas tu korek dan korek dan korek di tempat yang sama. Betul Yang Berhormat Pandamaran. Jadi saya harap ia dapat dibincangkan bersama-sama dengan pihak utiliti sebelum kerja-kerja menurap dan menaik taraf dijalankan. Dan akhir sekali saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada semua Ahli Jawatankuasa Pilihan yang memang berbincang panjang memikirkan isu ini yang sepatutnya bukan pihak Jawatankuasa pilihan PBT pun sebab ada banyak isu-isu yang melibatkan JKR semua dan PBT ini sepatutnya kita menumpukan kepada isu-isu PBT yang lebih lain tetapi disebabkan banyak perkara ini dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat maka pihak Jawatankuasa Pilihan Pihak Berkusa Tempatan mengambil inisiatif untuk mengambil isu peruntukan MARRIS ini.

Dan Ahli-Ahli Jawatankuasa yang terlibat membincangannya dipengerusikan oleh Yang Berhormat Sementa, Yang Berhormat Seri Kembangan, Yang Berhormat Subang Jaya, Yang Berhormat Seri Setia, Yang Berhormat Kota Damansara dan saya sendiri Pelabuhan Klang dan yang saya paling hormat sekali Yang Berhormat Semenyih kerana dia memberikan komitmen yang terbaik. Memberikan input-input yang positif semasa perbincangan sedang dilaksanakan. Sekali pun tak pernah ponteng datang mesyuarat.

13 NOVEMBER 2019 (RABU)

dia datang semua Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan PBT. Terbaik Semenyih. Daripada Jawatankuasa Pilihan Pihak Berkuasa Tempatan jadi saya bagi pihak jawatankuasa membentangkan untuk penerimaan usul ini. Sekian, terima kasih.

DEWAN : (Tepuk meja)

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Terima kasih Pelabuhan Klang, saya jemput Subang Jaya untuk menyokong.

Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE : Timbalan Speaker, saya menyokong.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, usul ini telah pun disokong, saya buka usul ini untuk dibahaskan. Dipersilakan Banting.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Terima kasih Timbalan Speaker. Banting pertama sekali ingin mengucapkan syabas dan jutaan terima kasih kepada JPPBT kerana telah membentangkan satu pernyata khususnya syabas juga kepada Tuan Timbalan Speaker selaku Pengerusi JPPBT kerana telah membentangkan satu pernyata yang berkaitan dengan satu isu yang sangat dekat di setiap orang ADUN di Dewan yang mulia ini. Pertama sekali isu berkenaan MARRIS ini bukanlah isu yang baru dan ia merupakan satu isu yang banyak kali dibincangkan di Dewan yang mulia ini baik dalam perbahasan di peringkat Belanjawan ataupun di peringkat sesi soal jawab dan Yang Berhormat EXCO Infrastruktur juga memberi banyak penjelasan yang penting terhadap isu di bawah MARRIS ini. Dua tiga perkara yang saya nak sampaikan di sini iaitu peruntukan MARRIS sebenarnya bukan sekadar untuk jalan sahaja tetapi ia juga meliputi banyak aspek-aspek penyelenggaraan termasuklah longkang, cerun, bahu jalan dan sebagainya. Jadi kita dalam membahaskan isu berkenaan dengan isu MARRIS ini kita juga harus tidak terlepas fokus terhadap isu-isu berkenaan dengan penyelenggaraan tentang saliran dan saya rasa ia adalah sama penting kerana apabila saliran itu tidak dapat diatasi maka ia juga akan menyebabkan kerosakan-kerosakan jalan khususnya semasa musim tengkujuh.

Saya juga sempat Puan Timbalan Speaker meneliti pernyata ini dan saya mendapati dan agak terkilan sebenarnya apabila terbaca ada agensi pelaksana yang tidak dapat membelanjakan sepenuhnya peruntukan yang telah diluluskan. Dan saya rasa saya amat berharap agensi-agensi pelaksana ini akan melihat kembali operasi dalam mereka untuk memastikan perkara seperti ini tidak akan berulang pada tahun-tahun akan datang kerana saya tahu untuk agensi-agensi pelaksana seperti JKR Daerah Kuala Langat mereka menggunakan sepenuhnya semua peruntukan yang mereka dapat. Tidak ada satu sen pun yang tercicir. Tapi saya terkilan di sini kalau ada agensi-agensi yang tidak dapat menggunakan wang yang di peruntukan. Puan Timbalan Speaker, penemuan 4.5 bagi saya iaitu berkaitan dengan kadar kegunaan iaitu peruntukan harus diberi mengikut kadar penggunaan sesuatu jalan saya rasa perkara itu adalah satu penemuan yang sangat penting kerana selama ini kita hanya menjalankan projek-projek penurapan semula ataupun penyelenggaraan mengikut *feedback* ataupun perasaan ataupun pendapat masing-masing. Kita mungkin tidak ada satu SOP yang saintifik untuk menentukan macam mana untuk memastikan sama ada jalan itu perlu diselenggarakan, di naik taraf atau tidak. Jadi saya rasa cara penemuan ini sangat penting. Bagi saya sepatutnya tidak ada masalah untuk menentukan bagaimana kita atau sesuatu jalan itu kerap diguna, kegunaannya tinggi atau rendah kerana sama ada kita boleh menyiapkannya secara manual di mana kita boleh

13 NOVEMBER 2019 (RABU)

menghantar pegawai untuk menjalankan pembilangan kenderaan, yang merekodkan bilangan kenderaan yang ada pada sesuatu waktu ataupun kita boleh melakukannya secara *smart* ya. Kita sekarang ini bercakap tentang Smart Delivery (SSDU), Smart Selangor, Smart State. Kita boleh menggunakan, bekerjasama dengan pihak-pihak seperti *Google Map* yang mempunyai statistik kegunaan jalan-jalan utama di, bukan sahaja di Malaysia, khususnya di Selangor dan di Lembah Kelang, hampir semua jalan, dia punya kadar kegunaan ada terpapar di dalam aplikasi *Google Map* ini. Kita boleh bekerjasama bersama dengan mereka dan statistik yang dibekalkan itu bolehlah digunakan sebagai satu rujukan yang sangat penting kepada kita.

Berkenaan dengan cuaca dan masa penurapan jalan, satu isu ataupun pemerhatian yang ada pada saya ialah terdapat kontraktor, khususnya kontraktor kecil yang mana sekiranya mereka perlu menjalankan kerja-kerja *mill and pave*, yang perlu, yang digunakan semasa ia berada pada keadaan yang panas, suhunya begitu tinggi, baru ia boleh menjalankan penurapan yang sangat, yang cantik. Tetapi, sekiranya permintaan ataupun stok mereka, stok yang diperlukan mereka itu sedikit, maka tidak ada *economic of skill* dan pembekal-pembekal mungkin tidak akan membekalkan premis ini pada waktu malam. Dan mereka perlu melakukan kerja-kerja penurapan pada waktu pejabat iaitu waktu biasa. Kilang-kilang ataupun pembekal hanya boleh membekalkan sewaktu, sekiranya mereka mempunyai *order* yang cukup besar. Baru mereka akan beroperasi pada waktu malam dan membekalkan *on the spot, just in time* untuk menjalankan kerja-kerja ini. Jadi, saya kira ini adalah sesuatu yang kita perlu lihat semula bagaimana kita boleh mengatasinya. Dari segi pemantauan, saya tidak pasti sama ada apakah ADUN juga boleh dilibatkan sekali dalam memantau selain daripada pegawai-pegawai Kerajaan di mana saya kira ada baiknya kalau ADUN boleh dimaklumkan sekali. Sama ada ADUN boleh turun atau tidak saya rasa itu adalah *secondary* yang penting adalah perlu lah dimaklumkan Tuan Yang Berhormat sekian, sekian, kontraktor sekian, sekian, akan menjalankan kerja-kerja sekian, sekian sepanjang minggu ini di tempat mana, mohon Yang Berhormat hantar wakil sekalian untuk memantau dan tengok bersama-sama, pegawai akan berada di tempat itu pada sekian, sekian masa, sekian, sekian hari. Jadi, saya rasa itu, sekadar itu sudah mencukupi dan saya kira ia perlu sekiranya ia boleh dilakukan, saya memohon ia dilaksanakan secepat mungkin.

Saya juga ingin memberi sedikit ulasan ataupun perbahasan dengan teknologi iaitu saya mendapati bahawa kebelakangan ini di daerah Kuala Langat khususnya. Saya kurang ingat apakah nama ataupun bahan yang digunakan tetapi saya kira sekarang ini teknologi baru sudah pun ada di mana kita boleh menggunakan sisa-sisa plastik yang dileburkan untuk, sebagai bahan penurapan jalan. Ia telah pun dilakukan di beberapa negara di luar dan saya kira kebelakangan ini di daerah Kuala Langat ada juga beberapa jalan negeri yang diturap semula dengan menggunakan bahan-bahan yang baru. Saya tidak pasti sama ada ia berasal daripada bahan plastik atau tidak tetapi masih dalam kajian dan juga ujian. Jadi, saya kira itu adalah sesuatu inisiatif yang bagus dan saya memohon sangat supaya agensi-agensi pelaksanaan ini, saya tak pasti, dan saya berharap agensi-agensi pelaksana seperti JKR dan juga PBT dan juga JPS, sekiranya boleh mereka perlu menggunakan sebahagian peruntukan ini untuk menjalankan penyelidikan dan juga inovasi dan sebagainya supaya mereka selalu dapat menggunakan cara yang baru, yang lebih *cost effective*, yang lebih efisien untuk menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan. Bukan sahaja jalan, longkang, cerun dan sebagainya. Saya rasa teknologi semakin canggih dan semakin

13 NOVEMBER 2019 (RABU)

murah sekarang, jadi tidak ada sebabnya agensi-agensi pelaksana kita tidak ada kemampuan untuk melakukan kerja-kerja yang bercorak inovasi.

Saya tahu, PBT sebenarnya ada bahagian, ada anugerah dan sebagainya yang menggalakkan pekerja-pekerja menjalankan inovasi. Mereka ada kreativiti mereka dan mereka boleh memikirkan cara-cara yang lebih menarik untuk mengatasi sesuatu masalah. Jadi, saya rasa kiranya budaya ini, kita juga terapkannya dalam agensi-agensi pelaksanaan dalam isu penyelenggaraan jalan dan juga

Y.B. TUAN SALLEHUDIN BIN AMIRUDDIN : Minta laluan Banting.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Ya. Silakan.

Y.B. TUAN SALLEHUDIN BIN AMIRUDDIN : Adakah Yang Berhormat bersetuju, jika, apabila sesuatu jalan kita turap maka terdapat begitu banyak *manhole* ya. Adakah *manhole* itu kita akan biarkan dalam keadaan begitu ataupun perlu kita tingkatkan ataupun kita naikkan parasnya sama dengan paras jalan? Terima kasih.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Semasa saya masih lagi berkhidmat di kawasan Kg. Tunku, sebenarnya, isu berkenaan *manhole* ini pernah dibangkitkan dan saya kira pada masa itu, Majlis Bandar raya Petaling Jaya, mereka mencontohi satu cara yang digunakan oleh DBKL. Cara itu, saya tak pasti, saya rasa ia mungkin dibangunkan sendiri oleh DBKL ataupun mereka menggunakan cara yang digunakan oleh DBKL iaitu mereka menggunakan simen untuk meratakan tanah-tanah keadaan jalan di sebelah *manhole* itu supaya mereka rata dengan, sama rata dengan kedudukan paras jalan yang baru diturap itu supaya *manhole* itu tidak menjadi terlalu tinggi ataupun menjadi terlalu rendah. Saya rasa, itu adalah cara, satu contoh, salah satu contoh bagaimana inovasi-inovasi yang berlaku di peringkat PBT ini boleh memanfaatkan bukan sahaja PBT itu tetapi juga boleh digunakan oleh PBT-PBT yang lain untuk memastikan kerja-kerja ini adalah pada tahap yang paling memuaskan.

Saya juga ingin, semalam saya sempat berbincang dengan, sebenarnya KKB ya, berkenaan dengan MARRIS ini juga dan saya rasa Yang Berhormat KKB ada satu, mendapat, pernah bertanya soalan tentang perkara ini pada Sidang yang lepas dan saya suka ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini berkenaan dengan jawapan yang dibekalkan di mana Kerajaan Negeri telah pun melalui Mesyuarat Majlis Kewangan Negara tahun 2019 pada 27 Mei 2019 semasa membincangkan tentang Garis Panduan Tatacara Pengurusan Pembelian Penyelenggaraan Jalan Negeri dan telah memutuskan dan bersetuju supaya skop perbelanjaan telah pun diperluaskan dengan membenarkan perbelanjaan bagi kerja-kerja naik taraf jalan, jambatan, parit, longkang serta penyelenggaraan jalan yang tidak mencapai piawaian minimum JKR dan jalan yang tidak berdaftar di dalam sistem MARRIS *online* supaya mereka, jalan-jalan seperti ini dibenarkan untuk menggunakan peruntukan MARRIS bagi menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan dan hak belanja juga pernah, juga telah dinaikkan daripada 10% kepada 15% dan silingnya telah pun dinaikkan daripada minimum RM10 juta kepada minimum RM15 juta dan ada juga disebut bahawa bagi negeri-negeri yang mencapai paras perbelanjaan melebihi 85%, negeri-negeri ini akan menerima peruntukan sepenuhnya mengikut jumlah kelayakan pada tahun itu tetapi sekiranya tidak dapat layak maka mereka akan kembali ke, mengikut perbelanjaan yang sebenar. Jadi, saya rasa saya ingin membawa perhatian Dewan ini

13 NOVEMBER 2019 (RABU)

terhadap jawapan yang dibekalkan kepada Yang Berhormat Kuala Kubu Bharu di mana sekarang ini peruntukan MARRIS boleh digunakan untuk menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan ataupun kerja-kerja naik taraf di jalan, jambatan, parit, longkang yang tidak memenuhi piawaian minimum JKR dan yang tidak berdaftar di bawah sistem MARRIS online. Jadi, saya rasa perkara itu adalah satu perkara yang cukup penting untuk pengetahuan semua Ahli Dewan dan saya kira isu ini perlulah kita pantau bersama-sama.

Puan Timbalan Speaker, sebenarnya isu tentang, semua isu yang saya bincangkan di sini, isu yang dibawa oleh Yang Berhormat Pelabuhan Klang dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat lain termasuk Pandan Indah sebelum ini, saya rasa isu ini adalah sangat penting, dah berulang-ulang. Jadi, jawapan saya, sekiranya saya ditanya apakah hala tuju kita selepas ini? Saya mencadangkan kepada Dewan yang mulia ini dan saya mohon dipertimbangkan oleh EXCO. Kita memerlukan dan memandangkan isu ini sentiasa timbul, setiap kali Yang Berhormat memberikan jawapan yang sama ataupun jawapan yang sedikit berbeza daripada jawapan lepas tetapi soalan ini tetap akan timbul di setiap sidang. Saya memohon ditubuhkan sebuah Jawatankuasa Pilihan Khas tentang infrastruktur di mana Ahli-ahli Yang Berhormat boleh melalui Jawatankuasa ini yang sepatutnya dan akan bermesyuarat hampir setiap bulan, kita boleh menyaman Pegawai-pegawai Kerajaan, bukan sahaja setakat JKR negeri, Pengarah JKR Negeri, Pengarah JPS Negeri dan Jurutera Daerah, dan Jurutera-jurutera Daerah, Jurutera-jurutera di peringkat PBT, Datuk Bandar-Datuk Bandar, YDP-YDP, bukan setakat itu sahaja. Jawatankuasa Pilihan Khas ini sekarang juga boleh berkuasa untuk memanggil Pegawai-pegawai Kerajaan di peringkat Kerajaan Persekutuan, Kementerian Kerja Raya untuk memberi penjelasan terhadap pembahagian kegunaan wang ini. Saya rasa itu adalah satu usaha yang amat diperlukan untuk memastikan isu-isu berkaitan dengan jalan ini dapat diatasi. Bukan sahaja sekadar diatasi tetapi diuruskan dengan satu cara yang sistematik dan saya berharap dengan ini soalan-soalan itu akan dapat diajukan di situ dan kemudian mereka boleh, Jawatankuasa Pilihan Khas ini, ia boleh mengkaji semula, meneliti setiap aspek berkenaan dengan isu ini dan bukannya setiap sidang Dewan. Ahli-ahli pun juga, juga boleh tanya tapi setiap kali kita tanya soalan yang sama dan kita akan dapat jawapan yang sama, kalau tak sama pun mungkin sedikit berbeza sahaja dan ia berulang. Nampak tidak ada satu penyelesaian yang menyeluruh terhadap perkara ini dan saya rasa itulah cadangan muktamad saya, yang paling penting daripada saya dan saya amat menyokong usaha murni ini. Saya berharap cadangan-cadangan yang dilontarkan oleh para ADUN di Dewan yang mulia ini boleh diterima baik oleh pihak Eksekutif. Sekian, terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Terima kasih Banting. Saya persilakan Kg. Tunku.

Y.B. PUAN LIM YI WEI : Terima kasih Puan Timbalan Speaker. Pertama sekali saya ingin mengucapkan tahniah kepada Jawatankuasa Pilihan Khas PBT kerana berjaya menghasilkan satu kertas yang cukup komprehensif dan saya ingin menambah sedikit kepada saranan-saranan yang diberi, yang diutarakan oleh Jawatankuasa Khas ini. Pertamanya, saya sangat menyokong cadangan daripada Yang Berhormat Banting, mantan ADUN Kg. Tunku tentang Jawatankuasa Pilihan Khas untuk infrastruktur kerana jalan dan jambatan yang berfungsi merupakan pemacu ekonomi Selangor. Dan kita patut mementingkan perkara-perkara ini.

13 NOVEMBER 2019 (RABU)

Keduanya, menambah kepada Tuan Yang Berhormat Banting. Jalan plastik telah pun digunakan di India dan Bhutan. Ia dinamakan Jalan Polimer dan dapat digunakan benda-benda plastik yang sangat *low grade*, dengan izin, misalnya beg plastik. Jadi, saya harap Yang Berhormat EXCO Alam Sekitar akan juga mempertimbangkan kerana ia dapat membantu dalam Kempen Bebas Plastik. Saya ingin merujuk kepada saranan yang kedua mengenai jalan-jalan pengkategori, jalan-jalan mengikut penggunaan tinggi, sederhana dan rendah. Saya harap bahawa, kami akan menggunakan data daripada Google Waze dan juga melihat terutamanya di bandar sebab dengan adanya Google Waze, ia sudah mengalihkan trafik dari jalan-jalan utama semasa kesesakan. So, kita sekarang nampak di taman-taman juga, jalan kecil juga mengalami trafik yang agak tinggi dan ini menyebabkan *wear and tear*, dengan izin, kepada jalan-jalan kecil juga dalam taman.

Merujuk kepada saranan keempat tentang penyaluran semula peruntukan MARRIS yang ada bakinya terhadap mana-mana agensi, saya mencadangkan agar terdapat satu *cut off date*, dengan izin, mungkin pada tiga (3) bulan terakhir dalam tahun supaya memudahkan penyaluran semula sebab kita maklum apabila nak menyalurkan wang dari satu agensi ke satu agensi yang lain, ia mengambil masa, mengambil kertas, dan perlu mempunyai kelulusan mungkin dari UPEN dan sebagainya. Saya juga merujuk kepada saranan yang ketujuh mengenai cerapan jalan. Tadi ada sebut lorong belakang tapi apa yang kita dapati di Majlis Bandar raya Petaling Jaya ialah di taman-taman, lorong tepi pula ditinggalkan. So, kami nampak kes-kes di mana jalan di depan rumah semua diturap dengan cantik sekali tetapi lorong tepi dan belakang ditinggalkan sahaja. Dan alasannya ialah kerana lorong tepi tidak ada nama jalan. So, saya harap ini akan dimasukkan sebab sekarang kami ada Sistem GIS, kita ada Sistem Pemetaan dengan teknologi yang tinggi jadi saya rasa tidak logik bahawa lorong tepi di ketepikan..(ketawa).

Dan akhirnya, pada Saranan yang ke-10 mengenai Menyenaraihitamkan Mana-Mana Kontraktor. Saya cadangkan kita perlu lebih tegas lagi. Kita perlu *blacklist* (dengan izin), *top share holder* (dengan izin) syarikat-syarikat kontraktor yang tidak *perform* (dengan izin) kerana kita mendapati apabila PBT, *blacklist* kan satu syarikat, dia tutup sahaja syarikat itu dan dia *start* semula syarikat, i *mean* kamu boleh pergi ke SSM, bayar RM2.00 dan *start* satu syarikat yang baru dan dia menyertai tender sekali lagi, dapat tender dan buat kerja yang tidak memuaskan lagi. So, saya rasa kami perlu lebih tegas lagi. Sebab ini melibatkan wang rakyat.

Dan saya menyokong segala saranan yang terdapat dalam kertas ini. Sekian sahaja dari saya. Terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Terima kasih Kampung Tungku. Saya jemput Meru.

Y.B TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR : Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Speaker. Sedikit sahaja yang saya nak sentuh. Yang pertama berkaitan saya nak menyokong penuh lah cadangan daripada Banting berkaitan dengan Pembentukan Jawatankuasa Khas Infrastruktur yang dicadangkan itu sebab bagi saya ini memang satu keperluan yang mendesak untuk memastikan permasalahan-permasalahan jalan ini dapat kita selesaikan dengan segera dan sentiasa kita bermaklumat, sebenarnya. Untuk kita menyelesaikan isu-isu yang berbangkit berkaitan dengan masalah jalan ini. Dan seperti mana yang kita sedia maklum, apa-apa isu berkaitan jalan ini biasanya wakil rakyat

13 NOVEMBER 2019 (RABU)

lah dahulu yang akan kena. Wakil rakyat dahulu akan di buat pembaikan pun kena, tak buat pembaikan pun kena juga.

Jadi, kalau macam mana kita lihat sebelum ini, memang lah peruntukan itu pihak PBT dia akan rujuk kepada ADUN-ADUN sebelum atau pun dia mintak cadangan-cadangan daripada kita. Tetapi selepas kerja itu selesai dibuat. Mana rujukan itu tak ada dah. Kadang-kadang kualiti kerja dan sebagainya kita lihat, banyak yang kurang memuaskan atau pun tidak sampai standard dan kadang-kadang kita tak tahu pun dia punya spec kerja dia, yang menyebabkan kadang-kadang mungkin ada berlaku apa nama , penipuan ke dan sebagainya yang tanpa kita sedar yang menyebabkan, dengan sewenang-wenangnya duit rakyat, ini orang kata dibazirkan dan spec kerja itu tidak mengikut seperti mana yang telah ditetapkan di dalam BQ atau pun di dalam skop kerja yang telah ditetapkan oleh PBT itu sendiri.

Dan juga berkaitan dengan isu kontraktor yang seperti mana yang dicadangkan oleh pihak Jawatankuasa tadi, berkaitan untuk *blacklist* dan sebagainya, saya menyokong penuh. Sebab untuk menjamin supaya kontraktor-kontraktor ini lebih serius dan juga melaksanakan tanggungjawab nya dengan sebenar-benarnya dan seperti mana yang sebutkan tadi, penglibatan ADUN walaupun kita tak boleh memutuskan pun, tetapi atas isu kepuasan pelanggan, dan kita sebagai pelanggan juga, sebagai rakyat juga walaupun kita wakil rakyat, untuk kita berhak, kita masih ada hak untuk kita menyuarakan, ketidakpuasan standard kerja itu, sebab kadang-kadang kita lihat kerja yang dia buat, kompelin berkali-berkali lepas buat pun, bila rosak dalam tempoh terdekat pun kena kompelin lagi. Jadi, dia tidak menyelesaikan masalah yang sebenar. Yang sepatutnya pemberian di buat untuk menyelesaikan masalah. Bukan sekadar menutup sekejap masalah.

Jadi, perkara ini perlu kita ambil perhatian dan saya mencadangkan juga seboleh-boleh nya, Jawatankuasa yang bakal dibentuk ni nanti untuk memikirkan juga, bagaimana untuk kita memastikan jalan-jalan utama yang kita nak naik taraf ini dapat kitajadikan tumpuan utama dan juga memastikan tumpuan utama itu, tempat jalan atau tempat-tempat yang kita dah fokus kan itu, dapat kita tingkatkan dari segi teknologi supaya jangka hayat dia lebih panjang, dan kita tidak lah berulang kali membelanjakan duit di tempat yang sama setiap tahun. Kita tak nak begitu, dan sebolehnya perbelanjaan itu kita boleh alihkan. Kita boleh pergi pula ke tempat lain. Berkaitan dengan bajet yang tidak habis dan sebagainya, saya tidak pasti sama ada dia boleh bawak ke *carry forward* ke? Tak boleh ya?

Jadi, bila tak boleh tu saya rasa bajet-bajet yang masih berbaki tu dapat segera dimaklumkan balik kepada ADUN-ADUN supaya kita boleh memikirkan, kawasan-kawasan lain, jalan-jalan lain yang boleh kita segerakan pembaikan supaya tidak dibazirkan peruntukan yang telah disalurkan kepada pihak PBT. Sekian terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Terima kasih Meru. Saya jemput Pandamaran.

Y.B TUAN LEONG TUCK CHEE : Terima kasih Puan Timbalan Speaker. Saya ingin menyokong ya, menyokong cadangan Yang Berhormat Kampung Tungku di mana dia tahu banyak kontraktor yang telah disenaraikan hitam, syarikatnya dan dia akan

13 NOVEMBER 2019 (RABU)

tutup syarikat itu terus buka syarikat lain, tetapi nama pemilik kepada syarikat itu adalah sama. Ya. Ini adalah tidak bertanggungjawab. Sebab apa yang telah dilakukan sebelum ini, akan bawa ke syarikat yang baru.

Jadi, kita asyik yang *blacklist* (dengan izin) *blacklist* dengan nama syarikat sahaja. Tetapi, sepatutnya Kerajaan Negeri atau pun Kerajaan Tempatan perlu mengkaji dengan *blacklist* (dengan izin), nama pemilik kepada syarikat itu. Sebab, ke tidak pertanggungjawaban itu adalah satu kerugian kepada rakyat. Ya. Sebab kita kena buat penurapan yang kerap. Kadang-kadang sepatutnya, jalan itu adalah perlu lima (5) tahun, lepas itu baru boleh turap, tapi kualiti yang tidak elok ya, kadang-kadang kita perlu tiga (3) tahun, sebab dan berlubang, dah berlubang dan kita tahu dalam PBT, dia penurapan itu adalah setiap kali boleh menurap 50mm ya, dan kita pernah, saya pernah jadi Ahli Majlis dan kita pernah *coring test* (dengan izin) dan dapati memang ada lah. Tetapi, mereka tidak memakai konsep *mill & pave* (dengan izin), di mana mereka perlu *mill* dahulu dan *pave*. Dan difahamkan, kalau konsep *mill & pave*, kos dia akan tinggi. Kos dia akan tinggi dan tidak akan dapat menurap dengan banyak jalan. Tapi kita fikir balik, bila kita turap 50mm, lima (5) tahun kemudian 50mm, lima (5) tahun lagi, 50mm jadi 150mm.

Penduduk pernah mengadu, depan rumah dia dulu sama rata, kita nampak jalan tu, tapi sekarang nampak jalan depan rumah dia. Itu yang menjadi masalah ya, bila di dalam perumahan. Di dalam perumahan, orang mengadu dia kena buat *car porch* (dengan izin) yang laluan masuk itu dia kena tinggikan dan air akan terus masuk ke *car porch* dia (dengan izin). Itu yang kita perlu mengkaji, okey konsep-konsep *mill & pave* perlu dibuat di tempat-tempat perumahan.

Selain daripada itu, saya menyokong Yang Berhormat Pelabuhan Klang kerana peruntukan RM3 juta untuk MARRIS sepatutnya dia mengikut panjang jalan, tapi kita tahu Selangor adalah Negeri yang maju dan membangun dengan pesat. Kita tahu ada banyak tempat-tempat yang telah dibangunkan, ya. Sepatutnya, tempat-tempat ini perlu di kira balik dan masuk dalam untuk permintaan peruntukan MARRIS dari Kerajaan Persekutuan ya. Kalau setiap tahun RM3 juta itu, maksudnya Negeri Selangor tiada pembangunan ya. Sepatutnya dia kena tambah, mengikut keadaan semasa ya. Saya memang sokong keadaan cadangan daripada Yang Berhormat Pelabuhan Klang.

Dan JKR perlu mengkaji ya, dengan cara-cara yang perlu ataupun MPK atau pun PBT ya, perlu mengkaji semula di tempat-tempat yang begitu kritikal, iaitu kadang-kadang tempat situ ya, kita bandingkan dengan Pelabuhan Klang, Pekan Pelabuhan Klang dan Pelabuhan Klang. Terdapat banyak kenderaan berat terutamanya kontena.

Ini memang berat, mereka sebab sini lah pelabuhan yang paling besar di Malaysia ya. Kita nampak, banyak kontena yang akan lalu lalang di Pekan Pelabuhan Klang dan Pelabuhan Klang. Jalan tersebut akan cepat rosak jika konsep atau pun penurapan yang sama digunakan di dalam perumahan dan di tempat perniagaan atau pun pelabuhan. Ini menyebabkan, jalan cepat rosak dan perlu di turap dengan cepat ya. Dalam tiga (3) tahun kena turap. Itu yang telah membazirkan wang rakyat, duit rakyat ya. Sepatutnya ini perlu dikaji dengan betul-betul dan seperti apa Yang Berhormat Pelabuhan kata, Pandamaran telah di gabungkan hanya jadi satu DUN, dahulu dua (2) DUN di mana ada Kota Alam Shah, Yang Berhormat dahulu adalah Yang Berhormat EXCO Ganabahirau a/l Veraman dan dia telah dipindah. Tapi sekarang ni, bila saya kena, Pandamaran kena jaga dua (2) DUN ni,

13 NOVEMBER 2019 (RABU)

Peruntukan tak cukup ..(ketawa), peruntukan tak cukup dan pegawai kena bagi tahu Yang Berhormat ada, ada jalan ini kena tunggu tahun hadapan. Jadi, kita kena tangguh-tangguh dan penduduk akan marah kepada kita wakil rakyat kerana tidak dapat menyelesaikan masalah.

Jadi inilah, kita perlu mengkaji semula sebab saya difahamkan hanya panjang jalan, tapi lebar jalan pun kena dikaji sebab jalan-jalan ada yang bawah PBT, ada tiga (3) laluan, ada yang dua (2), ada yang satu (1), jadi ada yang berbeza. Jadi saya harap perkara-perkara ini perlu dikaji semula untuk menaik taraf atau pun memperbaiki, cara-cara atau pun untuk mendapatkan peruntukan dan cara untuk memakai peruntukan MARRIS tersebut.

Jadi, saya menyokong usul yang di cadangkan oleh Yang Berhormat Pelabuhan Klang. Terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Terima kasih Pandamaran. Saya jemput Yang Berhormat Hulu Kelang.

Y.B TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Terima kasih Puan Timbalan Speaker. Saya ucapkan terima kasih kepada jawatankuasa dan Pelabuhan Klang yang untuk rekod dewan Negeri Selangor adalah *presentation* pembentangannya paling baik, paling hebat sekali. Cukup panjang, cukup lebar. Dan kita berharap pembentangan itu akan berikan satu erti dan makna bawah MARRIS ini adalah satu perkara yang sangat penting sangat strategik dalam konteks dalam negara yang mempunyai negeri-negeri dan persekutuan.

MARRIS maknanya *Malaysian Road Record Information System*. Dia berkaitan dengan maklumat, ada jalan di situ kita tau jalan itu ada maklumatnya. Maklumat itu merangkumi segala yang berkaitan dengan spesifikasi dia, saiz dia, harga dia dan panjang lebar dan sebagainya.

Ini maknanya apa yang kita alami, apabila ADUN di Selangor diberikan peluang untuk memberi pandangan tentang, bagaimana kualiti jalan kita mengadakan perjumpaan dengan Ahli-Ahli Majlis, Ketua Kampung, JKK pada masa itu dan semua orang yang boleh memberikan suara dan pandangan mereka. dan kebanyakannya daripada pengalaman yang telah berlaku itu, kita tidak dapat maklumat yang mantap. Dan kita pun hairan , kenapa di kawasan kami MPAJ, MPAJ tak perlu *provide* benda itu.

Jadi, saya ada peruntukan, dia pun kritikal, dia tanya pada saya MARRIS maknanya *Information System Of The Road*. Maknanya MPAJ contohnya dalam konteks Hulu Kelang, perlu hanya kemukakan, map itu mengenai jalan dia akan bagi tahu ini sekian masa, sekian masa telah di buat, dibina diganti diturap dan sebagainya. Jadi, kita pun ada satu perkara yang pelik di Malaysia ini, kebanyakannya jalan kita yang dinyatakan oleh EXCO kita, EXCO Infra, *problem* jalan-jalan negeri itu adalah dia punya *foundation* yang lemah. Its time dikorek balik, di buat balik. Jadi bajetnya bukan bajet turap. Jadi kita dapat benda itu, ada cirinya di peringkat jalan-jalan PBT yang maknanya satu tak boleh hanya di buat untuk ditampal sahaja, tapi telah dikorek oleh macam-macam syarikat utiliti. Korek sana, korek sini dan kemudian dia punya struktur sudah tidak stabil. Jadi kita anggap perkara ini adalah satu perkara yang sangat penting. Saya ingin, menekankan bahawa bila kita mengatakan MARRIS Itu kita priority kita, kita memberikan gambaran bahawa we have solid and full of

13 NOVEMBER 2019 (RABU)

information (dengan izin) tentang maklumat jalan itu dan kita hanya perlukan *judgement* kita, bila nak buat yang mana satu dan sebagainya.

Saya ingin menyatakan bahawa sebenarnya, yang berkaitan dengan RM3 juta itu, bukan tidak efisien tetapi tidak efektif. Kerana efektif ini *doing the right things*, efisien itu *doing things right*. Jadi kita nak tengok antara dua itu, kita nak pastikan apabila kita nak buat *things right*, *things* itu betul dan kita akan jadikan pendekatan yang membolehkan PBT dan siapa-siapa yang bertanggungjawab menggunakan RM3 juta itu berdasarkan dengan betul. Apa yang ingin saya tegaskan kepada rakan-rakan Yang Berhormat sekalian, bila kita cakap RM3 juta, RM3 juta itu adalah satu ukuran dahulu dan kita ada cadangan dan saya baca, tersirat dalam pernyataan ini kita boleh dapat lebih..betul..kita boleh dapat lebih mungkin..RM800.00 juga setahun.

Anggaran saya dulu, ketika membuat suatu pernyataan..pernyataan yang berkaitan dengan jalan juga..pembangunan.. Saya menganggarkan kita boleh dapat RM700...RM70juta setahun daripada Kerajaan Pusat. Kalau kita teliti lagi dengan..dengan cadangan daripada Jawatankuasa Penyata mengatakan apa yang kita nak tahu dengan panjangnya tapi lebarnya itu akan melibatkan mungkin satu(1) bilion setahun dan dalam kajian kita yang berkaitan dalam *infrastructure* yang lain contohnya penembatan banjir, JPS kita telah membuat Penyata SELCAT dulu. Kita dapat bahawa kalau nak setel.. peruntukan Kerajaan Persekutuan kepada penembatan banjir adalah satu(1) bilion setahun. Jadi itu contoh *indication* maknanya kerana..kenapa..satu(1) juta.. satu(1) bilion setahun kerana banyak daripada *infrastructure* lain yang berkaitan dengan konsesi jalan raya, jalan-jalan yang telah menjadi Lebuh raya-lebuh raya, menjadikan air terlalu banyak mengalir dan dia pergi ke kawasan-kawasan yang rendah dan itu menimbulkan isu penembatan banjir.

Jadi, apa yang ingin saya tegarkan bahawa tejutan ini perlu kita kaji..dia hendaklah lebih senang..senang kerana ahli farmasi yang cukup..PBT provide information kita buat decision mana *priority* dia..mana nak didulukan dan sebagainya dan ingin saya tekankan akhir, Timbalan Pengurus Speaker,Saya ingin tekankan di sini bahawa, apa yang kita nak ini adalah pendemokrasian balik pada benda-benda *fundamental*. Pendemokrasian dalam mengendalikan negeri-negeri kita. Kita nak pengertian demokrasi itu dilaksanakan *there's no taxation without presentation*. Kita dah baca kita dah katakan kita satu-satu negara di dunia ini mungkin yang ada penjawat awam mengetui Kerajaan PBT. Kita tak salahkan mereka tapi kita salahkan sistem yang belum belum lengkap. Jadi, kita galakkan bahawa isu *MARRIS* ini adalah pendemokrasian di mana semua *State Holder* terlibat dalam memastikan dana negara yang di cukai oleh negara melalui pengguna-pengguna jalan, *roaddtax* dan sebagainya hendaklah dipulangkan cara equitable cara yang saksama yang adil..semua keadilan itu dapat dirasakan dan bukan hanya dapat dirasakan tetapi..dilihat dan dirasa..dirasai dilaksanakan.

Dengan itu, saya menyokong pernyataan ini dan saya ingin mengucapkan terima kasih lagi kepada Pelabuhan Klang yang telah menyampaikan dengan penuh bersemangat. Terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Terima kasih Hulu Kelang. Saya menjemput pihak kerajaan sekiranya ada untuk memberikan ulasan. Saya jemput Pandan Indah.

13 NOVEMBER 2019 (RABU)

Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Timbalan Speaker dan saya juga mengambil kesempatan ini, untuk mengucapkan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah berbahas, berbincang berhubung dengan Penyata Jawatankuasa Pilihan mengenai Pihak Berkua Tempatan berkaitan dengan Peruntukan MARRIS. Saya bagi pihak kerajaan kita akan meneliti segala cadangan dan saranan yang telah dibuat oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat dan juga oleh Jawatankuasa Pilihan dan tak perlu saya mengulas lebih panjang di sini kerana sebahagian besarnya telah pun saya ulas dan tambahan-tambahan itu saya akan kita akan teliti dan kita akan ambil langkah-langkah untuk melaksanakan perkara-perkara yang telah dipersetujui. Walaupun ada beberapa perkara yang di sini yang perlu diperjelaskan nanti yang berkait rapat dengan isu peruntukan undang-undang dan juga peraturan yang sedia ada yang perlu kita perbetulkan perkemaskan itu saya akan buat.

Cuma saya nak maklum di sini, berhubung dengan MARRIS ini dari segi peruntukan *just* untuk makluman kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat. Untuk makluman semua, peruntukan yang kita terima daripada Kerajaan Pusat di bawah MARRIS ini..untuk 2018 ialah RM527juta 162ribu 269.87sen berasaskan atau mengikut panjang jalan untuk 2018 yang dah didaftarkan ialah 21ribu 119.162KM. Jadi proses pendaftaran jalan ini, dibuat berterusan setiap tahun ada jalan-jalan baru sama ada jalan-jalan di bawah JKR ataupun PBT ataupun jalan-jalan pertanian dan jalan-jalan kampung memang didaftarkan apabila dia memenuhi kriteria untuk pendaftaran dan kadarnya tidak sama jalan-jalan ini dari segi peruntukan yang kita dapat ada yang RM35ribu..ada yang RM17ribu mengikut kategori jalan-jalan ini. Tapi kita berterusan mendaftar dan untuk Tahun 2019 setakat September ini kita telah mendaftarkan 22ribu 331.187KM ini peningkatan lebih 1000KM daripada Tahun 2018.

Jadi bermakna, kita akan mendapat lebih banyak duit daripada di bawah MARRIS ini. Jadi kalau kata anggaran saya lah kalau kata 2018 RM527juta saya anggarkan selepas kita berbincang dengan Dato' PWN tadi, mungkin di sekitar hampir RM550juta untuk tahun ini dan kita menerima untuk tahun depan ya Jadi kita menerima setiap bulan daripada Kerajaan Pusat RM45juta sebulan dan memang disalurkan habis untuk kegunaan MARRIS untuk selenggaraan jalan ini dan kalau ada yang terlebih itu, sebenarnya bukan kerana disengajakan itu kerana kadang-kadang kita menerima di hujung tahun di bulan 11 bulan 12 ini kadang-kadang ia akan termasuk pada tahun yang akan datang.

Tapi Kerajaan Negeri tiada masalah untuk membenarkan Pihak PBT ataupun JKR untuk melaksanakan kerja-kerja tanpa tertangguh kerana lambat kita memindahkan duit itu. Tidak timbul pun isu itu sebenarnya. Isu yang sebenarnya yang melambatkan kadang-kadang ialah Proses Tender dan Penganugerahan Tender ini kontrak ini yang agak lambat dan kalau boleh dan juga kita akan perkemaskan nanti dengan Pihak PBT dan JKR supaya dapat membuat dengan lebih cepat, lebih awal, supaya tidak timbul isu pelaksanaan kontrak ini berlaku di hujung tahun yang biasanya musim hujan. Ini yang kita akan perkemaskan, untuk yang untuk tahun yang akan datang ini. Yang lain-lain itu, saranan itu saya akur saya terima saya akan kita akan teliti dan kita akan ambil langkah-langkah untuk memperbaiki jalan kita sesuai dengan sebagaimana yang selalu saya sebut SMART Selangor tentulah semuanya kena *smart* lah jadi termasuklah dengan jalan kita dan juga sistem saliran dan pengairan kita. Terima kasih.

13 NOVEMBER 2019 (RABU)

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Terima kasih Pandan Indah. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, adapun masalah di hadapan Dewan ini ialah suatu usul yang berbunyi bahawasanya menurut Peraturan 76(5) Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Pilihan mengenai Pihak Berkuaesa Tempatan, JPPBT bagi Dewan Negeri Selangor berhubung Isu Peruntukan Sistem Maklumat Rekod Jalan Raya Malaysia (MAAR/S) yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bil.28 Tahun 2019.

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju. Sila kata Ya...Ya...Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju. Sila kata Tidak...Dipersetujui...

SETIAUSAHA DEWAN : Usul seterusnya..Usul No.22 Tahun 2019. Usul di bawah Peraturan Tetap 76(5) oleh Yang Berhormat Seri Setia.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Dipersilakan Seri Setia.

Y.B. TUAN HALIMEY BIN ABU BAKAR : Terima kasih Yang Berhormat Puan Timbalan Speaker..Puan Timbalan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin membawa satu usul yang berbunyi seperti berikut..Bahawasanya mengikut Peraturan 76(5) Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor. Dewan yang mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Pilihan mengenai Pihak Berkuaesa Tempatan ataupun JPPBT bagi Dewan Negeri Selangor berhubung Sistem Aduan Awam di Negeri Selangor yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bil.29 bagi Tahun 2019.

Puan Timbalan Speaker, Jawatankuasa Pilihan mengenai Pihak Berkuaesa Tempatan atau singkatannya JPPBT bagi Dewan Negeri Selangor berhubung Sistem Aduan di Negeri Selangor ini, terdiri daripada Yang Berhormat Puan Timbalan Speaker sendiri, sebagai Pengurusinya..Yang Berhormat Tuan Ean Yong Hian Wah, ADUN kawasan Seri Kembangan Yang Berhormat Puan Michelle Ng Mei Sze, ADUN kawasan Subang Jaya saya sendiri Yang Berhormat Tuan Shatiri bin Mansor, ADUN kawasan Kota Damansara Yang Berhormat Tuan Zakaria bin Hanafi, ADUN kawasan Semenyih dan Yang Berhormat Tuan Azmizam bin Zaman Huri,ADUN kawasan Pelabuhan Klang.

Sedikit latar belakang yang ingin saya nyatakan, Penyata ini dibentangkan bertujuan untuk memaklumkan kepada Kerajaan Negeri berkenaan Ketidakseragaman Sistem-Sistem Aduan Awam yang Diguna Pakai di setiap Pihak Berkuaesa Tempatan di Negeri Selangor. Oleh itu, isu ini dibincangkan dalam Jawatankuasa PBT untuk mencari jalan penyelesaiannya. Antara pihak-pihak yang dipanggil, untuk memberi taklimat berkaitan isu ini adalah seperti berikut:

1. Bahagian Korporat, Pejabat SUK
2. Bahagian Pengurusan Maklumat, Pejabat SUK
3. Majlis Bandar Raya Petaling Jaya
4. Majlis Perbandaran Subang Jaya
5. Majlis Perbandaran Klang
6. Majlis Daerah Hulu Selangor
7. Biro Pengaduan Awam, BPA JPM
8. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan atau KPKT
9. Vendors PBT iaitu *Padismas Techsols System* dan *Restack Sdn Bhd* MBPJ

13 NOVEMBER 2019 (RABU)

dan dalam sesi libat urus dengan para pemegang taruh dalam isu ini adalah bagi membincangkan kaedah pengintegrasian Sistem Pengurusan Aduan Awam dengan sistem yang diguna pakai di setiap PBT.

Puan Timbalan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat masalah yang dihadapi ketidakseragaman atau kewujudan pelbagai sistem aduan telah menimbulkan kekeliruan di kalangan masyarakat tempatan. Ia juga menyebabkan proses penyelesaian masalah atau pelaksanaan tindakan susulan lambat diambil akibat keperluan untuk memantau pelbagai sistem aduan. Ini memberi gambaran Kerajaan Negeri tidak efisien dalam memastikan masalah yang dihadapi masyarakat untuk diselesaikan dengan sesegeranya.

Sistem Pengurusan Aduan Awam ataupun SISPAA seharusnya menjadi gerbang utama aduan rakyat memandangkan ia adalah inisiatif Kerajaan Persekutuan. Namun demikian, sistem ini tidak mendapat sambutan yang baik daripada sesetengah PBT. Dalam penemuan Jawatankuasa, pertamanya Jawatankuasa PBT mendapati terdapat PBT seperti Majlis Bandar Raya Petaling Jaya, Majlis Perbandaran Klang, Majlis Bandar Raya Shah Alam dan Majlis Perbandaran Subang Jaya yang mempunyai sistem aduan e-Aduan dan i-Respon yang lebih komprehensif berbanding PBT lain yang menggunakan SISPAA dan kepentingan untuk memperkuatkannya penggunaan SISPAA bagi memudahkan urusan pemantauan prestasi perkhidmatan oleh Kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun, SISPAA masih mempunyai banyak kekurangan yang menyebabkan sesetengah PBT yang kurang cenderung untuk menggunakan sistem tersebut.

Yang kedua, penemuan Jawatankuasa mendapati Jawatankuasa berpandangan semua sistem aduan dipautkan, diselaraskan dan diintegrasikan bagi memudahkan kerja dan berpandangan bahawa pewujudan pelbagai jenis sistem aduan tanpa integrasi telah menyebabkan duplikasi kerja yang mana ianya tidak efisien dari segi penggunaan masa dan tenaga kerja kita. Yang ketiga, Jawatankuasa berpendapat bahawa SISPAA tidak memenuhi objektif untuk memantau prestasi aduan di agensi-agensi Kerajaan secara menyeluruh.. memandangkan ianya tidak diguna pakai oleh semua agensi-agensi.

Puan Timbalan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, saranan dan cadangan daripada pihak Jawatankuasa yang pertama Jawatankuasa mencadangkan agar semua PBT yang menggunakan sistem aduan yang terdiri daripada Majlis Bandar Raya Petaling Jaya, Majlis Perbandaran Klang, Majlis Perbandaran Subang Jaya dan Majlis Bandar Raya Shah Alam serta lain-lain PBT perlu mengambil langkah proaktif untuk mengintegrasikan sistem aduan mereka dengan SISPAA dalam tempoh satu(1) tahun.

Ini perlu dilakukan melalui kerjasama rapat dengan BPA, Badan Pengaduan dan Vendor masing-masing. Kos integrasi ditanggung oleh pihak PBT itu sendiri. Sekiranya tidak berjaya integrasikan sistem aduan mereka dengan SISPAA selepas tempoh setahun, maka PBT berkenaan perlu berusaha dengan Bahagian Korporat, SUK untuk menambah baik sistem SISPAA sehingga ke tahap yang memenuhi keperluan mereka. Saran dan cadangan yang kedua. Bahagian Korporat SUK dengan kerjasama rapat dengan BPA perlu mengambil tindakan proaktif untuk menambah baik SISPAA berdasarkan kepada cadangan daripada semua PBT dalam tempoh 1 tahun. BPA perlu memberi perhatian serius terhadap keperluan PBT Selangor dan perlu mewujudkan satu jawatankuasa penyelaras bagi memantau perjalanan integrasi sistem aduan oleh PBT yang mempunyai sistem aduannya tersendiri serta status penambahbaikan SISPAA dan perlu melaporkan

13 NOVEMBER 2019 (RABU)

terus kepada Jawatankuasa PBT setiap 2 bulan sekali, yang ketiga saranan dan cadangan daripada Jawatankuasa selain itu PBT-PBT lain tidak dibenarkan untuk membangunkan sistem aduan yang tersendiri walaupun mereka mempunyai kewangan yang kukuh. Sekiranya mana-mana PBT ingin membangunkan sistem aduan baru atas keperluan tertentu, maka hendaklah terlebih dahulu mendapatkan kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri ataupun MMKN dan yang terakhirnya, saranan dan cadangan daripada kami, jawatankuasa juga memohon agar Kerajaan Negeri digesa membuat publisiti besar-besaran mengenai SISPAA sebagai satu saluran aduan awam utama. Hal ini memandangkan lambakan sistem aduan yang boleh mengelirukan rakyat itu sendiri, dengan ini saya bagi pihak jawatankuasa membentangkan untuk penerimaan usul ini. Terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Terima kasih Seri Setia. Sila daripada Kota Damansara untuk menyokong.

Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR : Yang Berhormat Timbalan Speaker, Kota Damansara menyokong.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, usul ini telah pun disokong. Saya buka usul ini untuk dibahaskan.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Terima kasih, Banting.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Saya jemput Banting. Silakan.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Terima kasih diucapkan kepada Puan Timbalan Speaker kerana membenarkan saya mengambil bahagian sedikit dalam perbahasan usul ini dan sekali lagi ucapan tahniah dan syabas diucapkan kepada Yang Berhormat Seri Setia dan juga seluruh jawatankuasa PBT kerana telah pun membentangkan satu penyata yang sangat penting. Apa yang senario yang terkini ialah seperti apa yang sedia maklum ialah Kerajaan Persekutuan telah pun menggantikan Sistem SISPAA kalau saya tidak silap dengan Respons Rakyat 2.0 dan pada masa yang sama bukan setakat sahaja PBT-PBT masing-masing membangunkan portal-portal aduan masing-masing malahan KDEB Waste Management sendiri pun mempunyai aplikasi *mobile* mereka tersendiri iaitu *i-clean* untuk menangani aduan-aduan yang khusus untuk sampah.

Satu usaha sekiranya boleh dilakukan iaitu usaha integrasi untuk mengintegrasikan semua, mencantumkan semua portal-portal ini dalam satu portal sekiranya ia nya dilakukan, maka saya rasa ia nya adalah sesuatu yang bagus tetapi melihat keadaan sekarang saya rasa Sistem Respons Rakyat, Sistem SISPAA itu sendiri belum tentu sistem yang paling berkesan dan efektif dalam menangani aduan ini. Saya memohon perbincangan yang lebih kerap dan juga usaha yang lebih padu perlu diadakan di peringkat MMKN dengan peringkat Persekutuan untuk memastikan satu sistem yang benar-benar *user friendly* boleh dilancarkan untuk kegunaan untuk kepentingan rakyat. SISPAA saya rasa pada masa sekarang tidak ada lagi. Saya tak pasti kalau setakat, sebab saya selalu guna SISPAA tetapi apa yang saya rasa bagus diguna yang sekarang ini telah pun dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan ialah Respons Rakyat. Saya sebagai seorang pengguna saya rasa ia nya adalah satu portal yang lebih baik dan canggih daripada Respons Rakyat.

13 NOVEMBER 2019 (RABU)

Saya juga tertarik dengan cadangan daripada penyata daripada jawatankuasa supaya semua PBT diberi satu masa 1 tahun untuk menggabungkan semua sistem ini dan saya rasa masa memang sangat mencemburi kita dan saya rasa PBT harus mengambil perhatian terhadap cadangan ini kerana saya tahu Yang Berhormat Seri Setia ada PBT pada masa sekarang masih lagi berhasrat untuk membangunkan sistem portal-portal aduan mereka tersendiri dan saya rasa dengan izin *instead of doing hire* semua PBT masing-masing melaksanakannya melalui cara mereka sendiri, ada baik kalau kita menggunakan satu cara sahaja tetapi dari segi *user friendly* itu tidak harus dikira mengikut *experience* pengguna-pengguna pada peringkat tempatan tetapi ia nya juga perlu mengambil kira keperluan dan juga keperluan kakitangan-kakitangan PBT kerana salah satu aduan yang sering kali kita dengar daripada PBT ialah contohnya SISPAA untuk access ke SISPAA ini, staf PBT menghadapi masalah dan mereka tidak dapat mengetahui sesuatu aduan dan juga mengambil tindakan terhadap sesuatu aduan dengan cepat. Itu adalah aspek pertama Yang Berhormat Puan Timbalan Speaker perbahasan saya tentang perkara ini.

Kedua adalah berkaitan dengan *service level agreement* iaitu cara kita, cara PBT menangani sesuatu aduan. Aduan adalah satu portal hanya satu permukaan sahaja iaitu satu portal yang menghubungkan antara pengadu dengan PBT. Tetapi apa akan berlaku selepas sesuatu aduan itu dilaksanakan saya rasa ia nya juga sangat penting dan perlu diberi perhatian. Saya ingin bagi contoh sebagai saya ingin menarik perhatian dewan terhadap pengalaman yang saya alami semasa saya berkhidmat di Kampung Tunku iaitu di bawah Majlis Bandaraya Petaling Jaya di mana, pada tahun 2015 telah diadakan satu rombakan yang sangat besar terhadap cara MBPJ menangani aduan dan pada masa itu ia nya di ketuai oleh saudara Son Un selaku Ahli Majlis Bandaraya Petaling Jaya yang berkhidmat di bawah DUN Kampung Tengku. Dalam tempoh 2015 hingga 2018 melalui Jawatankuasa Pasukan Petugas Sistem Aduan MBPJ di mana akronim ABCD dilancarkan. Aduan Bahagian Councillor dan Dato' Bandar (ABCD), *service level agreement* telah pun ditetapkan, takrifan telah pun ditetapkan terhadap apakah itu aduan dan respons secara ringkasnya respons PBT terhadap sesuatu aduan itu adalah bergantung kepada tahap kecemasan ataupun *urgency* sesuatu aduan dan aduan dikategorikan pada 4 peringkat . *Category 1, Category 2, Category 3, Category 4.* *Cat 1, Category 1* ialah aduan yang perlu diambil tindakan dalam masa 24 jam. Contohnya pokok tumbang, banjir dan sebagainya perlu diambil tindakan dalam masa 24 jam dan sekiranya ia nya tidak dapat dilakukan diuruskan pada masa 24 jam. Laporan ataupun *escalation* perlu dilakukan di mana ia nya akan dinaikkan di bawah perhatian Ketua Jabatan ataupun Pengarah iaitu Bahagian A,B ya. Jadi aduan B dan kemudiannya sekiranya dalam masa yang ditetapkan masih tidak dapat dilakukan diselesaikan ia nya akan di bawa ke perhatian C (*Councillor*) Ahli Majlis kemudiannya D (Datuk Bandar) iaitu aduan yang tertunggak sehingga ke beberapa minggu lamanya.

Jadi saya rasa perlu ada satu *service level agreement* kita boleh membina bermacam-macam jenis portal aduan *i-clean*, SISPAA, Respons Rakyat dan sebagainya tetapi sekiranya portal-portal ini diadakan ataupun ia nya disatukan selepas itu tetapi tidak ada satu tindakan susulan yang sistematik untuk menguruskan aduan ini. Maka ia nya tidak berbaloi, ia nya juga tidak mendatangkan apa-apa kebaikan kepada pembayar cukai dan saya memohon *equally important* dengan izin iaitu kita perlu memberi perhatian terhadap cara kita mengurus aduan ini selepas aduan diterima. Dari segi luaran memang i-portal memang perlu ada, *user friendly* kita perlu jaga memastikan ia nya boleh berfungsi dengan

13 NOVEMBER 2019 (RABU)

baik ada *function* GIS, ada *function* memuatkan *upload* gambar dan sebagainya. Itu boleh dilakukan dan yang penting sama penting juga tindakan susulan. Jadi saya mohon perkara-perkara ini boleh diberi perhatian oleh rakan-rakan dari jawatankuasa dan juga daripada pihak eksekutif. Sekian, terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Terima kasih Banting. Saya jemput pihak Kerajaan sekiranya ingin memberikan ulasan dijemput Kinrara.

Y.B. TUAN NG SZE HAN : Ya terima kasih Tuan Timbalan Speaker dan juga ADUN-ADUN yang mengambil bahagian dalam pembentangan JP-PBT ya bagi usul ini. Satu sistem pengurusan aduan adalah sangat penting untuk memastikan aduan itu dapat diurus dengan baik dan juga teratur dan data-data tersebut juga adalah sangat penting kita perlu mengumpulkan data aduan itu supaya satu tindakan yang baik dapat dilaksanakan dan juga dapat disalurkan kepada Jabatan dengan betul aduan tersebut. Kerajaan Negeri akan teliti saranan daripada jawatankuasa sekiranya ada penambahbaikan yang diperlukan kami akan laksanakan. Sekian, terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Terima kasih Yang Berhormat Kinrara. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, adapun masalah di hadapan dewan ini ialah suatu usul yang berbunyi bahawasanya menurut Peraturan 76(5), Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan Yang Mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Pilihan Mengenai Pihak Berkuasa Tempatan JP-PBT bagi Dewan Negeri Selangor berhubung Sistem Aduan Awam di Negeri Selangor yang telah dibentangkan di Dewan Yang Mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan 29, Tahun 2019, Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila katakan ya, Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Usul Nombor 23, Tahun 2019 usul di bawah Peraturan Tetap 76 (5) oleh Yang Berhormat Rawang.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Dijemput Rawang.

Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT : Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin membawa satu usul yang berbunyi seperti berikut : "Bahawasanya menurut Peraturan 76(5), Peraturan-Peraturan Tetap, Dewan Negeri Selangor, Dewan Yang Mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Pembasmian Kemiskinan (JPK) Pembasmian Kemiskinan bagi Dewan Negeri Selangor berhubung Rumah Selangorku (RSKU) atau rumah kos rendah di Negeri Selangor yang telah dibentangkan di dewan yang mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan 30, Tahun 2019. Terima kasih kepada Puan Speaker yang memberi ruang untuk Jawatankuasa Basmi Kemiskinan untuk mengusulkan Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Pembasmian Kemiskinan bagi Dewan Negeri Selangor berhubung Rumah Selangorku atau rumah kos rendah di Negeri Selangor. Puan Speaker, jawatankuasa telah mengadakan mesyuarat berkenaan RSKU pada pertengahan Ogos sehingga bulan September. Sebanyak 4 mesyuarat telah diadakan untuk tujuan tersebut. Jawatankuasa mengambil berat atas isu rumah RSKU adalah disebabkan dalam kajian daripada BelanjawanKu yang dikeluarkan oleh KWSP dan kerjasama dengan Universiti Malaya dan Social Well Being Resources Centre telah menunjukkan golongan miskin ataupun B40 menggunakan kebanyakan pendapatan mereka untuk kegunaan perumahan. Kalau berdasar dengan

13 NOVEMBER 2019 (RABU)

kajian laporan penyiasatan belanjawan isi rumah pada tahun 2016, golongan yang berpendapatan RM2000.00 ke bawah menggunakan 33% perbelanjaan untuk perumahan dan utiliti. Ahli Jawatankuasa memahami Kerajaan telah memberi tumpuan atas isu pemilikan perumahan oleh golongan miskin dengan melancarkan rumah RSKU supaya golongan B40 boleh dapat tempat kediaman dengan kos yang mampu dalam laporan yang dibentangkan...

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Yang Berhormat Rawang, sila duduk dahulu. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, masa telah menunjukkan jam 1.00 tengah hari, dengan ini saya menangguhkan dewan sehingga jam 2.30 petang. Dewan ditangguhkan.

(DEWAN DITANGGUHKAN PADA JAM 1.00 TENGAH HARI)

DEWAN DISAMBUNG SEMULA)

(TUAN TIMBALAN SPEAKER MEMPENGERUSIKAN)

TUAN TIMBALAN SPEAKER : *Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh* serta selamat petang. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Dewan bersidang semula untuk membahaskan usul untuk meneruskan perbahasan pembentangan usul. Dipersilakan Rawang.

Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT : Terima kasih Puan Speaker yang memberi kita menyambung penyata tersebut. Dalam laporan yang dibentangkan oleh LPHS di dalam mesyuarat jawatankuasa. Sejak tahun 2014 sehingga kini mempunyai sebanyak 98,241 permohonan untuk rumah RSKU yang jenis A. Harganya RM42,000.00 tetapi tawaran untuk rumah tersebut hanya dapat 2,151 sahaja. Permohonan perumahan yang berjaya ditawar dalam lima (5) tahun tersebut. Sebagai contoh di Daerah Klang mempunyai sebanyak 22,240 permohonan tetapi hanya 84 rumah yang ditawarkan sahaja. Di Daerah Gombak sebanyak 10,476 permohonan dan hanya mempunyai tawaran sebanyak 180 sahaja. Angka ini telah memberi satu gambaran bahawa pembinaan rumah RSKU jenis A tidak cukup untuk mengejar bilangan permohonan yang sangat tinggi. Oleh itu, jawatankuasa memberi saranan LPHS perlu ambil peranan proaktif dalam tanggungjawab memastikan lebih banyak rumah RSKU jenis A yang dibina. Jawatankuasa memandang Kerajaan tidak boleh bergantung sahaja pembinaan RSKU ini yang ditawarkan oleh pemaju atas pembangunan. Kerajaan patut mengambil inisiatif untuk memajukan projek tambahan melalui agensi atau GLC seperti MBI atau PKNS. Pemaju sentiasa mengutamakan projek perumahan yang menguntungkan diri sendiri. Maka rumah RSKU sentiasa dibina di tapak yang kurang strategik dan *geographically* yang kurang baik. Maka Kerajaan patut mengambil peranan untuk menentukan kawasan yang lebih strategik bagi rumah RSKU tersebut dengan mempunyai infrastruktur dan juga kemudahan yang lengkap. Disebabkan golongan ini adalah merupakan golongan yang memerlukan bantuan kemudahan awam yang seperti pengangkutan bas.

13 NOVEMBER 2019 (RABU)

Puan Speaker dan Ahli-ahli Dewan Negeri. Dalam sesi pendengaran dengan LPHS, jawatankuasa dapat tahu bahawa sesetengah pemaju yang melanggar syarat yang ditentu oleh Kerajaan Negeri dan menawar rumah RSKU kepada pihak yang tiada dalam senarai LPHS. Caj denda yang dikenakan hanya 10% dari harga rumah tersebut. Maknanya hanya RM4,200.00 didenda oleh pihak pemaju. Maka, jawatankuasa ingin menyaran bahawa Kerajaan perlu meningkatkan denda kepada tiga (3) kali ganda harga rumah RSKU supaya pemaju tidak lagi melanggar peraturan dan matlamat Kerajaan dapat dicapai. Jawatankuasa memahami Kerajaan sentiasa bertungkus-lumus untuk membina rumah RSKU supaya masalah pemilikan rumah oleh rakyat dapat diselesaikan. Pembinaan rumah kos rendah telah bermula sejak berpuluhan tahun yang dulu tetapi tanpa campur tangan daripada pihak Kerajaan, rumah-rumah kos rendah jenis A yang telah dibina dahulu telah menjadi satu tempat untuk disewa kepada warga asing untuk menjana pendapatan diri dan pemilik-pemilik ini kemungkinan telah dikeluarkan daripada golongan miskin atau pun B40 tetapi pemilik tersebut masih memiliki rumah kos rendah tersebut atau pun dijual kepada pihak yang bukan dalam golongan B40 sebagai pelaburan. Manakala ramai lagi pemohon masih menunggu permohonan yang baru. Oleh itu, jawatankuasa menyarankan supaya aktiviti sewa rumah kos rendah ini boleh dikawal oleh Kerajaan dengan mewujudkan undang-undang untuk larangan sewaan dan aktiviti jual beli boleh dilakukan dengan kriteria dan senarai yang ditentukan oleh LPHS supaya rumah RSKU ini boleh dimiliki oleh pihak yang layak. Ia akan menyelesaikan sebahagian bilangan pemohon rumah RSKU jenis A yang tinggi. Akhirnya saya berharap Kerajaan boleh menelitian Penyata yang telah disediakan oleh jawatankuasa supaya jawatankuasa mengambil pandangan masalah perumahan untuk golongan miskin hanya boleh dikurangkan dengan perubahan yang holistik berkenaan dasar dan juga undang-undang perumahan. Disini saya juga ingin mengucap ribuan terima kasih di atas usaha daripada pihak jawatankuasa yang dipimpin dan dipengerusikan oleh Y.B. Tuan Rajiv (ADUN Kawasan Bukit Gasing), Y.B. Puan Rozana (ADUN Permatang), Y.B. Tuan Mohd Zawawi (ADUN Kawasan Sungai Kandis), Y.B. Tuan Edry (ADUN Kawasan Dusun Tua), Y.B. Tuan Ahmad Mustain (ADUN Sabak) dan tidak lupa daripada pihak pembangkang Y.B. Dato' Mohd Imran (ADUN Sungai Panjang). Itu sahaja daripada pihak saya, sekian terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Terima kasih Rawang. Saya persilakan penyokong.

Y.B. TUAN EDRY FAIZAL BIN EDDY YUSOF : Tuan Timbalan Speaker, saya menyokong Penyata.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Terima kasih Dusun Tua. Saya menjemput.....

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Puan Speaker, Peraturan 12(1), saya ingat kita tak cukup korum ni. Boleh buat semakan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : So, kita luluskan dulu. Kita terima sokongan dulu. Korum kita sepatutnya 1/3. Yang di luar mohon masuk ke dalam untuk mencukupkan korum.. Cukup? Ya kita cukup korum. Terima kasih Sijangkang kerana memperingatkan. Jadi saya mohon untuk disokong.

Y.B. TUAN EDRY FAIZAL BIN EDDY YUSOF : Puan Timbalan Speaker, saya sokong Penyata yang dibentangkan.

13 NOVEMBER 2019 (RABU)

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Terima kasih Dusun Tua. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, Usul ini telah pun disokong. Saya buka Usul ini untuk dibahaskan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, ada pun masalah di hadapan Dewan ini adalah satu Usul yang berbunyi :

“Bahawasanya menurut peraturan 76(5), Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan Yang Mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Pembasmian Kemiskinan (JPK) Pembasmian Kemiskinan Bagi Dewan Negeri Selangor berhubung Rumah Selangorku (RSKU) atau Rumah Kos Rendah di Negeri Selangor yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bil. 30 Tahun 2019”.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, yang bersetuju sila kata “ya”.

DEWAN : “Ya”.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila kata “tidak”.

Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Usul seterusnya usul nombor 24 tahun 2019. Usul di bawah Peraturan Tetap 76(5) oleh Yang Berhormat Sungai Kandis.

Y.B. TUAN MOHD ZAWAWI BIN AHMAD MUGHNI : Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh dan selamat petang. Tuan Timbalan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin membawa satu Usul yang berbunyi seperti berikut “Bahawasanya menurut peraturan 76(5), Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan Yang Mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Pembasmian Kemiskinan (JPK) Pembasmian Kemiskinan Bagi Dewan Negeri Selangor berhubung penyelarasaran kaedah menilai taraf kemiskinan bagi tujuan pemberian bantuan di Negeri Selangor yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bil. 31 Tahun 2019”.

Untuk makluman Ahli Dewan semua, tujuan Penyata ini adalah untuk mengenalpasti corak perbelanjaan bagi golongan kumpulan sasar yang berpendapatan bawah RM4,000.00, RM3,000.00 dan RM2,000.00. Jawatankuasa ini telah bermesyuarat sebanyak empat (4) kali dan juga telah bermesyuarat bersama dengan Lembaga Zakat Selangor, dengan Jabatan Perangkaan Malaysia dan dengan Pusat Penyelidikan Kesejahteraan Sosial Universiti Malaya. Daripada mesyuarat yang dijalankan ini beberapa penemuan telah didapati :-

1. Komposisi perbelanjaan penggunaan mengikut kelas pendapatan Selangor 2016 oleh Jabatan Perangkaan menunjukkan peruntukan terbesar adalah ke atas kumpulan utama perbelanjaan perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api. Bagi pendapatan yang kurang RM1,999.00, perbelanjaan untuk perumahan adalah 33.8%. Manakala pendapatan kurang RM2,000.00 adalah 29.4% dan yang kurang RM3,000.00 adalah 26.5%. Jawatankuasa mendapati pengukuran kemiskinan mutlak yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan berdasarkan pendapatan garis

13 NOVEMBER 2019 (RABU)

kemiskinan di Selangor iaitu RM1,033.00 terlalu rendah berbanding garis kemiskinan relatif di Selangor iaitu RM3,612.00. Jawatankuasa mendapat terdapat keperluan untuk membantu rakyat dalam merancang perbelanjaan berdasarkan hasil kajian SWRC yang telah menghasilkan Instrumen Belanjawanku iaitu anggaran perbelanjaan bulanan bagi mengikut kategori isi rumah. Jawatankuasa memberikan beberapa saranan :-

- i. Kerajaan perlu menggunakan garis kemiskinan relatif sebagai penentuan gerak kerja dan program kebajikan Kerajaan Selangor. Jawatankuasa mendapat daripada keterangan-keterangan saksi bahawa ini adalah lebih mencerminkan keperluan masyarakat berbanding pendapatan garis kemiskinan (PGK) yang terlalu rendah atau definisi B40 yang terlalu tinggi.
- ii. Setelah meneliti corak perbelanjaan bagi golongan pendapatan di bawah RM4,000.00, RM3,000.00 dan RM2,000.00 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, Jawatankuasa mendapat peruntukan terbesar adalah ke atas kumpulan utama iaitu perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain. Justeru, Kerajaan perlu membina lebih banyak Rumah Selangorku jenis A untuk membantu mengurangkan sebahagian besar beban perbelanjaan bulanan mereka. Ini akan membantu meningkatkan kualiti taraf hidup mereka kerana penjimatan yang diperolehi dapat digunakan untuk perbelanjaan yang lain.
- iii. Kerajaan perlu memberi kesedaran dan juga membantu rakyat dalam merancang perbelanjaan. Ini berdasarkan pendapatan bulanan dan bilangan tanggungan isi rumah yang mudah di excess seperti melalui aplikasi telefon pintar, *financial tools* yang mudah digunakan boleh membantu meringankan proses merancang perbelanjaan sesebuah keluarga ataupun individu. Sekiranya perlu Kerajaan boleh bekerjasama dengan pihak SWRC, Universiti Malaya yang sedang dalam perancangan membangunkan aplikasi android untuk pengurusan kewangan dan perbelanjaan. Ini juga dapat memberi kesedaran kepada rakyat mengenai kemampuan memiliki berdasarkan pendapatan bulanan mereka.
- iv. Pembangunan *financial tools* adalah hanya sebahagian kecil daripada usaha yang diperlukan. Usaha yang lebih besar adalah usaha Kerajaan untuk memberi kesedaran bahawa individu atau keluarga harus belanja mengikut kemampuan dan mereka harus membuat perancangan kewangan untuk memastikan perbelanjaan adalah selaras dengan pendapatan mereka.

Jawatankuasa juga ingin, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada jawatankuasa yang telah bermesyuarat untuk menghasilkan Penyata ini, yang diketuai oleh Bukit Gasing dan dianggotai oleh Permatang, saya Sungai Kandis, Rawang, Dusun Tua, Sabak dan daripada Pembangkang Sungai Panjang. Sekian.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Terima kasih Sungai Kandis. Penyokong.

Y.B. PUAN ROZANA BINTI ZAINAL ABIDIN : Terima kasih Puan Timbalan Speaker, Permatang menyokong.

13 NOVEMBER 2019 (RABU)

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Terima kasih Permatang. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, usul ini telah pun disokong, saya buka usul ini untuk dibahaskan. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, adapun usul adapun masalah di hadapan Dewan ini adalah suatu usul yang berbunyi bahawasanya menurut Peraturan 76 (5) Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, dewan yang mulia ini menerima penyata Jawatankuasa Pilihan Khas mengenai Pembasmian Kemiskinan JPK Pembasmian Kemiskinan bagi Dewan Negeri Selangor berhubung penyalarasaran kaedah menilai taraf kemiskinan bagi tujuan pemberian bantuan di Negeri Selangor yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia, sebagai Kertas Mesyuarat Bil. 31/2019. Ahli-ahli Yang Berhormat sila kata ya,

DEWAN : Ya..

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Usul dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Usul seterusnya Usul No. 25 Tahun 2019. Usul Di Bawah Peraturan Tetap 76 (5) oleh Yang Berhormat Banting.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Silakan Banting.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Puan Timbalan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian saya ingin membawa satu usul yang berbunyi seperti berikut, bahawasanya menurut Peraturan Tetap 76 (5), Peraturan-Peraturan Tetap Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini akan menerima Penyata Jawatankuasa Pilihan mengenai Pejabat Daerah dan Tanah JP-PADAT bagi Dewan Negeri Selangor berhubung status pemutihan kilang tanpa kebenaran yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bil. 32 Tahun 2019. Puan Timbalan Speaker dan Ahli-ahli Yang berhormat sekalian JP-PADAT telah mengadakan mesyuarat dan pendengaran sebanyak 4 kali pada bulan Ogos dan September iaitu mesyuarat yang cukup kerap untuk menetapkan rangka kerja mengenai isu berbangkit yang perlu diteliti tentang status pemutihan kilang tanpa kebenaran ini dan kami telah pun menjemput wakil daripada Pejabat Tanah dan Galian Selangor, wakil daripada Pejabat Daerah dan Tanah dan juga PBT untuk menyampaikan taklimat tertutup mengenai status permohonan serta garis panduan baru yang akan dilaksanakan bagi memutihkan kilang tanpa kebenaran yang masih berterusan. Puan Timbalan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian, saya tidak akan berhujah panjang terhadap isi kandungannya memadai kalau saya bolehlah mengambil kesempatan ini untuk menarik perhatian Dewan terhadap beberapa penemuan Jawatankuasa dan saranan kami, dan kami berharap setiap ADUN yang hadir di sini bolehlah mengambil maklum tentang penemuan dan juga saranan kami kerana kami pasti isu tentang kilang haram ini ataupun kilang tanpa izin ini adalah isu yang berlaku di semua kawasan DUN. Dan bagi saya, bagi Jawatankuasa kami pertama sekali ingin memaklumkan bahawa program pemutihan kilang tanpa izin ini sebenarnya telah pun dilancarkan oleh Kerajaan Negeri sebelum ini untuk tempoh lebih kurang 9 tahun sejak tahun 2006 dan tamat pada tahun 2015. Salah satu fakta ataupun fenomena yang dapat kami perhatikan ialah kejayaan sesuatu program insentif seperti ini yang dilancarkan oleh kerajaan amat bergantung kepada respons dan juga sambutan daripada pemilik tanah sendiri.

13 NOVEMBER 2019 (RABU)

Daripada pendengaran yang kami dapati, kami mendapati bahawa ramai daripada pemilik tanah mengambil sikap sambil lewa dan tunggu dan lihat. Dan tidak mengambil tindakan yang proaktif untuk melibatkan diri dalam program pematuhan syarat dan penguatkuasaan kilang-kilang tanpa kebenaran di Negeri Selangor sepanjang tempoh 9 tahun yang saya nyatakan tadi. Ini boleh dilihat daripada penemuan Jawatankuasa perenggan 4.7 iaitu penambahan sebanyak 548 buah kilang yang belum diputihkan dan baru di wujud selepas tempoh PPKTK sepanjang 9 tahun itu. Maksudnya walaupun kita melancarkan program untuk satu tempoh masa yang cukup panjang bukan sahaja kilang lama tidak diputihkan malahan wujud lebih banyak lagi kilang-kilang baru tanpa izin yang mana Kerajaan perlu mengambil tindakan keras ataupun tindakan yang cepat untuk mengurangkannya dan bilangan ini ialah 548, satu angka yang saya kira pada Jawatankuasa agak tinggi. Dan oleh sebab itu, Jawatankuasa mengalu-alukan tindakan murni daripada Kerajaan di bawah Yang Berhormat Kinrara untuk melancarkan PPKTK 2.0 tapi ianya hanya akan dilancarkan untuk tempoh satu tahun sahaja. Kami mengalu-alukan tindakan ini kerana sekarang ini diberi peluang kedua kepada mereka yang degil untuk melaksanakan ataupun memutihkan kilang-kilang tanpa izin yang ada di kawasan masing-masing. Saranan daripada Jawatankuasa, Puan Timbalan Speaker ialah kami berharap pemutihan ini perlulah dilaksanakan bersekali dengan penguatkuasaan kerana sepanjang 9 tahun pelaksanaan PPKTK versi 1.0 bolehlah dikatakan Kerajaan, bukan saja berlebutlah tetapi kita ini amat prihatin , kita ini Kerajaan yang berjiwa rakyat. Kita memberi masa yang cukup panjang dan kami bersetuju bahawa masa yang cukup panjang sebenarnya telah pun diberikan malahan saya juga ingin membawa sebenarnya respons daripada Jabatan-Jabatan Kerajaan bahawa mereka berharap supaya tindakan penguatkuasaan ini dilaksanakan tetapi kami berasa, jawatankuasa berasa mungkin perlu diberi tempoh masa yang mencukupi dan saya kira jawatankuasa pun berpendapat, satu masa, tempoh masa sepanjang satu tahun itu bolehlah dilaksanakan tetapi ianya perlu di sekalikan dengan penguatkuasaan. KPI ataupun indeks prestasi utama perlulah ditetapkan untuk kedua-dua pelaksanaan tindakan. Iaitu tindakan pemutihan dan tindakan penguatkuasaan. Sekiranya notis 7E, iaitu tindakan penguatkuasaan kita akan melakukannya melalui Penghantaran Notis 7E dikeluarkan oleh Pejabat Tanah kepada pemilik tanah atau pengusaha kilang pada awal tempoh program pemutihan. Ia mungkin akan memberikan galakkan dan tekanan kepada pemilik-pemilik kilang untuk mempercepatkan proses pemutihan. Kerana pemilik-pemilik kilang tanpa izin ini akan merasakan tekanan sedikit sebanyak tekanan ataupun dorongan ataupun *push* dengan izin lah untuk menjalankan pemutihan untuk mengemukakan permohonan mereka dan tidak lagi tunggu dan lihat. Saranan Jawatankuasa, Puan Timbalan Pengerusi, Timbalan Speaker Jawatankuasa menyarankan agar Kerajaan menyediakan panel perunding, *town planner* di setiap PDT untuk sebagai satu strategi untuk memudahkan proses pemutihan. Sebenarnya ini adalah cadangan daripada salah sebuah PBT yang hadir untuk memberi penerangan dan saya rasa wajar bagi kami untuk masukkan cadangan ini sebagai sebahagian daripada cadangan Jawatankuasa ini khusus untuk membantu pemilik-pemilik tanah yang sederhana kecil sebab ada ramai yang serba tidak tahu macam mana hendak menjalankan pemutihan jadi daripada mereka serba tidak tahu dan akhirnya melepaskan peluang, baik mereka diberi sedikit panduan dan juga dorongan dan juga maklumat, supaya mereka boleh memulakan langkah yang pertama dan seterusnya boleh melaksanakan dan menyelesaikan keseluruhan proses pemutihan ini. Puan Timbalan Speaker saranan ketiga, satu Jawatankuasa Pemantau Khas perlulah diwujudkan dan di pengerusi oleh EXCO Kerajaan Tempatan, Yang Berhormat Kinrara dan dianggotai oleh PDD dan PBD, Pejabat Tanah dan juga Pihak Berkusa Tempatan supaya proses pemutihan kilang tanpa kebenaran ini berjalan seperti yang dirancang dan mencapai

13 NOVEMBER 2019 (RABU)

objektifnya termasuklah memandang dari segi pematuhan kepada KPI, pematuhan kepada tindakan penguatkuasaan dan juga pematuhan kepada semua tindakan-tindakan pemutihan yang dilaksanakan di setiap Pejabat Tanah dan Daerah dan juga di setiap PBT dan yang keempat, kita juga amat khuatir Jawatankuasa tentang pembinaan kilang-kilang haram ataupun kilang-kilang tanpa kebenaran yang akan wujud lagi. Yang baru dan akan wujud lagi. Kita tidak boleh beranggapan bahawa dengan adanya PPPTK Versi ke 2 ini walaupun sepanjang satu tahun, kilang haram ini lama-kelamaan akan selesai. Pastinya ada mereka yang masih lagi degil dan tidak mahu mengambil bahagian pun dalam program pemutihan ini. Jadi untuk kilang-kilang ini kita memerlukan proses penguatkuasaan dan pemantauan. Nampak saja kilang baru masuk ataupun dibina tindakan penguatkuasaan perlu dilaksanakan serta-merta dan mereka perlu dimaklumkan ataupun disyaratkan untuk mengemukakan permohonan pemutihan sebelum kerja-kerja pembinaan mereka ini boleh diteruskan. Ianya tidak boleh dibenarkan untuk berleluasa lagi kerana mengikut pengalaman 548 buah kilang baru wujud tidak mahu mengambil bahagian langsung dalam PPPTK versi 1, jadi kita tidak mahu pisang berbuah dua kali, tidak mahu lagi pisang berbuah tiga kali.

Y.B. TUAN SALLEHUDIN BIN AMIRUDDIN : Mohon mencelah Banting.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Silakan Kuang.

YB TUAN SALLEHUDIN BIN AMIRUDDIN : Saya pernah mengemukakan satu soalan berkenaan dengan status kilang-kilang haram yang didirikan di atas tanah-tanah Kerajaan. Yang kita maklum pada 2008 dahulu selepas Kerajaan Pakatan Rakyat menang maka status tanah-tanah TOL tersebut semua telah dibatalkan. Tetapi kilang masih berdiri di atas tanah tersebut. Namun sejauh jawapan yang saya terima bahawa tidak Kerajaan langsung tidak mendapat hasil daripada status daripada kilang-kilang tersebut selain daripada cukai dan sebagainya. Dan bagaimana Jawatankuasa yang mengemukakan usul hari ini untuk menyelesaikan masalah tanah-tanah yang bukan milik mereka tetapi masih lagi status milik kerajaan dalam penyelesaian untuk kilang-kilang haram ini. Terima kasih.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Terima kasih Yang Berhormat Kuang. Jawatankuasa PADAT ini akan menjalankan tindakan susulan dan siasatan yang seterusnya kerja-kerja kami tidak akan selesai setakat membentangkan Penyata ini dan saya sudi akan menjemput Yang Berhormat Kuang sebagai pemberi maklumat ataupun saksi nanti sekiranya kita menjalankan siasatan ataupun pendengaran selanjutnya. Tetapi untuk memastikan program-program pemutihan yang ke-2 ini boleh diatasi dengan sempurna khususnya kilang-kilang yang dibina atas tanah Kerajaan. Kita memerlukan kerjasama yang lebih erat lagi daripada Pejabat Tanah dan juga PBT kerana tanah yang mereka duduki ini adalah tanah Kerajaan. Sama ada Kerajaan hendak memberi hak milik kepada pemilik-pemilik kilang ini ataupun kerajaan memajak tanah-tanah ini kepada mereka, saya kira tetapi itu adalah sesuatu yang boleh dilakukan dengan segera oleh pihak Pentadbir dan itu juga bersangkutan dengan isu tentang hasil yang mana JP-PADAT pada sidang dewan yang lepas pun ada membentangkan satu penyata tentang kutipan hasil dan kita mengaku bahawa kerana kegagalan kita untuk menjalankan pemutihan ini banyak pengusaha-pengusaha tidak semestinya kilang tetapi mereka yang bercucuk tanam atas tanah Kerajaan pun. Kerajaan tidak dapat satu sen pun hasil dan ini adalah satu ketirisan yang perlu diteliti oleh Kerajaan Negeri. Sekiranya ianya adalah pada angka dan amaun yang cukup besar kita tidak boleh membenarkan keadaan ini terus berleluasa. Apa

13 NOVEMBER 2019 (RABU)

pun sekali saya mengalu-alukan tindakan proaktif daripada Majlis Daerah Kuala Langat, saya baru difahamkan oleh Ahli Majlis Saudari Ang Lee Yong bahawa minggu depan akan diadakan satu taklimat oleh di bawah pengelolaan YDP Majlis Daerah Kuala Langat untuk memberi taklimat secara lebih jelas lagi kepada pengusaha-pengusaha kilang tanpa izin di kawasan di daerah Kuala Langat. Saya difahamkan Yang Berhormat Permatang juga bermintat untuk melaksanakannya di kawasan Permatang, walaupun kita tahu Permatang bukannya satu kawasan yang ada banyak kilang haram tetapi ada juga. Itu menunjukkan bahawanya ianya adalah satu tindakan proaktif dan saya mengalu-alukan usaha daripada MDKL dan saya kira dan pasti PBT-PBT yang lain juga boleh melakukan kerja ini supaya perkara ini boleh dirancakkan dan pada akhirnya kerana kita hanya ada masa satu tahun sahaja. Maksudnya ialah pemantauan berterusan kita ini akan dijalankan secara berkala dan mungkin tiga atau pun empat bulan daripada hari ini kita akan bertemu kembali di Dewan yang mulia ini untuk membentangkan laporan pemantauan yang pertama. Jadi saya ingin berdiri di sini memohon supaya penyata ini boleh dipertimbangkan dan diterima oleh Dewan yang mulia ini. Sekian, terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Terima kasih Banting, saya mohon menyokong. Balakong silakan.

Y.B. PUAN WONG SIEW KI : Ya, saya menyokong.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Baiklah. Ahli-Ahli Yang Berhormat Sekalian, USUL ini telah pun disokong. Saya buka USUL ini untuk dibahaskan.

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Terima kasih Puan Timbalan Speaker. Tahniah kepada Banting. Tahniah kepada Jawatankuasa Pilihan Khas Pejabat Daerah dan Tanah, JP-PADAT yang membawakan USUL ini. 548 bukan satu jumlah yang kecil dan saya kira kalau diberikan masa dalam setahun mungkin dia tidak boleh selesai tapi saya kira ini satu insentif yang sangat baik. Saya merasakan bahawa satu ada satu tatacara kerja bukan hanya sekadar usaha kita untuk memutihkan kilang-kilang tanpa kebenaran dan menguatkuasakan undang-udang yang ada tetapi ada satu tatacara kerja yang bersasar daripada sudut kategori kilang itu sendiri sudah tentulah kilang-kilang ini sepatutnya memberikan hasil kepada Kerajaan negeri. Saya dimaklumkan ada kilang yang lebih daripada sepuluh tahun dah tetapi masih lagi gagal diputihkan kilang-kilang tanpa kebenaran ini dan selain daripada itu, ia memberikan satu faedah sepatutnya kepada kerajaan negeri, hasil kepada negeri sebahagian besar daripada kilang-kilang tanpa kebenaran ini juga memberikan masalah kepada negeri kita. Menyebabkan masalah alam sekitar. Pencemaran kepada air. Pencemaran kepada udara dan pelbagai jenis pencemaran yang akhirnya bukan kerajaan negeri dapat hasil tetapi kerajaan negeri terpaksa mengeluarkan kewangan untuk menyelesaikan masalah-masalah daripada kilang tanpa kebenaran ini.

Saya suka merujuk kepada dapatan daripada kajian yang menunjukkan satu daripada tujuh orang di muka bumi ini menghidu udara yang tercemar. 2% daripada air yang ada di muka bumi adalah air yang boleh diminum sekadar 2%. Walaupun di Selangor, kita tidak mempunyai masalah yang besar daripada sumber air mentah untuk dijadikan minuman tetapi sebagaimana yang berlaku, empat kali pencemaran itu satu perkara yang sangat besar. Walaupun ini semua bukan daripada sumber kilang tanpa izin tetapi saya kira

13 NOVEMBER 2019 (RABU)

seperti mana saya kata kan tadi harus dilakukan secara bersasar untuk menyelesaikan jumlah yang sangat besar.

Mungkin dimulakan dengan kilang-kilang yang ada di atas tanah kerajaan di sepanjang jajaran sumber air di negeri Selangor. Mungkin beberapa kategori-kategori yang lain supaya akhirnya walaupun tidak selesai 548 ini separuh ataupun suku daripadanya dapat diselesaikan. Kurang pencemaran dan kerajaan negeri mendapat hasil dan saya mengharapkan ya selain daripada USUL yang dibawa ya hasil daripada USUL ini dapat benar-benar diimplementasikan dan ianya memberikan kebaikan kepada rakyat dan memberikan hasil kepada Kerajaan Negeri Selangor. Terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Terima kasih Sijangkang. Saya jemput Pelabuhan Klang.

Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI : Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Speaker. Saya mengucapkan tahniah kepada Jawatankuasa Pilihan mengenai Pejabat Daerah dan Tanah, JP-PADAT kerana berjaya membentangkan penyata Dewan Negeri Selangor berhubung status pemutihan kilang tanpa kebenaran cuma saya hendak memberikan beberapa pandangan sedikit kepada Yang Berhormat EXCO Kerajaan Tempatan. Memang kerajaan negeri mengumumkan untuk menangguhkan lagi setahun program pemutihan tanpa izin ini tetapi saya berharap dalam masa yang sama Pihak Kerajaan Negeri tidak bertolak ansur kepada mana-mana kilang tanpa izin terutamanya yang mengakibatkan pencemaran alam sekitar. Jangan lah mereka mengambil kesempatan mentang-mentanglah kerajaan negeri memberi peluang lagi setahun untuk mereka memutihkan kilang mereka tetapi mereka masih lagi terus melanggar peraturan dan undang-undang terutamanya undang-undang alam sekitar.

Kita boleh datang ke Pelabuhan Klang sekarang pada waktu malam sangat banyak asap-asap dilepaskan pada waktu malam dan menghasilkan bau-bau yang tidak menyenangkan sehingga menimbulkan kacau ganggu. Saya tidak pasti apakah jenis *chemical* ataupun asap, ataupun bau yang dilepaskan tetapi saya pasti ianya mendatangkan kemudarat kepada kesihatan masyarakat yang tinggal berdekatan dengan kilang-kilang tanpa izin ini.

Begitu juga dengan pencemaran alam sekitar seperti sungai-sungai yang dimaklumkan oleh Sijangkang sebentar tadi begitu banyak sungai-sungai yang tercemar sehingga Unit Bencana Negeri Selangor datang membuat ujian di air-air sungai seperti di Sungai Tengkorak, Telok Gong, di Sungai Chandong mendapati ada 25 jenis *chemical*/yang berada di dalam sungai-sungai tersebut yang kemudian dilepaskan ke laut-laut yang berhampiran. Jadi saya berharap Pihak Kerajaan Negeri tidak berkompromi walaupun kita memberikan peluang kepada mereka untuk memutihkan kilang tanpa izin mereka tetapi dalam masa yang sama jangan berkompromi dengan mereka tentang isu alam sekitar.

Yang kedua, saya ingin mencadangkan juga kepada Dewan yang mulia ini dalam masa 548 kilang yang belum diputihkan yang telah diwujudkan ianya tidak memberikan apa-apa hasil kepada kerajaan negeri sudah tentu ianya tidak boleh dilesenkan seperti yang dimaklumkan oleh Sijangkang tadi ianya mendatangkan kerugian kepada kerajaan negeri kerana kilang-kilang ini didirikan di dalam kawasan-kawasan kampung ataupun kawasan-kawasan yang tidak sepatutnya dan ia menyumbang kepada kerosakan infrastruktur seperti jalan-jalan raya, jalan-jalan kampung yang ada berdekatan dengan kilang-kilang tersebut.

13 NOVEMBER 2019 (RABU)

Kebanyakan kenderaan-kenderaan yang menghantar, mengangkut barang-barang kepunyaan kilang tersebut semuanya besar-besar. Kita boleh tengok di kawasan Sementa, di kawasan Meru, di kawasan Pelabuhan Klang ni sudah tentu banyak lah ada seperti di kawasan Kampung Telok Gong dan di Pulau Indah dan saya mencadangkan dalam Dewan yang mulia ini, sekiranya boleh cuba fikirkan sesuatu bagaimana kita hendak menyelesaikan tentang peruntukan infra kita yang tidak cukup pada tahun 2020 tetapi kita mendapat sumbangan merosakkan jalan daripada kilang-kilang haram ini yang sekarang ini berjumlah 548 boleh tak kita buat, ataupun kita minta, kita tubuh atau wujudkan tabung sumbangan infrastruktur yang akan kita kutip daripada kilang-kilang ini.

Di samping mereka dalam setahun nak memutihkan kilang mereka, mereka masih juga beroperasi kita tak tutup perkhidmatan, ataupun operasi kilang mereka tetapi mereka tetap juga menggunakan jalan-jalan ke kilang-kilang mereka dan jalan-jalan tersebut kalau rosak kita juga kerajaan negeri yang kena memikirkan bagaimana untuk membaiki jalan-jalan tersebut.

Mungkin perlu ada satu kaedah kita tidak boleh melesenkan mereka tapi kita bagi mereka peluang dalam masa setahun tapi kita boleh kutip sumbangan infrastruktur daripada kilang-kilang tersebut bagi menangani masalah kerosakan jalan, kerosakan infrastruktur yang berdekatan dengan kilang-kilang tanpa izin ini. Sekian, saya mencadang dan menyokong penyata ini.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Terima kasih Pelabuhan Klang. Saya persilakan Hulu Klang.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Terima kasih Puan Timbalan Speaker. Terima kasih Banting. Terima kasih EXCO. Saya ingin menarik perhatian bahawa rancangan kerajaan untuk memutihkan ini telah dibentangkan di Banting, di mana? Di Banting ya oleh EXCO kan dan selepas mendengar pembentangan tersebut saya menyatakan kenapa tidak dinyatakan peranan berdasarkan kepada maqasid syariah? Dan saya ingin menarik perhatian apa yang telah dibentangkan hari ini adalah bersesuaian dengan apa USUL yang telah saya bawa pemutihan kawasan rizab kerajaan daripada gerai-gerai dan pencerobohan kedai-kedai yang tidak sah dan di mana di situ saya menyatakan bahawa rangka perjalannya adalah akan didasarkan kepada maqasid syariah dan pada masa itu EXCO menyatakan Ya, saya akan melaksanakannya dan saya akan belajar tentang maqasid syariah jadi oleh kerana itu saya menyeru bahawa rangka kedua-dua USUL saya yang saya bawa dalam sesi yang lepas dan pelaksanaan pada USUL ini, penyata ini hendaklah berdasarkan kepada maqasid syariah. Terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Terima kasih Hulu Klang. Dipersilakan Balakong.

Y.B. PUAN WONG SIEW KI : Terima kasih Puan Speaker. Saya ingin, Puan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya amat bersetuju dengan saranan Jawatankuasa terutamanya No. 5.2, iaitu Panel Perundingan ataupun *town planner* dengan izin perlu disediakan di setiap PBT sebagai satu strategi untuk memudahkan cara proses pemutihan dan juga saya sangat bersetuju dengan No. 5.3, iaitu satu Jawatankuasa Pemantauan Khas yang dipengerusikan oleh EXCO Kerajaan Tempatan dan dianggotai oleh PBT dan PBT perlu diwujudkan untuk memastikan proses pemutihan kilang tanpa kebenaran berjalan seperti yang dirancang dan mencapai objektifnya.

13 NOVEMBER 2019 (RABU)

Saya ingin memberi satu contoh sebagai rujukan kepada Puan Speaker dan juga Ahli-Ahli Yang Berhormat terdapat 80 buah kilang tanpa kebenaran yang berada di kampung, di kawasan Kampung Kuantong Baru sudah bertahun-tahun dan tidak dapat diputihkan oleh program-program pemutihan sebelum ini. *Zoning* tapak mereka telah diluluskan sebagai Zon Industri hampir semua pemilik kilang telah bersetuju untuk membayar premium dan semua dokumen termasuk pelan tapak, geran tanah dan dokumen-dokumen lain telah disediakan. Saya pernah mengadakan satu mesyuarat bersama pemilik-pemilik kilang, bersama pejabat EXCO dengan perwakilan EXCO dan PTG. Kami mendapati kes ini adalah sangat senang diputihkan kerana tidak wujudnya masalah *zoning* dan masalah-masalah lain. Boleh saya menyatakan bahawa kes ini adalah kes yang paling tidak rumit untuk mendapatkan kelulusan daripada kerajaan walau bagaimanapun pemilik-pemilik kilang dikecewakan sekali lagi selepas berpuluh-puluh tahun dikecewakan semasa mereka mengemukakan permohonan kepada PTG hanya kerana persoalan teknikal. Mereka tidak tahu apa yang boleh dilakukan kerana mereka telah mengadakan mesyuarat dengan pihak EXCO dengan PTG dan dapat nasihat daripada kedua-dua pihak tersebut.

Dengan wujudnya satu Jawatankuasa Pemantauan Khas dan adanya perunding ataupun *town planner* yang berkekalkan di PBT saya berharapkan jawatankuasa ini dan juga perunding dapat memberikan bantuan kepada mereka yang memang berusaha mendapatkan kelulusan. Itu sahaja terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Terima kasih Balakong. Saya persilakan Kuang.

Y.B. TUAN SALLEHUDIN BIN AMIRUDDIN : Saya, terima kasih Puan Timbalan Speaker. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Jawatankuasa, JP PADAT yang telah mengemukakan USUL berkenaan dengan pemutihan kilang-kilang tanpa kebenaran di Selangor.

Saya mempunyai pandangan ataupun cadangan kepada Yang Berhormat EXCO supaya *town planner* ni bukannya sepatutnya diletakkan di peringkat PBT. Saya cadangkan supaya diwujudkan satu *taskforce* yang fokus kepada penyelesaian kerana tempuh setahun ini bukannya panjang sangat. Banyak perkara-perkara teknikal yang harus di kaji dan dilihat di dalam kemudahan kebenaran merancang dan sebagainya tetapi jika masa itu pendek kita, saya berpendapat ia tidak mungkin kita boleh selesaikan dengan begitu banyak kuantiti kilang didirikan tanpa kebenaran ini yang banyak merata di seluruh negeri Selangor.

Di Kuang sahaja kita mengenal pasti tiga ataupun empat kilang yang telah mengemukakan kebenaran merancang tetapi sehingga sekarang masih tidak diluluskan kerana ada alasan bahawa jalan yang di alamat untuk alamat pada kilang tersebut tidak diwartakan. Bila tidak diwartakan maka ia terpaksa mengambil begitu lama saya rasa dah lebih pada lima enam tahun saya rasa pun tidak ada usaha untuk mewartakan jalan tersebut. Jadi saya bukan, saya mencadangkan kepada Yang Berhormat EXCO supaya Jawatankuasa Pemulihan Pemutihan Kilang Tanpa Kebenaran ini ditubuhkan satu jawatankuasa ataupun *taskforce* dia sendiri. Jadi kita boleh menyelesaikan masalah itu dan mengarahkan PBT-PBT yang berkenaan supaya terus apa meluluskan mengikut terma ataupun syarat-syarat yang mungkin ditetapkan oleh *taskforce* berkenaan. Kalau kita, serahkan pada PBT-PBT di 9

13 NOVEMBER 2019 (RABU)

daerah, di 12 kawasan, 12 ni, saya rasa setahun mungkin akan ambil masa 10 tahun. Sekian, terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Terima kasih Kuang. Saya persilakan Jeram.

Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI : Terima kasih Puan Timbalan Speaker. Saya ucap tahniah lah kepada Jawatankuasa PADAT kerana bawa USUL ini. Untuk makluman Yang Berhormat EXCO apabila terdapatnya satu isu kilang ataupun tumpahan minyak di Johor tempoh hari iaitu saya rasa dah setahun lebih ya saya ada minta senarai kilang yang operasi di DUN Jeram. Saya diberitahu oleh pegawai salah seorang pegawai benda tu sulit tak boleh diberikan kemudian saya pun buat surat secara *official* kepada Setiausaha Majlis dan setelah 6 bulan boleh Yang Berhormat EXCO ya boleh catat dan semak ya, surat saya bila dan dibalas bila setelah 6 bulan dibalas. Kilang yang diberikan itu kilang Ijok, Taman Perindustrian Ijok. Saya kata, saya perlukan yang di Jeram, saya kata ya. Beliau tidak tahu persempadanan semula dan sehingga kini saya masih lagi belum terima ya dan saya terima aduan daripada penduduk di sekitar Alam Jaya mengenai kilang-kilang dari segi asapnya, dari segi bunyinya dan sebagainya.

Jadi saya pun tak boleh nak beri sebarang komen sebab kita tidak tahu adakah kilang itu operasi secara sah ataupun secara haram. Jadi maka kita perlu berfikir apakah cara ataupun kaedah di mana orang awam sendiri mungkin boleh *search* sama ada kilang itu operasi secara halal ataupun tidak. Website umpamanya untuk mengenal pasti jadi kat situ kita dapat boleh kenal pasti sama ada kilang itu operasi secara halal atau tidak maka orang awam sendiri boleh buat aduan. Kalau benda tu dikata sulit, saya bukan minta *profit and lose company* dia ya bukan saya minta butir atau pun kilang-kilang yang didaftar secara sah di Majlis Daerah Kuala Selangor di kawasan DUN Jeram. *Simple* aje. Sekiranya ada aduan, saya tahu nama kilang itu dan boleh saya semak untuk rujukan saya dan sekiranya nama kilang itu tidak ada dalam rekod Majlis Daerah maka kita boleh sarankan Majlis untuk ambil tindakan. Itu sahaja ya. Jadi mungkin Yang Berhormat EXCO boleh berfikir apakah cara, kaedah yang mana orang awam sendiri boleh kenal pasti kilang-kilang itu dioperasi ataupun telah didaftarkan secara sah ataupun tidak ya. Apa pun saya menyokong Jawatankuasa PADAT. Terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Terima kasih Jeram. Saya menjemput Pihak Kerajaan untuk memberikan ulasan.

Y.B. TUAN NG SZE HAN : Ya, Ok. Terima kasih JP-PADAT kerana membawa USUL ini berhubung dengan Status Pemutihan Kilang Tanpa Kebenaran di Negeri Selangor. Saya telah dengar perbahasan daripada Yang Berhormat semua dan saya rasa ramai antara Yang Berhormat masih kurang faham tentang program yang telah dilancarkan oleh Kerajaan Negeri Selangor baru-baru ini. Program ini bukan untuk memutihkan kilang-kilang haram dulu kita selalu guna ayat ini, perkataan ini haram. Haram bermakna aktiviti kilang itu adalah haram tetapi kali ini program ini adalah untuk memutihkan kilang tanpa kebenaran bukan untuk memutihkan kilang haram yang menjalankan aktiviti yang akan merosakkan atau mencemarkan alam sekitar kita seperti kilang sisa plastik, kilang yang disebutkan oleh Yang Berhormat Jeram dan lain-lain. Kilang yang akan mencemarkan alam sekitar tu tidak termasuk dalam program ini. Hah, bila kita sebut tentang Program Pemutihan Kilang Tanpa Kebenaran kita hanya nak memutihkan

13 NOVEMBER 2019 (RABU)

kilang yang di atas tanah selain daripada industri. Ada kemungkinan kediaman ataupun pertanian. Kita nak memutihkan itu. Sekiranya dibenarkan.

Dan yang kedua, kategori yang kedua, adalah bangunan atau kilang yang tanpa CF atau CCC itu PBT akan membantu dengan mengenakan syarat minimum untuk membantu kilang-kilang seperti macam ni dapatkan CF ataupun CCC. Ini lah program ni.

Dan tadi, Yang Berhormat Banting juga menyebut dia berharap penguat tindakan penguat kuasa juga dapat diteruskan. Oleh itu program ini bukan semata-mata memberi insentif sahaja nama program baru ini adalah Program Pematuhan Syarat dan Penguatkuasaan Kilang Tanpa Kebenaran bermakna *careered and state* berdasarkan *careered and state*. Ada insentif dan juga ada tindakan penguatkuasaan. Sekiranya kilang-kilang tersebut gagal. Gagal memutihkan atau gagal memasuki program ini maka tindakan penguatkuasaan yang tegas akan diambil seperti Notis 7E atau 7B akan dikeluarkan dan akhirnya tanah tersebut akan dirampas.

Dan bagi kilang yang mencemarkan udara atau kilang yang di tepi sungai, kilang-kilang seperti macam ni tindakan penguatkuasaan akan diadakan *immediately*. Tidak akan bertolak ansur dan tadi YB Sijangkang juga sebut tempoh masa satu tahun ni memang singkat dan YB, Yang Berhormat Kuang setahun ini memang pendek memang tidak mencukupi yang itu saya, saya faham tetapi sekiranya kita bagi tiga tahun atau lima tahun orang Malaysia ni juga akan tunggu sehingga saat yang terakhir hanya kemukakan permohonan mereka maka kami berharap dalam satu tahun ini, dalam satu tahun ini pengusaha-pengusaha kilang boleh kemukakan permohonan mereka sekurang-kurangnya kena kemukakan permohonan mereka dan tempoh, tempoh untuk yang diambil untuk proses, proses permohonan tanah tu, permohonan tukar syarat tanah tu telah dipendekkan sehingga 3 bulan dulu mungkin ambil masa 6 bulan ke 9 bulan kerana sekarang telah diturun kuasa kepada Pentadbir Tanah iaitu DO, oleh itu tempoh tu boleh disingkatkan sehingga 3 bulan sahaja.

Dan tentang apa tu, cadangan *taskforce* dari Yang Berhormat Kuang ke Yang Berhormat Jeram *taskforce* MBSA telah menubuhkan sebuah *taskforce* dan PBT-PBT yang lain juga akan menubuhkan *taskforce* dan jawatankuasa ini juga mengadakan mesyuarat setiap bulan. Setiap bulan untuk kita akan mengkaji setiap kes yang dikemukakan oleh PDT dan juga PBT supaya proses pemutihan ni dapat, dapat dijalankan dengan lebih lancar dan *roadshow* juga akan diadakan di setiap kawasan yang bermasalah dan *roadshow* yang pertama telah diadakan di Klang di kawasan MPK dan daerah Klang. Dapat sambutan yang sangat-sangat menggalakkan. Lebih daripada 200 pengusaha juga konsultan yang menghadiri ke sesi *roadshow* tersebut. Dan *roadshow* yang kedua kemungkinan akan sampai ke kawasan Kota Damansara di Sungai Buloh dan Kuala Langat eh Hulu Langat dan tempat-tempat lain seperti di kawasan Banting juga. Sekian, terima kasih.

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Sikit pencelahan. Boleh ke EXCO?

TUAN TIMBALAN SPEAKER : EXCO telah pun berikan ulasan. OK. Kita teruskan. Ahli-Ahli Yang Berhormat Sekalian adapun masalah di hadapan Dewan ini ialah suatu USUL yang berbunyi "Bahawasanya menurut Peraturan 76(5) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Pilihan Mengenai Pejabat Daerah Dan Tanah (JP-PADAT) Bagi Dewan Negeri Selangor

13 NOVEMBER 2019 (RABU)

Berhubung Status Pemutihan Kilang Tanpa Kebenaran yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan 32 Tahun 2019". Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA.

DEWAN : Ya..

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. USUL Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : USUL seterusnya, USUL No. 26 Tahun 2019, USUL di bawah Peraturan Tetap 26(1) oleh Yang Berhormat Subang Jaya.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Silakan Subang Jaya.

Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE : Puan Timbalan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat Sekalian. Saya ingin membawa satu USUL yang berbunyi seperti berikut, "Bahawasanya Dewan yang mulia ini, lanjutan daripada penutupan operasi loji rawatan air yang berulang akibat pencemaran sungai, menggesa Kerajaan Selangor untuk menubuhkan satu jawatankuasa dengan semua pihak berkepentingan untuk memastikan mereka yang bertanggungjawab di bawa ke muka pengadilan tanpa takut atau memihak iaitu *fear or favour* dengan izin dan melakukan semua yang wajar untuk memastikan pencemaran sungai terutama di kawasan hulu loji rawatan air tidak berlaku lagi."

Puan Timbalan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, warga Selangor telah kerap kali menjadi mangsa kepada gangguan air tidak berjadual. Malangnya kebanyakannya gangguan air berpunca daripada pencemaran. Kejadian pertama berlaku pada 20 Jun 2019 dan berlangsung selama 2 hari. Pencemaran bau daripada Sungai Semenyih telah memaksa henti tugas di loji rawatan air Sungai Semenyih. Ini telah menyebabkan gangguan air kepada 512 kawasan dan melibatkan 377,141 akaun. Pencemaran bau dikesan lebih kurang 16 kilometer daripada loji.

Kejadian kedua pula berlaku pada 19 Julai 2019 dan seperti kejadian dahulu telah berlangsung selama 2 hari. Pencemaran bau daripada Sungai Selangor telah mengakibatkan henti tugas di loji rawatan air Sungai Selangor Fasa 1, 2, 3 dan loji rawatan air Rantau Panjang. Kali ini telah menjelaskan 1,133 kawasan dan melibatkan seratus enam puluh enam ribu lapan ratus empat puluh dua akaun. Punca pencemaran bau dilaporkan adalah daripada tumpahan minyak hitam yang dipercayai adalah minyak motor oleh pihak yang tidak bertanggung jawab ke dalam saluran air IWK. Lembaga Urus Air Selangor telah juga menyatakan bahawa minyak hitam dipercayai berpunca daripada kawasan industri daripada Batang Kali, Hulu Selangor. Walau bagaimanapun perkembangan kes ini telah menjadi senyap selepas berita tersebut.

Kejadian ketiga adalah paling teruk. Kejadian ini telah bermula sejurus selepas kejadian kedua iaitu pada 21 Julai 2019 dan telah berlangsung selama 4 hari. Tumpahan sebanyak lebih kurang 100 liter diesel di bahagian Bestari Jaya di Sungai Selangor kali ini telah mengakibatkan henti tugas di loji rawatan air Selangor, air Sungai Selangor Fasa 1, 2, 3 dan juga loji rawatan air Rantau Panjang. Punca pencemaran terletak 6 kilometer sebelum loji rawatan air Sungai Selangor Fasa 2. Kali ini telah menyebabkan 1,133 kawasan yang bersamaan dengan seratus enam puluh enam ribu lapan ratus empat puluh dua

13 NOVEMBER 2019 (RABU)

akaun. Akhbar telah melaporkan kejadian tumpahan minyak tersebut berlaku di kawasan perlombongan Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. Iaitu sebuah syarikat milik kerajaan negeri dalam *business* perlombongan pasir. Pengumuman tersebut, pengumuman kemudian menyatakan bahawa punca pencemaran diesel tersebut dipercayai adalah sabotaj. Pada masa itu, dakwaannya adalah bahawa terdapat pemancing-pemancing yang sedang memancing berdekatan dengan *point tool* yang membuka penutup bekas tangki diesel sebelum pencemaran berlaku.

Walaupun pihak polis telah menahan 2 orang akibat dakwaan sabotaj tersebut, Ketua Polis Negara, Tan Sri Dato' Seri Abdul Hamid Bador telah kemudian menolak kemungkinan sabotaj sebaliknya mengesyaki bahawa puncanya adalah disebabkan kecuaian. Walau bagaimanapun tiada lagi sebarang berita berkenaan perkembangan kes selepas itu. Siapa sebenarnya yang cuai ke hari ini tidak diketahui.

Kejadian keempat pula, sekali lagi pada 28 September 2019 dan sekali lagi telah mengakibatkan pemberhentian loji rawatan air Sungai Semenyih. Punca pada kali ini adalah daripada loji rawatan kumbahan air IWK di Bandar Mahkota. Akibat pembuangan sisa ke dalam pembetungan IWK, dua kilometer daripada loji rawatan kumbahan berkaitan. Henti tugas kali ini telah mengakibatkan 372,031 pengguna di Selangor. Walau bagaimanapun tiadanya berita berkenaan siasatan yang dijalankan untuk mengenal pasti pesalah atau tindakan-tindakan yang akan atau telah diambil untuk mengelakkan pengulangan insiden seperti ini.

Puan Timbalan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, gangguan air akibat pencemaran jika berlaku sekali dalam empat tahun masih boleh diterima. Tetapi empat kali dalam setahun langsung tidak munasabah. Rakyat memerlukan jawapan. Saya telah memerhati dan mengambil maklum jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Kajang semasa sesi pertanyaan. Walaupun terdapat langkah-langkah yang telah diambil, Subang Jaya masih berpendapat bahawa terdapat beberapa perkara yang perlu dilihat untuk memastikan supaya masalah ini ditangani secara menyeluruh. Saya berharap Kerajaan Negeri dapat melihat kepada perkara-perkara atau mengemukakan jawapan kepada soalan-soalan berikut:-

Yang pertama, apakah sebab pesalah-pesalah tidak dapat di kesan? Adakah Kerajaan Negeri telah mempertimbangkan cara untuk memastikan pesalah-pesalah dapat dikesan jika pencemaran ini berlaku lagi?

Dua, kita faham air mengalir, dan kawasan terlibat adalah besar, dalam keadaan tersebut, penguatkuasaan dan pengawasan adalah penting, terutamanya di hulu loji rawatan air di sekitar aktiviti-aktiviti hulu loji yang melepaskan “*affluent*” ke dalam sungai. Selain meningkatkan pengambilan kakitangan, saya berharap bahawa kita perlu lihat kepada SOP penguatkuasaan. Adakah ia nya cukup kerap, adakah kawasan penguatkuasaan cukup menyeluruh? Setakat mengupah penguatkuasaan tanpa SOP yang cukup mantap adalah tidak memadai.

Tiga, jika sumber tenaga manusia menjadi masalah untuk meningkatkan pengawasan, adakah Kerajaan Negeri sedang atau telah mengkaji cara menggunakan teknologi untuk mengesan pencemaran dalam pembetungan atau saliran paip sebelum ia sampai ke sungai?

13 NOVEMBER 2019 (RABU)

Empat, memandangkan pesalah-pesalah suka membuang “*affluent*” ke dalam “*main hole*” IWK, adakah kerajaan negeri sedang berusaha mereka bentuk yang sesuai dan terkini untuk mengunci “*main hole*” untuk mengelakkan penumpahan ke dalam pembetungan IWK?

Lima, adakah pengurusan IWK telah dikaji semula, contohnya, sama ada sumber manusia adalah cukup untuk memastikan pemantauan sepanjang masa? Memandangkan kejadian pencemaran lebih berkemungkinan berlaku pada waktu lepas bekerja. Selain itu, adalah IWK telah melihat semula kepada sistem pengesanan mereka supaya pencemaran dapat dikesan sebelum dapat dilepaskan ke dalam sungai? Walaupun, IWK merupakan agensi di bawah Kerajaan Persekutuan, Subang Jaya berpendapat bahawa, Kerajaan Negeri perlu mengetuai perbincangan tersebut, memandangkan ia berkait dengan sumber air rakyat Selangor.

Enam, berkenaan “*standard affluent*”, Subang Jaya mengambil maklum bahawa Kerajaan Negeri telah mencadangkan kepada MASTEC untuk mengkaji semula undang-undang supaya “*affluent*” juga dikawal selia. Walau bagaimanapun, saya memohon supaya standard “*affluent*” dilihat semula, untuk memastikan ia selari dengan standard antarabangsa. Selain setakat mencadangkan kepada MASTEC, saya ingin memohon supaya kepada pihak kerajaan negeri mengambil langkah yang proaktif untuk meminta “*follow up*” dengan izin atau mendirikan satu jawatankuasa sementara yang bermesyuarat dengan cukup kerap untuk merealisasikan penambahan penambahbaikan undang-undang yang amat diperlukan ini.

Tujuh, dalam kelulusan lesen untuk aktiviti-aktiviti hulu loji rawatan air, adakah proses kelulusan kita mewajibkan kemampunan sistem pelapis atau sistem pengesanan pencemaran? Jika tidak, saya ingin mencadangkan supaya syarat ini dimasukkan. Jika syarat ini sudah wujud, saya ingin memohon supaya pihak berkuasa melihat sama ada kita perlu memperketat proses kelulusan tersebut, memandangkan kejadian sering kali berulang.

Lapan, adakah kerajaan negeri akan melabur untuk megajukan rizab air kecemasan? Bukan jenis dari lori air tetapi yang boleh disalirkan melalui paip, jika berlakunya pencemaran yang tidak boleh dielakkan dan mewajibkan penutupan loji rawatan air.

Puan Timbalan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Soalan-soalan yang saya telah kemukakan, jelas menunjukkan sudut-sudut yang boleh dan wajar dikaji untuk memastikan pencemaran air tidak berulang. Ia adalah penting untuk mengusaha semua perkara ini, dan melaporkan perkembangan yang sama kepada masyarakat Selangor demi memulihkan keyakinan mereka terhadap pentadbiran kerajaan ini.

Oleh itu, cadangan saya adalah supaya Kerajaan Negeri:-

Satu, menujuhan satu jawatankuasa antara semua agensi-agensi berkenaan termasuk tidak terhad kepada Air Selangor, Lembaga Urus Air Selangor, Indah Water Konsortium, Jabatan Alam Sekitar, Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara, Pihak Berkuasa Tempatan

13 NOVEMBER 2019 (RABU)

dan Jabatan Peguam Negara, untuk memastikan mereka yang bertanggungjawab di bawa ke muka pengadilan.

Kedua, melakukan semua yang wajar untuk memastikan pencemaran sungai tidak berulang, langkah-langkah yang mana telah dirujuk dalam lapan soalan yang saya telah kemukakan tadi. Kerajaan negeri perlu memimpin perbincangan supaya kita dapat lihat pengakhiran kepada bab ini. Saya mengharap kita boleh menghentikan budaya tolak menolak. Saya berharap supaya EXCO Infra, EXCO Alam Sekitar dan EXCO PBT dan agensi-agensi di bawah port folio tersebut semua dapat mempunyai peranan dalam perkara ini.

Saya berharap kita boleh memupuk daya bertanggungjawab bersama, iaitu “*collective responsibility*” dengan izin, supaya masalah pencemaran dan gangguan air tidak lagi berulang.

Dengan itu, Puan Timbalan Speaker, Subang Jaya mohon mencadang.

Sekian, terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Terima kasih, Subang Jaya. Saya jemput Banting.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Terima kasih, Puan Timbalan Speaker. Saya berdiri di dalam Dewan yang Mulia ini, untuk menyokong usul yang di bawa oleh Yang Berhormat, rakan baik saya dari kawasan Subang Jaya.

Untuk makluman Yang Berhormat semua, Banting juga merupakan salah sebuah kawasan DUN yang mengalami masalah gangguan bekalan air dalam tempoh setahun yang lepas, tidak kurang seriusnya berbanding dengan Subang Jaya dan masalah ini berpunca daripada gangguan terhadap operasi Loji Rawatan Air Semenyih. Dan saya pada masa, pernah pada sekali, saya terpaksa turun ke Loji Rawatan Air Semenyih dan saya menyambut baik usaha daripada Air Selangor dan juga LUAS kerana sudi menerima kunjungan saya semasa gangguan itu berlaku dan saya dapat merasakan keadaan yang kritikal, iaitu keadaan yang boleh kira keadaan yang sebagai “*at the front line*” tentang keadaan yang ada, yang melanda Loji Rawatan Air Semenyih itu.

Dan saya juga memerhati ucapan daripada Yang Berhormat Subang Jaya tadi, dan ini mengimbas kembali kepada beberapa “*exchange*” media “*statement*” yang dihantar ataupun disiarkan kepada media semasa gangguan air yang terakhir berlaku di mana setiap peringkat akar umbi, menimbulkan sedikit sebanyak salah faham kerana ada isu, ada tuduhan mengatakan itu adalah daripada IWK, kemudian IWK pun ada mengeluarkan satu kenyataan bahawa ia nya disabotaj, peralatan atau “*facility*” mereka disabotaj.

Ada laporan polis dibuat selepas itu, dan sehingga sekarang kita tidak pasti apakah siasatan terakhir tentang perkara ini. Dan saya kira kerajaan perlu melihat perkara ini secara serius. Dalam Sidang yang berlangsung pada kali ini, kita telah pun banyak mendengar ulasan daripada pihak eksekutif bahawa standard atau pun piawaian “*affluent*” IWK itu memanglah perlu dilihat semula.

13 NOVEMBER 2019 (RABU)

Yang kedua, saya juga pernah mencadangkan juga semasa sesi soal jawab bahawa, negeri Selangor sebagai sebuah negeri yang pintar, yang “smart” perlulah melengkapannya dengan peralatan-peralatan dan kemudahan-kemudahan yang membolehkan kerajaan memantau “facility-facility” yang sensitif dan penting seperti loji rawatan air, sumber air ini secara “real time” secara nyata masa, supaya kita dapat mengawal, apa ini, pergerakan setiap satu kenderaan ke dalam kawasan sungai ini, dan sekali gus mengurangkan dan mengelakkan pencemaran daripada terus berlaku.

Saya kira itu adalah sesuatu yang pada masa sekarang masih belum dilaksanakan dengan baik oleh kerajaan, walaupun kerajaan ada, apa ini, di bawah Lembaga Urus Air Selangor, kita telah pun mewujudkan skuad pemantauan sepanjang sungai-sungai ini tetapi, saya kira ia nya masih perlu dipertingkatkan. Kalau modus operandi yang berlaku sebelum ini ialah Kerajaan Selangor melalui LUAS, melalui agensi-agensi di bawah kerajaan negeri melakukannya secara persendirian, sekarang ini kita ada panduan daripada kerajaan persekutuan dan sepatutnya kita boleh menjalankan hubungan kerja sama yang lebih erat dengan agensi-agensi daripada kerajaan persekutuan, seperti salah satu yang saya boleh fikirkan ialah Remote Sensing Agency Malaysia yang membolehkan, kerajaan melihat ataupun memantau keadaan atau pun tempat-tempat yang sensitif melalui gambar-gambar foto satelit daripada kita pakai dron. Kita tengok dron itu mungkin untuk satu tempoh yang sementara ataupun kita hendak mengatasi masalah-masalah secara “adhock” kita boleh pakai dron. Tetapi untuk pemantauan secara berpanjangan, kita perlu melakukan sesuatu.

Sama ada kita perlu pasang CCTV atau pun kita perlu menggunakan satelit dan sebagainya. Ini kalau dahulu tidak boleh dilakukan, tetapi sekarang kita mempunyai keupayaan untuk melakukannya barangkali dengan kos yang lebih rendah dan saya memohon Yang Berhormat EXCO yang berkenaan untuk melihat perkara ini dengan lebih serius. Satu lagi perkara yang saya ingin tidak boleh dilupakan ialah berkenaan dengan loji rawatan air yang kita ada sekarang ini, saya mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana telah pun memberi atau pun telah membina dan akan memperuntukkan wang yang besar untuk membina loji rawatan air yang baru termasuklah Loji Rawatan Air Labuan Dagang di kawasan Kuala Langat. Loji Rawatan Air Labuan Dagang ini dipercayai akan membekalkan, menggantikan Loji Rawatan Air Semenyih untuk membekalkan air di sebahagian besar kawasan Kuala Langat dan mungkin sebahagian daripada Subang Jaya, iaitu Daerah Petaling. Dan saya rasa, Loji Rawatan Air Labuan Dagang ini satu loji rawatan air yang moden di mana ia boleh mengambil kira faktor pencemaran yang mungkin berlaku dan ada sistem-sistem atau pun mekanisme-mekanisme dalam operation loji rawatan air ini yang membolehkan loji rawatan air terus beroperasi tanpa gangguan.

Saya memohon supaya perkara ini kita perlu percepatkan, dalam sesi soal jawab semalam, saya rasa kerajaan telah pun memberikan jawapan bahawa loji rawatan air ini masih pada tahap permulaan iaitu membekalkan hanya setakat 56 juta liter air sehari sahaja. Ini saya amat berharap, dalam masa-masa yang akan datang ini, kapasiti air loji rawatan air ini akan dipertingkatkan dan sekali gus mengurangkan kebergantungan kita kepada Loji Rawatan Air Semenyih. Kerajaan juga perlu memikirkan apakah yang perlu kita boleh lakukan untuk Loji Rawatan Air Semenyih dan loji-loji rawatan air yang lain, yang dibina berdasarkan konsep atau reka bentuk yang lama supaya pencemaran-pencemaran yang mungkin berlaku di bahagian hulu sungai yang berada di loji-loji rawatan air ini, ia nya boleh diatasi dengan lebih berkesan.

13 NOVEMBER 2019 (RABU)

Jadi itulah sedikit sebanyak, apa yang saya boleh kongsi dengan Ahli-Ahli Dewan Yang Berhormat semua. Saya berharap supaya cadangan dan usul daripada Subang Jaya ini juga boleh dipertimbangkan dan disokong oleh Dewan Yang Mulia ini.

Sekian, terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Terima kasih Banting.

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, usul ini telah pun disokong dan dibahas. Adapun masalah di hadapan dewan ini adalah suatu usul yang berbunyi:-

Bahawasanya Dewan yang Mulia ini, lanjutan daripada penutupan loji rawatan air yang berulang akibat pencemaran sungai, menggesa Kerajaan Selangor untuk menubuhkan sebuah Jawatankuasa dengan semua pihak berkepentingan untuk memastikan mereka yang bertanggungjawab dibawa ke muka pengadilan tanpa takut atau memihak dan melakukan semua yang wajar untuk memastikan pencemaran sungai terutama di kawasan hulu loji rawatan air tidak berlaku lagi.

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA.

DEWAN : Ya..

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. USUL ini dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN: Usul seterusnya. Usul Nombor 27 Tahun 2019. Usul di bawah Peraturan Tetap 26(1) oleh Yang Berhormat Hulu Kelang

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Puan Timbalan Speaker, terima kasih. Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin membawa satu usul yang berbunyi seperti berikut:-

Bahawa Dewan yang mulai ini menarik perhatian bahawa agensi, badan berkanun dan anak-anak syarikat (GLS) Selangor telah membuat perubahan-peruhan yang progresif. Dengan itu, Dewan yang mulia ini menggesa Kerajaan Negeri Selangor menyusun semula agar Lembaga Pengarah bagi setiap GLC Kerajaan Negeri Selangor benar-benar memberi fokus yang berkesan untuk menjaga kepentingan perniagaan setiap GLC demi pembangunan ekonomi serta tambahan hasil negeri untuk dinikmati bersama seluruh rakyat Selangor.

Puan Timbalan Speaker, latar belakang kepada latar belakang kepada usul ini adalah dalam perbincangan tidak rasmi berkenaan tajuk tetapi mesyuarat rasmi PAC dan diketuai oleh Y.B Sungai Air Tawar dan juga telah disambut dengan hebatnya oleh Y.B Jeram, Y.B. Bukit Lanjan dan juga berkenaan Kota Anggerik, Bandar Baru, Kota Damansara dan Ahli-Ahli yang lain. Di mana keperihatinan kita pada masa itu adalah tentang GLC yang banyak. Saya telah menjelaskan dalam mesyuarat tersebut bahawa setakat permulaan JP ABAS, yang mana amanat itu telah diberikan ke atas saya untuk menjadi Pengurusnya di mana, anak-anak syarikat atau syarikat dan juga anak pada KDEB, PNSB, KSSB, PKPS dan

13 NOVEMBER 2019 (RABU)

anak-anak syarikat *Worldwide*, hingga ke78 buah anak-anak syarikat tersebut. Jadi timbul persoalan siapakah yang mengawas dan memastikannya. Sejak perbincangan itu, sejak ditubuhkan JP-ABAS kita membawa beberapa laporan dan penyata dalam sidang Dewan dan di antara perkara-perkara yang telah berubah adalah Dewan yang mulia ini mengambil maklum bahawa agensi anak syarikat dan GLC Selangor sedang dan telah melalui perubahan-perubahan berikut. Telah. Semua GLC bermasalah yang ada sebelum 2008 adalah aset yang tidak digabungkan. Amalan urus tadbir yang tidak teratur merupakan peninggalan Pentadbiran sebelum ini. keadaan tidak teratur telah disusun semasa Pentadbiran Menteri Besar Ijok, Pelabuhan Klang. Dengan meletakkan KDEB di bawah MBI, dan bukan MBI di bawah KDEB. Dengan penstruktur semula itu, beberapa GLC utama berserta Syarikat Bersekutunya barulah boleh anak-anak syarikat diletakkan di bawah MBI.

Kemudian apabila MB beralih tangan kepada Bukit Antarabangsa, Menteri Besar telah merancang untuk mentransformasikan beberapa GLC dengan cara yang lebih strategik melalui Darul Ehsan *Investment Group*. DEIG. Aktiviti DEIG diberhentikan beberapa waktu, ketika saranan-saranan JP-ABAS terutama Dewan yang Mulia ini. kerana tahap akauntabiliti dan ketulusan DEIG belum mencukupi piawaian yang tinggi yang sepatutnya diletakkan. Beberapa ahli Parlimen dan Adun yang mengikuti perkembangan tersebut menulis dalam *facebook* mereka bahawa apa yang diperlukan bukanlah di IG yang mantap tetapi perlu sesuatu program transformasi GLC yang mempunyai kesanggupan melakukan pelupusan ataupun penggulungan mana-mana GLC yang tidak memberi hasil serta membebarkan. Di bawah teraju Menteri Besar, Sungai Tua hari ini kerajaan dan MBI hendaklah berganding bahu telah dinyatakan wawasan menjadikan Selangor sebagai sebuah *Smart State* dan merupakan original *Power House*. Dalam menerajui aspirasi menjadi sebuah negari pintar *Smart State* menjelang 2025 MBI telah diolah menjadi sebagai badan Korporat, khusus untuk mentadbir pengurusan aset dan pelaburan milik Kerajaan Negeri. MBI juga mewakili Selangor, dalam melaksanakan mana-mana aktiviti berunsur perniagaan di luar bidang kuasa Kerajaan Negeri. Tuan Timbalan Speaker, bahawa Dewan yang Mulia ini, memperakui kekuatan sesebuah GLC adalah terletak pada kualiti Lembaga Pengarahnnya. Lembaga Pengarah yang dibentuk secara pintar pasti akan muncul menjadi penjana pendapatan paling optimum. Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap keseluruhan Tadbir Urus dan Prestasi untuk itu Lembaga Pengarah sesebuah GLC adalah terdiri daripada gabungan daripada komponen-komponen yang berikut :

1. Komponen tadbir urus dan kepimpinan utama Kerajaan Negeri Selangor, yang terdiri daripada Menteri Besar. Di mana Menteri Besar ini adalah jawatan sebagai ketua tertinggi Kerajaan dan ia merupakan institusi di mana ahli-ahli MMKN dengan keazaman menjadikan Selangor sebagai *Original Power House* ke arah memiliki ekosistem dan infrastruktur ideal untuk menjadi *nuklears* bagi visi komuniti *Asian Economic*.
2. Komponen MBI sebagai badan korporat khusus untuk mentadbir pengurusan aset dan pelaburan milik kerajaan, serta mewakili Selangor dalam pelaksanaan mana-mana aktiviti berunsur perniagaan di luar bidang kuasa kerajaan. Ini maknanya Menteri Besar sebagai individu juga merupakan satu institusi yang pertamanya dia ialah simbol kerajaan di atas nama Tuanku Sultan kuasanya telah dipindahkan untuk menjadi kuasa eksekutif tertinggi Negeri Selangor, dan MBI yang diketuai oleh Menteri Besar juga sebagai orang yang

13 NOVEMBER 2019 (RABU)

menguruskan segala aset perniagaan dan perkara-perkara di luar bidang kuasa Kerajaan Selangor dan bidang perniagaan.

3. Komponen ketua eksekutif, pengurus dan profesional yang berfikiran strategik, efektif, kopiten, efisyen serta mampu membangunkan organisasi dengan kecemerlangan kerja berpasukan dan di penghujungnya diberi pulangan hasil yang dapat di salurkan oleh Kerajaan kepada rakyat.

4. Komponen yang terdiri daripada pegawai-pegawai ex officio, iaitu Setiausaha Kerajaan Negeri. Pegawai Kewangan Negeri dan Penasihat Undang-undang. Menjadi dengan fungsi penyelarasan ekonomi maikro dan mikro mengawasi perniagaan secara konservatif, dengan tidak mahu mengambil risiko yang berlebihan. Mereka biasanya mementingkan birokrasi atau keputusan kepada peraturan dan prosedur yang mampu warga koprat merasakan mengekang mereka.

5. Komponen Adun Kerajaan untuk menjayakan operasi organisasi yang mereka faham dari segi mikronya dari segi hati budi rakyat perniagaan yang pro rakyat, mengutamakan rakyat dan mesra kepada kepentingan rakyat.

Tuan Timbalan Speaker, bahawa dewan yang mulia ini menarik perhatian Kerajaan Negeri Selangor bahawa agensi Badan Berkanun dan Anak Syarikat GLC Kerajaan Negeri Selangor, telah membuat perubahan-perubahan berikut:

Dato' Menteri Besar adalah ketua kerajaan yang termaktub di bawah undang-undang tubuh Kerajaan Negeri Selangor 1959. Pada masa yang sama beliau juga adalah Pengerusi Lembaga Pengarah MBI. Badan yang ditubuhkan di atas enakmen Menteri Besar Perbadanan 1994. MBI sebagai badan koprat khusus untuk mentadbir pengurusan aset dan pelaburan Kerajaan Negeri Selangor. MBI yang mewakili Selangor mewakili melaksanakan aktiviti-aktiviti perniagaan di luar bidang kuasa Kerajaan Negeri, dengan itu Tuan Timbalan Speaker, Dewan yang mulia ini mengesahkan kerajaan Negeri Selangor menyusun semula agar semua Lembaga Pengarah GLC Kerajaan Negeri Selangor benar-benar memberi fokus yang berkesan untuk menjaga kepentingan Perniagaan setiap GLC, yang diceburi pembangunan ekonomi kestabilan politik harmonian sosial serta tambahan hasil Negeri untuk dinikmati bersama oleh seluruh rakyat Selangor. Dengan itu hendaklah dalam tempoh secepat mungkin MBI menjadi satu-satunya, *platform* bagi MB, Dato' Menteri Besar, menjadi platform paling utama bagi MB untuk menjalankan tugasnya sebagai Ketua Kerajaan Negeri dan juga ketua badan yang mentadbir aset dan pelaburan negeri.

1. Menteri Besar adalah Pengerusi Lembaga Pengarah MBI, beliau hendaklah dibantu oleh tidak lebih tiga orang ahli MMKN dalam Lembaga tersebut. Saya mencadangkan mana-mana GLC yang dalam perlambangannya menyatakan Pengerusi Lembaga Pengarah adalah Menteri Besar maka hendaklah peruntukkan itu dipinda atau dimansuhkan. Sementara menanti berlalunya masa tersebut, maka Menteri Besar hendaklah mengisi jawatan tersebut bagi tidak lebih lima GLC terutama dan terpenting menurut penilaian beliau ketika itu. Selebihnya Menteri Besar bolehlah menurunkan kuasa kepada ahli MMKN untuk menjadi Pengerusi Lembaga Pengarah. Amalan di mana Menteri Besar menjadi Pengerusi, sudah tidak munasabah lagi. Berbelas rasanya hampir dua puluh rasanya, dan dia saya mendapati bahawa dia adalah satu perkara yang memerlukan reformasi institusi. Seseorang ahli MMKN yang dilantik menjadi menjawat Lembaga Pengerusi Pengarah sesebuah GLC untuk berada dalam tidak lebih dari tiga buah GLC.

13 NOVEMBER 2019 (RABU)

2. Mana-mana GLC yang dalam perlumbagaannya menyatakan kesemua atau mana-mana Pegawai *Ex Officio*, MMKN, Ahli Lembaga Pengarah hendaklah mengisi jawatan tersebut, bagi tidak lebih dari lima GLC terutama yang terpenting menurut penilaian mereka masing-masing ketika itu dan selebihnya, Dato' Menteri Besar bolehlah menurunkan kuasa kepada Pegawai-Pegawai Kanan yang berkenaan. Berikutnya Menteri Besar adalah Pengerusi Lembaga Pengarah MBI. Perjalanan Eksekutif diketuai CO dan CEO MBI yang menjalankan seluruh aktiviti perniagaan dan pelaburannya. CEO dan CEO MBI bukan Ahli Lembaga di cadangkan di sini bukanlah ahli Lembaga Pengarah MBI. CO dan CEO tidak menerima sebarang elaun atau GLC yang dari GLC yang dihadiri dalam mesyuarat. CO dan CEO yang menerima gaji, menerima gaji mereka dari MBI. Gaji mereka sudah dirangka cukup besar dan mereka dibayar oleh MBI sudah cukup untuk merangkumi segala tugas untuk memantau, memeriksa dan memastikan perjalanan syarikat-syarikat GLC dan mereka perjalanan dengan baik di bawah MBI. MBI menjalankan temu duga bagi memilih pasukan pengurusan yang kakitangan yang strategik dari segi GLC bawah MBI yang diuruskan oleh CEO MBI. Pelantikan pasukan pengurusan akan dimuktamadkan oleh Lembaga Pengarah MBI. Setiap Lembaga Pengarah atau sesuatu GLC hendaklah ada seorang atau dua orang Adun menjadi Ahli Lembaga Pengarah. Peranan Adun, selepas dipersetujui oleh BBC adalah untuk menjayakan operasi organisasi dan perniagaan yang pro rakyat, mengutamakan rakyat dan mesra kepada kepentingan rakyat. Perlantikan Adun dibuat oleh Menteri Besar dari senarai yang dicadangkan oleh Jawatankuasa pilihan khas pengurusan dewan, dan isu yang mungkin ditimbulkan nanti adalah isu elaun. Saya mencadangkan dengan beberapa sokongan daripada Adun-Adun yang ada bahawa isu elaun bukan isu penting. Kami sedia dibayar elaun mesyuarat biasa. Kalau tak teruk sangat. Tuan Timbalan Speaker saya mohon agar usul saya ini disokong dan dibahaskan dan diluluskan oleh Dewan yang mulia ini. Terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Terima kasih, Hulu Kelang. Saya jemput Sungai Air Tawar.

Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Timbalan Speaker, kerana memberi peluang kepada Sungai Air Tawar untuk berbahas. Berkaitan usul yang di bawa oleh Yang Berhormat Hulu Kelang.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Tak, untuk disokong dulu.

Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL : untuk disokong, yang dibawa oleh Yang Berhormat Hulu Kelang rakan saya, dalam jawatankuasa PAC dan SELCAT. Saya ingin menarik minat semua Ahli Dewan yang ada hari ini untuk memberi pandangan atau pendapat berkaitan agensi badan berkanun dan anak-anak syarikat ia ini GLC di Selangor. Menerusi penelitian dan siasatan Jawatankuasa PAC, saya dapati terdapat perkara-perkara yang harus diambil serius dan peduli oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, terutamanya dalam menyusun semula ahli Lembaga Pengarah bagi setiap GLC Kerajaan Negeri Selangor. Ketidakcekapan pentadbiran Ahli Lembaga Pengarah dalam membuat keputusan adalah satu cara untuk menyumbangkan kepada kerugian kepada sesebuah syarikat. Adalah menjadi satu kebijaksanaan kepada pihak pengurusan untuk membuat sebarang keputusan yang tepat malah masa juga harus diambil berat supaya mesyuarat dapat dilakukan secara kerap untuk mencapai satu keputusan yang terbaik.

13 NOVEMBER 2019 (RABU)

Saya ambil contoh, iaitu Syarikat MBI yang mana di dalam Ahli Lembaga Pengarah nya seramai 6 orang iaitu terdiri daripada Yang Amat Berhormat Sungai Tua, Yang Berhormat Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Yang Berhormat Dato' Pegawai Kewangan Negeri Selangor seterusnya Yang Mulia Raja Shahreen bin Raja Othman, Encik Soffan Affendi bin Aminudin dan Tuan Dr. Mohd. Zulkufli bin Zakaria.

Sedia maklum Yang Amat Berhormat Sungai Tua memegang jawatan sebagai Pengurus Syarikat Kumpulan MBI dan Yang Mulia Raja Shahreen bin Raja Othman memegang jawatan sebagai CEO MBI. Manakala terdapat 19 anak syarikat di bawah kumpulan MBI. Daripada 19 anak syarikat ini saya dapati CEO MBI iaitu Yang Mulia Raja Shahreen bin Raja Othman menjadi Ahli Lembaga Pengarah di dalam 8 anak syarikat di bawah Kumpulan MBI. Encik Soffan Affendi bin Aminudin menjadi Ahli Lembaga Pengarah di 5 anak syarikat di bawah Kumpulan MBI. Tuan Dr. Mohd Zulkufli bin Zakaria pula berada 3 buah anak syarikat di bawah Kumpulan MBI sebagai Ahli Lembaga Pengarah. Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri pula memegang jawatan sebagai Ahli Lembaga Pengarah di 5 buah anak syarikat MBI dan Yang Berhormat Dato' Pegawai Kewangan Negeri Selangor menduduki 12 daripada 19 anak syarikat kerajaan di bawah Kumpulan MBI. Manakala Yang Amat Berhormat Sungai Tua pula berada dalam 8 anak syarikat sebagai Ahli Lembaga Pengarah syarikat. Mungkin mereka ini boleh disifatkan sebagai eksekutif tetapi persoalannya ada beberapa nama seperti Yang Berbahagia Dato' Ahmad Suaidi bin Abdul Rahim yang mana beliau bukan Ahli Lembaga Pengarah Kumpulan MBI tetapi menjawat jawatan sebagai Ahli Lembaga Pengarah di dalam 7 buah anak syarikat di bawah Kumpulan MBI. Selain itu Dato' Dr. Mohamad Fahmi bin Ngah yang menjawat jawatan Ahli Lembaga Pengarah di 3 buah anak syarikat Kumpulan MBI dan jika kita lihat ke banyakkan anak syarikat di bawah Kumpulan MBI ini hanya dianggotai lebih kurang dalam 4 ke 5 orang sahaja yang terdiri daripada mereka yang menjawat jawatan sebagai Ahli Lembaga Pengarah di dalam MBI. Malahan ada anak syarikat di bawah Kumpulan MBI ini Ahli Lembaga Pengarah nya seramai 2 atau 3 orang sahaja. Teguran daripada Ketua Audit Negara yang mengatakan bahawasanya Ahli Lembaga Pengarah di dalam CCSB didapati tidak bebas kerana hanya ada 4 orang Ahli Lembaga Pengarah di dalam Comunication Corporation Sdn. Bhd iaitu CCSB yang mana mereka ini adalah Ahli Lembaga Pengarah MBI. Saya teringat kata-kata sahabat saya Yang Berhormat Gombak Setia kelmarin, beliau ada menyebut berkaitan Dasar Monopoli dan adakah perkara ini benar-benar seperti yang di perkatakan Yang Berhormat Gombak Setia dan adakah apa yang berlaku ini dikatakan sedang diamalkan pada hari ini. Yang Berhormat Tuan Speaker saya ambil contoh Anak Syarikat PNSB yang hanya mempunyai 5 orang sahaja Ahli Lembaga Pengarah yang terdiri daripada 4 orang Ahli Lembaga Pengarah MBI dan seorang berstatus bebas yang menjadi Pengurus iaitu Yang Berbahagia Dato Seri Haji Ahmad bin Omar.

Bagaimana Yang Mulia Raja Shahreen bin Raja Othman yang menjawat jawatan sebagai CEO di dalam MBI tetapi duduk di dalam anak syarikat di bawah MBI hanya sebagai Ahli Lembaga Pengarah yang Ahli Lembaga Pengarahnya adalah Dato' Seri Haji Ahmad bin Omar. Sebagai contohnya lagi Projek Air Manis di Sabak Bernam yang terlalu lama yang menjadi persoalan sehingga Jawatankuasa SELCAT memanggil untuk membuat pendengaran umum berkenaan projek ini. Saya melihat jawapan CEO MBI ini sangat lemah mengenai pemahaman beliau mengenai projek ini berbanding Pengurus PNSB dan perkara ini saya fikir sudah sampai masanya supaya ada rombakan dalam Ahli Lembaga Pengarah Anak Syarikat MBI ini. Oleh sebab itu saya kira sudah sampai masanya Yang Amat Berhormat Menteri Besar membuat penilaian semula Ahli Lembaga Pengarah di

13 NOVEMBER 2019 (RABU)

bawah anak syarikat di bawah Kumpulan MBI ini. Jika tiada rombakan atau pertukaran adalah lebih baik di buat penambahan Ahli Lembaga Pengarah yang berstatus bebas yang boleh diambil daripada golongan profesional dan juga boleh diambil dari kalangan Ahli Dewan Negeri Selangor. Penambahan Ahli Lembaga Pengarah berstatus bebas ini penting supaya dapat mengimbangi separuh kedudukan Ahli Lembaga Pengarah yang tidak bebas. Saya juga bersetuju jika Kerajaan Negeri meletakkan syarat supaya ada seorang atau lebih ADUN untuk menjadi Ahli Lembaga Pengarah di dalam anak syarikat yakni GLC. Peranan ADUN ini bersifat bebas dan akan menilai prestasi anak syarikat itu yang mana ia akan mengutamakan rakyat dan mesra kepada kepentingan rakyat malah mereka juga berkebolehan dalam proses semak dan imbang. Dengan kata lain peranan ADUN ini adalah bagi memastikan pemantauan aktiviti dan prestasi syarikat dapat dibuat dengan lebih efektif dan sebarang masalah atau kelemahan jika ada dapat di kenal pasti dan diselesaikan dalam kadar segera. Saya yakin dan percaya Yang Berhormat semua sudah tentu yakin dan bersedia melakukan tugas ini untuk Rakyat Selangor serta keuntungan yang dijana oleh anak syarikat mampu dinaikkan semula hasil rizab Kerajaan Negeri seperti mana dahulu di bawah kepimpinan Datuk Seri Khalid Ibrahim ketika beliau menjadi Menteri Besar dengan memperkasakan Anak Syarikat Kerajaan Negeri Selangor. Ini semua dilakukan untuk mengelakkan daripada berlaku dasar monopoli yang saya kira dasar monopoli ini tidak seharusnya berlaku di dalam Kerajaan Malaysia Baru ini. Ini baru anak syarikat di bawah Kumpulan MBI belum lagi anak syarikat di bawah Anak Syarikat Negeri Selangor malahan dalam semakan saya ada Ahli Lembaga Pengarah Syarikat yang dilantik di dalam Anak Syarikat Negeri Selangor berasal daripada negeri lain. Ia bukanlah satu kesalahan tetapi bagi pandangan saya adalah lebih baik ia diberi keutamaan kepada mereka yang berasal dan bermastautin di Negeri Selangor kerana ini Anak Syarikat Kerajaan Negeri Selangor lainlah kalau ai anak syarikat daripada Persekutuan.

Selain itu ada juga syarikat yang bermesyuarat hanya 2 atau 3 kali sahaja dalam setahun. Jadi jika perkara ini berlaku saya percaya segala keputusan di dalam mesyuarat bukan mudah untuk di capai kata putus lebih-lebih lagi melibatkan keputusan yang penting. Oleh yang demikian saya bersetuju dengan cadangan Hulu Kelang supaya Yang Amat Berhormat Menteri besar atau Ahli Lembaga Pengarah MBI yang lain hanya menduduki sekurang-kurangnya 3 atau 5 sahaja di dalam Anak Syarikat MBI. Cadangan ini supaya Yang Amat Berhormat Menteri Besar dapat memberi fokus terhadap anak syarikat yang terpenting sahaja dan selebihnya bolehlah diberi peluang kepada Ahli Lembaga Pengarah yang lain untuk menjadi pengurus. Untuk akhirnya saya juga ingin mengingatkan sekali lagi supaya Kerajaan Negeri menyusun semula semua Ahli Lembaga Pengarah GLC Kerajaan Negeri Selangor ini supaya semua anak syarikat dapat mencapai tujuan utama iaitu mentadbir Pengurusan Aset dan Pelaburan Kerajaan Negeri. Dengan adanya Ahli Lembaga Pengarah yang pakar dalam bidang tertentu dan berkualiti tidak mustahil keuntungan akan dinikmati bersama oleh seluruh rakyat Selangor. Di kesempatan ini juga saya percaya sudah perlu ada 1 tindakkan dan perhatian dapat diberikan supaya anak-anak syarikat ini lebih berdaya saing dan terus maju di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar sekarang. Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar juga harus berani untuk menutup mana-mana syarikat yang langsung tidak mendatangkan keuntungan atau membebankan. Saya percaya dengan penstrukturkan semula Anak Syarikat Kerajaan Negeri ini ia nya akan dapat memberi nilai yang baik kepada Kerajaan Negeri Selangor malah dapat berkongsi hasil keuntungan yang dijana daripada seluruh anak syarikat untuk kebajikan rakyat Negeri Selangor yang unggul dan rakyat yang bermartabat, sekian.

13 NOVEMBER 2019 (RABU)

TUAN SPEAKER : Tiada? jadi ada apa-apa *respond* daripada pihak Kerajaan, tiada yang bahas. Ok , Silakan Yang Amat Berhormat Sungai Tua.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Terima kasih Hulu Kelang dan juga Sungai Air Tawar di atas usul-usuk yang telah dikemukakan dan suka saya mengingatkan kembali di atas jawapan yang telah saya berikan tempoh hari memang sebenarnya GLC atau Goverment Link Company diwujudkan kenapa. Sudah pasti ia diwujudkan untuk memastikan Am Kerajaan, sebab Kerajaan tidak boleh bermiaga justeru kita wujudkan GLC ini untuk menceburi bidang-bidang yang strategik dan kritikal di dalam sebuah kerajaan. Contohnya adalah pembinaan rumah dan kota dan itu lah hasilnya PKNS dan sebab itu namun daripada tempoh masa ke semasa dan waktu ke waktu GLC ini berkembang mengikut kesesuaian perkembangan syarikat dan sebagainya. Justeru pada ketika ini bagi pihak Kerajaan Negeri kita sedang menyusun kembali GLC-GLC daripada zaman Khalid Ibrahim ke zaman Azmin Ali dan sebenarnya kita baru ingin menyelesaikan penyusunan-penyelesaian ini semula termasuk proses penutup syarikat-syarikat. Untuk pengetahuan Hulu Kelang saya rasa kalau masih ingat ketika kita bersama-sama jawatankuasa menyemak badan berkanun dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri, kita dapat melihat beberapa syarikat-syarikat yang tidak sepatutnya ditubuhkan oleh Syarikat Kerajaan Negeri seperti PKPS dan syarikat-syarikat dibangkitkan itu banyak ditutup malahan kita juga telah menutup bahagian *ticketting* di Tourism Selangor sebagai contoh kerana kita beranggapan dengan menubuhkan syarikat tersebut ia mengganggu persaingan kepada pasaran bebas yang ada di luar sana. Tujuan GLC bukan hendak kaya raya kaut keuntungan bergila-gila. Itu bukan tujuan asasnya sebab kalau hendak buat memang boleh buat sebab ia di naungi oleh pihak Kerajaan.

Namun begitu GLC yang mendarangkan nilai keuntungan dan hasil dan sebagainya boleh juga disalurkan ataupun mendatangkan hasil kepada Kerajaan dan itu kita telah buat sebab itu saya sebutkan tadi atau saya sebutkan ketika menjawab soalan yang lepas ada nya dividen *gabs*, dividen *gabs* ini wujud satu syarikat besar anak syarikatnya maju tetapi syarikat yang atasnya sudah hilang fungsi disebabkan faktor-faktor tertentu dan akhirnya dividennya tidak dapat maju ke atas contohnya adalah pasukan PKS, Perangsang Selangor ia mendapat keuntungan besar malahan Syarikat Perangsang ini mempunyai aset dan perniagaan yang sangat besar hingga Peniagaan Kings Koil tilam di Amerika Syarikat juga mempunyai *share* yang besar dan malahan kita pada hari ini Perangsang menawarkan perkhidmatan pergantian paip di Negeri Kedah dan juga syarikat-syarikat yang lain. Satu bidang yang kita tidak ceburi satu ketika dahulu iaitu bidang *health industry* dengan izin ataupun kesihatan. Kalau dibandingkan dengan kumpulan perubatan Johor tapi kita telah tubuhkan SELGATE untuk *explore* bidang-bidang tersebut dan mungkin hasilnya dapat dipulangkan balik kepada rakyat seperti Program Peduli Sihat dan juga dapat mengembangkan hasil kepada Kerajaan Negeri. Jadi sebelum kita hendak menyusun Ahli-Ahli Lembaga Pengarah kita selesaikan dahulu penyusunan keseluruhan MBI dan saya boleh katakan saya percaya *by* akhir tahun ini atau awal tahun depan penyusunan keseluruhan struktur MBI dan anak syarikat di bawah MBI boleh dikatakan hampir selesai sepenuhnya kerana apabila penstrukturran selesai kita sudah dapat penstrukturran KDEB, Air Selangor dan syarikat-syarikat yang berkaitan dengan sektor masing-masing. Malahan kita juga memberikan fokus kita juga memberikan fokus kepada syarikat-syarikat terbabit supaya mereka tidak terkeluar dan hanya menceburi satu bidang yang sama. Satu ketika dahulu banyak syarikat-syarikat yang terlibat di dalam bidang *property* dan *construction*,

13 NOVEMBER 2019 (RABU)

pembinaan Worldwide terlibat pembinaan , Selaman terlibat pembinaan, PKNS terlibat dalam pembinaan ini contoh-contoh PKNS dan sekarang kita telah menukar fokus-fokus di antaranya Worldwide lebih kepada fokus terhadap *anergy*, tenaga di samping mengekalkan beberapa *share* di lebuh raya dan juga IPP yang atau *Independence Power Provider* yang telah kita ceburi pada tahun-tahun yang lepas dengan niat Negeri mempunyai sumbangan dan hasil kepada setiap aktiviti yang strategik dalam Negeri. Sebab itu arahan terbaru kita kepada beberapa syarikat MBI dan PNSB untuk *explore Aero Angkasa* . Kita ada 62% aktiviti Aero Angkasa di Malaysia di Negeri Selangor tetapi Negeri tidak mempunyai hasil langsung daripada hasil tersebut dan kita juga boleh terlibat untuk mengekalkan kesemuanya. Justeru sebahagian nama-nama yang disebut tadi adalah untuk mewakili dan *represent* sebagai contoh Dato Suhaidi Abdul Rahim merupakan Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri dan beliau diletakkan untuk mengisi tempat ataupun slot yang diwakilkan untuk pihak Kerajaan. Pihak Kerajaan biasanya diwakili oleh SS ataupun PWN. Namun begitu di tahap-tahap tertentu pihak seperti Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri mencadangkan pula Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri. Bagi pihak PWN kadang-kadang mencadangkan pula Pegawai di Unit Perancang Ekonomi untuk menjadi GLC supaya Kerajaan mempunyai wakil di dalam perwakilan *board* ataupun Lembaga Pengarah yang telah ditetapkan. Namun begitu saya sebutkan bila penstrukturran ini sebanyak paling tidak kita dapat *secure* RM58 milion pada tahun ini. Paling tidak kita dapat sumbangan RM58 juta kepada Pihak Kerajaan Negeri dalam bentuk dividen dan sumbangan dari tahun-tahun hadapan selepas penyelesaian segala-galanya ini selesai dan kita dapat lantik Lembaga-lembaga pengarah yang baru dan CCSB yang saya sebutkan tadi memang kita dah buat tindakan. Itu adalah laporan dan teguran audit yang lepas dan sekarang telah diambil tindakan oleh pihak pengurusan yang baru dan ini semua kita percaya adalah untuk mewujudkan integriti dan kualiti yang baik di samping dapat mendatangkan hasil yang besar pada Kerajaan Negeri. Namun begitu, jangan anggap bahawa GLC ini boleh menceburi semua sebab *it's not fair* kepada GLC untuk menceburi pasaran bebas sebab GLC dinaungi oleh Kerajaan, dilindungi oleh Kerajaan dan biasanya bila Kerajaan di situ, duit dan *buyers* itu lebih kepada syarikat-syarikat GLC ini. Tapi kita hanya ceburi sebahagian bidang yang strategik. Antaranya perladangan, pertanian, perumahan, *energy*, *power* dan sekarang ini dia bawa MBI dan kita buat pula untuk SS *view* atau pun Smart Sale. Itu semua adalah untuk Smart State yang memang ada tujuan-tujuan khusus yang mana kalau kita ambil tugas daripada *vendor* swasta atau pun syarikat swasta, Kerajaan akan terlepas tangan daripada *special project* atau pun projek-projek atau pun program yang dirancang atau direncana oleh pihak Kerajaan. Jadi saya ucap terima kasih di atas usul ini. Kita lihat atas keprihatinan tersebut, namun saya boleh katakan itu adalah satu evolusi ya. Kalau disebut tadi, zaman Tan Sri Khalid, ya dia baru susun balik. Kalau dulu KDEB menjadi penyelaras kepada MBI. Kali ini MBI di bawah sekretariat. Di zaman Dato' Seri Azmin, kita membilah dan mencari ruangan-ruangan baru seperti SELGATE, seperti Worldwide menceburi bidang *energy* dan *power*. Seperti DEFM melihat kepada *property management* untuk kawal selia *facilities* dan juga *property* yang ada sebagai contoh di samping PKNS, PKPS dan lain-lain mengembangkan syarikat dan berlaku penutupan-penutupan atau pun penggulungan syarikat-syarikat yang tidak perlu dan pada kali ini saya rasa selepas selesai saya rasa kita boleh susun pula selepas syarikat-syarikat ini disusun termasuk menyusun di kalangan Lembaga Pengarah dan sebagainya. Kadangkala

Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Ya, Sungai Air Tawar.

13 NOVEMBER 2019 (RABU)

Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL : Y.A.B. Dato' Menteri Besar, saya ingin bertanya soalan iaitu berkenaan dengan individu yang bernama Y.Bhg. Dato' Ahmad Suaidi bin Abdul Rahim yang mana saya melihat beliau individu yang tidak ada di dalam Ahli Lembaga Pengarah MBI tetapi boleh menjawat jawatan sebagai Ahli Lembaga Pengarah di dalam tujuh (7) anak syarikat MBI. Apakah keistimewaan dia ini dari sudut kepakaran sehingga beliau boleh menduduki sebanyak tujuh (7) buah anak syarikat MBI ini.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Kedudukan Dato' Ahmad Suaidi bin Abdul Rahim pada ketika itu ialah sebagai Pengarah Unit Perancang Ekonomi dan sudah pasti MBI dan syarikat-syarikat yang terbabit itu mempunyai kaitan langsung dan tidak langsung dengan kegiatan-kegiatan pembangunan ekonomi di Negeri Selangor. Justeru, daripada kita letakkan Setiausaha Kerajaan Negeri, Setiausaha Kerajaan Negeri meletakkan Pengarah Unit Perancang Ekonomi di situ. Bukan atas kedudukan itu, sebagai wakil Kerajaan. Tidak semestinya *Board* MBI yang asas itu untuk turun di bawah yang lain sebab itu saya ia boleh diwakili untuk pihak Kerajaan dan sebagainya. Kalau disebutkan zaman sebelum ini ada sumbangan tak jelas. Kali ini dah ada sumbangan yang lebih jelas kepada pihak Kerajaan dan masuk kepada akaun Wang Hasil Disatukan. Sebab itu penyusunan ini hampir selesai. Selepas selesai, dengan fokus-fokus tertentu baru kita akan isi. Namun saya sebutkan disini, ia akan melihat juga komposisinya sebagai contoh company seperti Perangsang terlibat di dalam spektrum perniagaan yang sangat luas. Ada melihat pembinaan, ada yang terlibat *manufacturing*, ada yang terlibat *property management*, ada terlibat *services* dan sebagainya. Jadi kita memerlukan perwakilan yang mahir dalam bidang-bidang tersebut. Dalam bidang *manufacturing*, pengilangan, dalam bidang pembinaan. Sudah pasti Lawyer atau Peguam juga kita ambil. *Insha Allah*, saya juga akan mengambil prinsip bahawa kita akan seboleh mungkin meletakkan Perwakilan Selangor yang terbaik atau pun daripada yang terlibat dengan Selangor sahaja di kalangan anak-anak syarikat Negeri Selangor kecuali kita tidak punya pilihan atau pun kecuali kita tidak punya *choice* untuk membuat keputusan tersebut kerana keperluan ikhtisas atau pun dasar-dasar yang terbabit. *Insha Allah*, saya ucap terima kasih. Itu sedikit maklumbalas yang boleh saya kongsikan.

TUAN SPEAKER : Baik, terima kasih. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, ada pun masalah di hadapan Dewan ini ialah satu Usul yang berbunyi :

“Bahawa Dewan yang mulia ini menarik perhatian bahawa Agensi Badan Berkanun dan anak-anak syarikat GLC Selangor telah membuat perubahan-perubahan yang progresif, dengan itu Dewan yang mulia ini menggesa Kerajaan Negeri Selangor menyusun semula agar Lembaga Pengarah bagi setiap GLC Kerajaan Negeri Selangor benar-benar memberi fokus yang berkesan untuk menjaga kepentingan perniagaan setiap GLC demi pembangunan ekonomi serta tambahan hasil negeri untuk dinikmati Bersama oleh seluruh rakyat Selangor.

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju, sila kata “ya”.

DEWAN : Ya..

TUAN SPEAKER : Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila kata “tidak”. USUL ini dipersetujui. Sebelum saya mempersilakan Setiausaha Dewan untuk

13 NOVEMBER 2019 (RABU)

meneruskan, saya mempersilakan, oleh kerana urusan Dewan ini masih panjang saya meminta Y.A.B. Dato' Menteri Besar untuk membawa Usul.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Terima kasih Tuan Speaker. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin membawa satu Usul yang berbunyi seperti yang berikut :

“Bahawasanya Dewan yang bersidang pada hari ini mengikut Peraturan 11 dalam Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor hendaklah menyambung persidangan sehingga selesai semua urusan”.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Tuan Speaker, saya menyokong.

TUAN SPEAKER : Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, Usul ini telah pun disokong. Saya kemukakan untuk mendapatkan persetujuan. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju, sila kata “ya”.

DEWAN : Ya..

TUAN SPEAKER : Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila kata “tidak”. USUL ini dipersetujui. Silakan Setiausaha Dewan.

SETIAUSAHA DEWAN : Usul seterusnya, Usul nombor 28 tahun 2019. Usul di bawah Peraturan Tetap 26(1) oleh Yang Berhormat Pelabuhan Klang.

TUAN SPEAKER : Silakan.

Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI : Terima kasih Tuan Speaker. Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin membawa satu Usul yang berbunyi seperti berikut :

“Bahawa Dewan yang mulia ini menggesa Kerajaan Negeri Selangor menyediakan pelan pemantauan berkala terhadap kilang-kilang memproses bahan-bahan merbahaya”.

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, Negeri Selangor merupakan sebuah negeri yang maju, progresif dan juga kaya dengan hasil negerinya termasuklah dengan hasil-hasil yang diperolehi daripada industri-industri perkilangan di negeri ini. Industri Negeri Selangor mempunyai tiga (3) jenis industri iaitu industri ringan, industri sederhana dan industri berat. Kerajaan Negeri Selangor melalui 12 buah Pihak Berkua Tempatan telah memperincikan setiap kelas industri tersebut mengikut zoning kawasan masing-masing tetapi malangnya masih terdapat lagi pengusaha-pengusaha kilang yang masih ingkar dan menyimpan bahan-bahan industri berat di dalam kawasan zon perindustrian yang ringan. Sebagai contoh, terdapat sebuah kilang di Pulau Indah menyimpan 1.5 tan gas ammonia di dalam kawasan kilang yang dikategorikan sebagai zon industri ringan. Gas ammonia tersebut hanya diketahui setelah pemilik kilang memberitahu pihak Bomba semasa kejadian kebakaran kilang yang bersebelahan dengan kilang yang menyimpan gas ammonia tersebut. Dengan usaha pantas pihak Bomba, tong gas ammonia tersebut berjaya dialihkan oleh pihak Bomba. Tidak dapat saya bayangkan apa yang akan terjadi sekiranya tong gas ammonia itu meletup dan membebaskan ammonia di ruang udara kerana ianya

13 NOVEMBER 2019 (RABU)

seberat 1.5 tan gas ammonia. Bayangkan kalau terbakar dan meletup kerana saya dimaklumkan oleh pihak Bomba sewaktu kejadian kebakaran saya bercakap terus dengan Pengarah Bomba Negeri Selangor pada masa itu yang mengetuai operasi memadamkan kebakaran tersebut. Sekiranya mereka tidak sedar atau pun tidak tahu bahawa kilang bersebelahan mempunyai gas ammonia seberat 1.5 tan, kesannya ialah sekitar 25 hingga 30 kilometer radius daripada Pulau Indah akan terjejas dan kesannya adalah kepada penduduk di sekitar kawasan Klang. Antara kesannya adalah terhadap kesihatan kepada penduduk. Gas ammonia ini boleh menyebabkan batuk, mata berair, muntah, cirit birit, sakit kepala dan yang paling kritikal adalah boleh menyebabkan kematian. Sekiranya itulah yang terjadi, maka Pelabuhan Klang ini akan menjadi padang jarak padang terkukur dan ke manakah rakyat di dalam Pelabuhan Klang hendak menyelamatkan diri mereka kerana impak letupan gas ammonia 1.5 tan itu boleh tersebar sekitar 25 hingga 30 meter radius. Menurut pihak Bomba seperti yang dilaporkan di dalam akhbar Harian Metro bertarikh 13 Julai 2019. Di kesempatan ini, saya memuji dan kita mengucapkan terima kasih, syabas dan tahniah terhadap tindakan pantas pihak Bomba yang berjaya mengalihkan 1.5 tan tong gas ammonia tersebut. Kita juga bernasib baik kerana kebakaran tersebut berlaku pada waktu siang dan pemilik kilang juga pantas memaklumkan kepada pihak Bomba tentang gas ammonia yang berada di kilang tersebut. Apakah yang akan terjadi sekiranya kebakaran berlaku pada waktu malam sewaktu semua orang sedang tidur dan pemilik kilang pun tidak ada. Kilang tidak beroperasi tapi gas ammonia sahaja berada di dalam dan pihak Bomba tidak mengetahui tentang gas ammonia tersebut.

Saya juga ingin mengambil contoh kesan-kesan gas ammonia seperti yang dilaporkan oleh Portal Berita Online Astro Awani yang bertarikh 13 Ogos 2019 bertajuk "Dua (2) Pekerja Kilang Ais Maut, 18 Cedera Terhidu Gas Ammonia". Menurut artikel tersebut, pekerja yang maut itu dipercayai terhidu terus dengan gas ammonia yang bocor dari tangki simpanan bahan ammonia ketika mereka melakukan kerja rutin. Kebocoran yang sedikit juga mampu membawa maut, bagaimanalah sekiranya 1.5 tan tong gas ammonia meletup. Sudah pastilah seperti yang saya katakan tadi Pelabuhan Klang akan terjejas teruk. Jadi kesimpulannya pada hari ini, saya menyeru Dewan yang mulia ini bahawa Kerajaan Negeri Selangor melalui Pihak Berkusa Tempatan haruslah memikirkan bagaimanakah cara untuk mengadakan pemantauan berkala. Bagaimana nak memastikan bahan-bahan kimia yang disimpan di kilang-kilang, di gudang-gudang yang kita pun tak tahu. Sekarang ini lagilah ada 548 kilang yang tidak berdaftar, tidak berlesen. Sudah tentu kita tidak boleh mengenalpasti apakah aktivitinya, apakah jenis kimianya. Saya sendiri telah melawat beberapa kilang yang tidak bertanda di Pulau Indah. Apabila masuk ke dalam saya menjumpai banyak tong-tong dram yang tidak tahu tapi cuma ada logo tengkorak itu sahaja. Itu sudah tentu itu adalah bahan kimia yang berbahaya tapi saya tidak tahu apakah jenis bahan kimia tersebut. Malah mengikut laporan yang saya terima selepas berbincang dengan pihak Balai Bomba Pelabuhan Klang juga tidak menyimpan rekod jenis-jenis bahan kimia yang berada di kawasan-kawasan industri yang ada di sekitar Daerah Klang. Jadi ini menyukarkan pihak Bomba sekiranya berlaku sesuatu kebakaran di sesuatu kawasan. Pihak Bomba sukar untuk menguruskan atau pun memadamkan kebakaran tersebut kerana *chemical-chemical* yang tertentu kebakarannya tidak boleh dipadamkan dengan air sebaliknya perlu menggunakan *chemical* atau pun *foam* yang disediakan oleh pihak Bomba. Jadi dengan jumlah berapakah jenis bahan kimia yang ada di Kawasan Daerah Klang itu atau pun di kawasan Negeri Selangor, pihak Bomba dan Penyelamat juga boleh menyediakan jumlah *foam* atau pun jumlah apa juga bahan-bahan yang boleh digunakan untuk memadamkan benda-benda tersebut sekiranya berlaku kebakaran. Jadi sekali lagi

13 NOVEMBER 2019 (RABU)

saya berharap Pihak Berkuasa tempatan dan Kerajaan Negeri Selangor memikirkan untuk memantau semua kilang-kilang ini secara berkala dan mengumpulkan maklumat terperinci yang lebih tepat dan semua maklumat ini mestilah diberikan kepada Bomba-Bomba yang berdekatan bagi mengambil langkah-langkah pencegahan sebelum menjadi kejadian yang lebih berat pada masa akan datang dan yang menjadi mangsanya sekiranya kita tidak dapat menyelesaikan isu ini sudah tentulah penduduk-penduduk yang berdekatan dengan kilang-kilang tersebut. Sekian, saya Pelabuhan Klang usul mencadang.

TUAN SPEAKER : Cadangan sudah dibuat. Usul ini siapa menyokong?

Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR : Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER : Meru silakan.

Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR : Tuan Speaker, saya menyokong usul yang dibentangkan nombor 28 tahun 2019. Saya ingin mencelah disini untuk membahas untuk menyokong usul ini di mana saya hendak memberi contoh di mana pada hari Isnin yang lepas, dua (2) hari yang sudah. Memang berlaku satu kebakaran besar kilang di Meru sewaktu kita sedang bersidang yang mana punca berlakunya kebakaran itu berpunca daripada kilang bahan kimia ini tadi yang tidak diketahui tapi kilang lain yang menjadi mangsa yang kita bimbangkan sepihama yang disebutkan oleh Pelabuhan Klang tadi tentang berlakunya kebakaran-kebakaran yang besar tetapi juga yang boleh melibatkan pencemaran yang lebih teruk.

Seperti mana saya nak berkongsi makluman kepada Yang Berhormat sekalian bagaimana kebakaran yang berlaku pada dua hari yang sudah. Saya ucapkan, terlebih dahulu, ucapan tahniah dan terima kasih kepada anggota bomba yang bertugas dengan pantas mereka berjaya menghalang kebakaran dengan lebih besar dan menyelamatkan daripada bahan-bahan kimia yang tidak diketahui daripada terbakar dan keadaan lebih teruk, yang mana kesannya yang dimaklumkan kepada saya, kalau mereka gagal mengawal kebakaran pada ketika itu. Bersebelahan dengan kilang itu ada sungai. Antara sungai utama di Meru. Sungai Kapar Kecil yang menjadi laluan utama dan laluan sungai itu pula pergi ke kawasan perumahan dan sebagainya. Sudah pastinya ia akan membawa permasalahan yang lebih besar. Sebab itu saya rasa usul untuk menggesa pihak kerajaan negeri Selangor menyediakan pelan pemantauan berkala terhadap kilang memproses bahan kimia ini, memang wajib diadakan. Sebab kita tidak tahu. Mungkin kilang-kilang ini dia memohon untuk buat perkara yang lain tapi yang berlaku di sebaliknya benda yang lain. Ini perkara yang bagi saya cukup serius.

Biasanya kita ni, bila dah berlaku kemalangan baru tahu. Bila tak berlaku kemalangan, kita tak tahu dan kita biarkan. Dan pemantauan ini cukup penting supaya untuk mengelakkan. Bukan sahaja untuk mengelakkan perkara yang buruk berlaku. Tetapi dalam masa yang sama untuk membolehkan kita mengawal juga. Isu-isu yang lain yang berkaitan, contohnya penyalahgunaan lesen perniagaan. Mungkin premis-premis itu digunakan dengan untuk aktiviti-aktiviti jenayah dan sebagainya. Macam juga berlaku di Meru juga, pada baru-baru ini, apabila berlaku satu kebakaran, baru tahu ada kilang memproses dadah yang besar. Tapi jangan datang ke Meru pula, untuk beli dadah. Ha.. baru tahu, rupanya ada tempat memproses kilang dadah yang besar di Meru. Itu bukan pendapatan negara. Tak tahu lah kalau Jeram berminat. Tak ada pula. Jadi benda-benda ini memang wajib kita laksanakan.

13 NOVEMBER 2019 (RABU)

Pemantauan ini perlu berterusan. Mungkin dari segi tenaga kerja dan sebagainya kita mungkin boleh memberikan kuasa kepada pihak PBT dengan kuasa yang lebih, untuk mereka dapat melaksanakan dan juga menjalankan tugas supaya kita dapat mengelakkan perkara-perkara yang tidak diingini akan berlaku di tempat kita dan juga mengancam keselamatan penduduk di dalam negeri Selangor. Sekian. Saya menyokong usul tersebut.

TUAN SPEAKER : Usul ini telah disokong, Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian. Tak ada yang berbahas, saya persilakan kalau ada apa-apa maklum balas daripada pihak Kerajaan. Kalau tak ada...

(Tuan Speaker menunggu)

Tak ada ya. Baik.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER : Ya, ada sikit daripada Bandar Baru Klang.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Sedikit pemerhatian kerana usul ini. Seperti yang disebut, saya setuju dengan demi keselamatan orang ramai tapi disebabkan Yang Berhormat Pelabuhan Klang sebut pihak berkuasa tempatan, dan Meru sebut pihak berkuasa tempatan. Ini adalah di bawah bidang kuasa pihak berkuasa tempatan. Jadi sepatutnya usul ini digubal dengan lebih baik lagi sebab ini bukan di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Dan sepatutnya dibawa juga melalui ahli majlis di peringkat PBT, mungkin lebih sesuai lagi. Itu pemerhatian saya. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, adapun masalah di hadapan Dewan ini ialah suatu usul yang berbunyi :-

“Bahawa Dewan yang mulia ini menggesa Kerajaan Negeri Selangor menyediakan pelan pemantauan berkala terhadap kilang-kilang memproses bahan-bahan berbahaya.”

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya.

DEWAN : Ya..

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. USUL ini dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Usul seterusnya usul nombor 29 Tahun 2019, Usul di bawah Peraturan Tetap 26 (1) oleh Yang Berhormat Pelabuhan Klang.

TUAN SPEAKER : Silakan Pelabuhan Klang.

Y.B TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin membawa satu usul yang berbunyi seperti berikut :-

13 NOVEMBER 2019 (RABU)

“Bahawa Dewan yang mulia ini menggesa Kerajaan Negeri Selangor menyediakan pelan perancangan penyelesaian terhadap masalah kekurangan Balai Bomba dan kemudahan-kemudahan infrastruktur lain bagi tujuan kecemasan di dalam kawasan DUN Pelabuhan Klang.”

Terima kasih, Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, daerah Klang merupakan sebuah daerah yang paling pesat membangun di dalam negeri Selangor. Menurut sumber portal terbuka Malaysia, jumlah penduduk di daerah Klang pada tahun 2017 adalah seramai 1,496,050 orang dengan keluasan seluas sebesar 626.8 kilometer persegi. Dengan jumlah penduduk seramai 1,496,050 ini, ternyata dengan hanya lima (5) balai bomba di dalam daerah ini, iaitu Balai Bomba Pelabuhan Klang, Balai Bomba Andals, Balai Bomba Sungai Pinang, Balai Bomba Kota Raja dan Balai Bomba Kapar adalah tidak mencukupi.

Mengikut statistik dan data yang diberikan oleh Balai Bomba Dan Penyelamat Pelabuhan Klang, jumlah panggilan yang melibatkan kebakaran dan penyelamatan di Daerah Klang sahaja adalah sebanyak 3,413 panggilan pada tahun 2018. Dengan pecahan jumlah kebakaran sebanyak 1,369 dan panggilan penyelamatan sebanyak 2,026 dengan purata panggilan sebanyak 10 kes sehari. Dan yang paling banyak menerima panggilan kecemasan itu adalah termasuk kebakaran dan penyelamatan yang mencatatkan panggilan tertinggi di dalam daerah Klang, adalah Balai Bomba Pelabuhan Klang. Yang paling banyak menerima panggilan kecemasan. Dan sekiranya kita membandingkan jumlah panggilan yang diterima oleh balai bomba di dalam daerah Klang ini dengan negeri-negeri lain seperti di negeri Melaka, pada tahun 2018 sahaja jumlah panggilan kecemasan termasuk panggilan kebakaran dan penyelamatan, adalah sebanyak 3,960. Hanya mempunyai perbezaan sebanyak 548 panggilan sahaja. Di antara statistik balai-balai bomba daerah Klang dan balai-balai bomba di negeri Melaka. Saya mengambil contoh di negeri Perlis pula. Negeri Perlis walaupun mempunyai lima (5) balai bomba untuk menjaga satu negeri, tetapi kita hanya lima balai bomba untuk satu daerah. Walau bagaimanapun jumlah panggilan kebakaran dan penyelamatan di negeri Perlis hanyalah sebanyak 938 sahaja berbanding 3,413 panggilan di dalam daerah Klang pada tahun 2018. Terdapat perbezaan yang sangat ketara iaitu sebanyak 2,554 lebihan panggilan di terima oleh balai-balai bomba daerah Klang.

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, untuk makluman semua, mengikut dengan izin, Standard Operation Procedure, SOP, oleh pihak bomba menyatakan bahawa response time bagi setiap panggilan kecemasan yang diterima oleh pihak bomba untuk ke lokasi kemalangan atau kebakaran hendaklah di bawah 10 minit. Saya mengambil contoh kejadian kebakaran kilang yang baru berlaku di Pulau Indah, pada 5 Julai 2019 yang lalu. Pihak bomba Pelabuhan Klang, terpaksa mengambil masa sehingga 22 minit untuk ke lokasi kebakaran. Itu semasa trafik berjalan dengan lancar. Tambahan semasa sebanyak 12 minit diperlukan oleh pihak bomba untuk sampai ke Pulau Indah berbanding SOP biasa mereka yang hanya memperuntukkan 10 minit untuk bertindak balas di dalam apa-apa juar kes kecemasan dan kemalangan dan juga kebakaran. Ini mengambil kira faktor jarak dan juga kesesakan lalu lintas. Dengan masa yang lama ,yang terpaksa di ambil oleh pihak bomba untuk sampai ke lokasi tersebut, yang mana pada mulanya dapat dikawal dengan mudah, ia menjadi sukar untuk dikawal. Pihak bomba terpaksa mengambil masa yang agak lama kerana api sudah terlalu marak apabila bomba sampai di tempat kejadian. Saya mengambil contoh kejadian kebakaran yang berlaku pada 14 Julai 2019, di mana semasa

13 NOVEMBER 2019 (RABU)

kejadian, kebakaran kilang di Pulau Indah dan pada masa yang sama, satu kebakaran rumah terjadi di Jalan Utama, Kampung Endah, Banting, yang mengorbankan dua orang remaja berusia 13 dan 16 tahun. Semua jentera-jentera bomba daripada seluruh kawasan yang berdekatan dengan Pulau Indah, daerah Klang, Kuala Langat semua menuju ke Pulau Indah kerana ada terdapat tiga buah kilang yang sedang terbakar serentak kerana bomba lambat sampai untuk mengawal kebakaran yang kecil pada mulanya. Dan ianya cepat merebak. Jadi akhirnya, sebuah rumah pula, lambat bomba sampai dan menyebabkan kematian dua orang remaja yang berusia 13 dan 16 tahun. Jadi ini kesan-kesan sampingan.

Jadi, Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, dalam masa yang sama juga, elemen yang paling penting pada pasukan bomba dan pasukan penyelamat itu, sudah tentulah semestinya air. Semasa kejadian kebakaran di Pulau Indah, pihak bomba mengalami kesukaran untuk mempersiapkan peralatan pemadam kebakaran tersebut kerana kebanyakan pili-pili bomba sedia ada telah rosak. Sama ada ia sudah lama ataupun dirosakkan oleh pihak-pihak yang berkenaan. Tetapi dalam masa yang sama juga apabila mereka boleh menggunakan tekannya, tekanan air pula rendah. Dan sehingga hari ini, memang tekanan air di Pulau Indah itu, sangat-sangat rendah. Dan ini menyukarkan juga pihak bomba untuk melakukan kerja-kerja memadamkan kebakaran kerana keadaan tekanan air yang sangat-sangat rendah di kawasan Pulau Indah. Dan pihak bomba, pada malam tersebut terpaksa menghubungi Syarikat Air Selangor untuk memohon bantuan, bagaimanakah cara untuk meningkatkan tekanan air supaya pihak bomba dapat menyelesaikan isu untuk memadamkan kebakaran dengan segera.

Tidak cukup dengan itu juga, pihak bomba juga memanggil, saya ingat lagi pada malam tersebut, balai bomba daripada rawang. Hampir seluruh negeri Selangor pun datang ke sana. Dan membawa 10 lori tangki air, masuk ke dalam Pulau Indah, untuk memastikan agar sumber air mencukupi bagi memadamkan kebakaran, yang hanya berjaya dipadamkan oleh pihak bomba yang bertungkus-lumus selama tujuh jam, bagi memastikan kebakaran tersebut berjaya dipadamkan. Dan untuk pengetahuan ahli-ahli yang berhormat, kejadian pada hari tersebut, operasi memadam kebakaran kilang-kilang di Pulau Indah tersebut adalah sebanyak 200,000 liter air digunakan. Dan mungkin ia lebih lagi daripada itu. Dan di kesempatan ini, sekali lagi kita seharusnya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih dan tahniah kepada pihak bomba kerana sentiasa bersiap sedia dalam membantu apa juu kemalangan di dalam negeri Selangor ini. Termasuklah dalam menyelamatkan harta benda dan seterusnya mengurangkan jumlah kerugian yang ditanggung oleh mangsa kebakaran.

Untuk makluman semua, pada tahun 2018 sahaja, dalam daerah Klang sahaja, angka taksiran yang berjaya diselamatkan oleh pihak Bomba Dan Penyelamat Malaysia adalah sebanyak RM1,053,803,534.66. Dan ini menurut rekod yang disimpan, ditaksirkan oleh pihak Balai Bomba Pelabuhan Klang. Ini jumlah yang sangat besar, yang berjaya diselamatkan oleh pihak bomba. Sekali lagi syabas dan tahniah kita ucapkan kepada pihak bomba.

Yang Berhormat Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, dengan mengambil kira, kes-kes kebakaran dan juga statistik panggilan kecemasan oleh pihak bomba seperti yang saya sebutkan tadi, suka saya mencadangkan dalam Dewan yang mulia ini, supaya Kerajaan Negeri Selangor bersama-sama dengan Kerajaan Persekutuan dapat bersama-

13 NOVEMBER 2019 (RABU)

sama menyediakan pelan perancangan bagi mengatasi isu kekurangan balai bomba. Akan ada lagi balai bomba yang baru, dapat dibina di dalam negeri Selangor, khususnya dalam kawasan DUN Pelabuhan Klang. Pihak Kerajaan Negeri kena menyediakan tanah, tanah dan pastikan tanah tersebut digazetkan untuk bomba. Sekarang ini, kita tengok banyak pelaburan dibawa masuk oleh Exco Pelaburan, Bandar Baru Klang, di kawasan Pulau Indah. Tetapi pembinaan pembangunan ini tidak selari dengan langkah-langkah kecemasan yang sepatutnya diambil seperti pembinaan balai bomba dan juga infrastruktur untuk pili-pili bomba ini, ada tekanan air yang cukup sikit untuk memadamkan kebakaran sekiranya berlaku. Jadi saya sekali lagi memohon kepada pihak Kerajaan Negeri untuk berbincang dengan Kerajaan Persekutuan, bagaimanakah untuk memastikan keseimbangan pelan perancangan di kawasan Pulau Indah yang sedang pesat membangun, sekarang ini dengan pelaburan-pelaburan yang dibuat oleh Kerajaan Negeri di kawasan tersebut. Sekali lagi saya mohon mencadang di dalam Dewan yang mulia ini. Sekian, terima kasih,

TUAN SPEAKER : Ya, Pandamaran.

Y.B. TUAN LEONG TUCK CHEE : Tuan Speaker, saya menyokong. Dan saya ingin menambah sedikit fakta. Di mana Yang Berhormat Pelabuhan Klang telah menyebut negeri Perlis dan Negeri Melaka. Mengikut keluasan Perlis, dia terdapat 810 kilometer persegi. Dan jumlah penduduk, pada mengikut 2018, adalah 254,700. Dan Melaka adalah 1,650 kilometer persegi dengan penduduk 926,800 penduduk. Di mana Klang, Klang hanya 626.78 kilometer persegi tapi dengan penduduk, 1.496 juta, penduduk ya. Jika kita dibahagikan Perlis hanya mengikut purata, Perlis hanya 314 km^2 , dan Melaka 561 orang per km^2 . Tetapi, malah dengan Klang purata, lepas purata $2,386 \text{ km}^2$, bayangkan, bayangkan lima (5) ya, semua dekat Perlis, Melaka mereka ada lima (5) buah Balai Bomba dan daerah Klang, hanya daerah, dia juga lima (5). Kita nampak puratanya memang tidak mencukupi dan kita difahamkan Klang membangun dengan pesat dan Pulau Indah ya, terdapat banyak kilang-kilang ya, yang, adalah dari segi kilang ringan, sederhana dan berat. Jadi, perlulah ya, Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan untuk menimbaangkan ya, untuk mendirikan sebuah Balai Bomba di kawasan-kawasan seperti Pulau Indah yang begitu bahaya untuk memendekkan masa untuk Balai Bomba, pihak Bomba untuk datang ke tempat kejadian. Saya menyokong Usul Pelabuhan Klang, terima kasih.

TUAN SPEAKER : Sudah sokong, ya, Sungai Kandis.

Y.B. TUAN MOHD ZAWAWI BIN AHMAD MUGHNI : Assalamualaikum W.B.T. dan selamat petang. Terima kasih Yang Berhormat Speaker yang telah memberikan ruang kesempatan kepada Sungai Kandis untuk ikut serta membahaskan Usul yang dibawa oleh Pelabuhan Klang. Sungai Kandis berpandangan bahawa Usul yang dibawa oleh Pelabuhan Klang ini penting kerana Pelabuhan Klang adalah nadi ekonomi Negara kita. Ada tiga (3) Pelabuhan di kawasan itu. Dan, keselamatan adalah isu besar yang sepatutnya diberikan perhatian dan kewujudan Bomba sangat diperlukan kerana kejadian-kejadian yang disebutkan tadi menunjukkan peningkatan dan keseriusan kejadian kebakaran ini boleh menggugat ataupun kestabilan ekonomi Negara kita. Dan ingin saya menambah supaya diwujudkan Bomba Komuniti di kawasan yang berhampiran dan juga sebaiknya di seluruh MPKK diwujudkan Bomba Komuniti supaya apabila berlaku kebakaran, masyarakat tahu untuk bertindak pantas atau bertindak awal mengatasi kebakaran. Banyak terjadi apabila berlaku kebakaran sebenarnya boleh diatasi ataupun

13 NOVEMBER 2019 (RABU)

boleh dikawal tetapi mungkin sebab panik, mungkin sebab tidak tahu bagaimana nak mendepani situasi ya, akhirnya banyak harta benda yang musnah dan Bomba tidak sempat sampai.

Sehubungan dengan cadangan Usul tadi untuk mewujudkan Balai Bomba di Pelabuhan, sebenarnya, Sungai Kandis tidak jauh daripada Pelabuhan. Dan kejadian kebakaran hutan di Johan Setia ini antara yang terkenal lah setiap tahun. Bomba akan berkampung berhari-hari di kawasan itu untuk memadamkan kebakaran. Justeru itu, Sungai Kandis juga mencadangkan supaya diwujudkan sebuah Balai Bomba. Tanahnya sudah ada. Tempatnya sudah ada, cuma walaupun ini isu daripada agensi Persekutuan, jadi harap, dengan Usul yang dibawa oleh Pelabuhan Klang ini dapat dibawa ke atas kerana kepesatan penduduk, kewujudan bandar-bandar baru dan kepesatan kawasan industri di kawasan Pelabuhan, Pandamaran, Sungai Kandis sekarang ini, berada di dalam keadaan yang pesat membangun. Justeru itu, Sungai Kandis menyokong Usul yang dibawa oleh Pelabuhan Klang, agar dapat dijadikan sebagai cadangan oleh pihak yang berkenaan. Sekian, Assalamualaikum W.B.T.

TUAN SPEAKER : Ya, saya mempersilakan Sijangkang.

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Terima kasih Tuan Speaker. Tahniah kepada Pelabuhan Klang. Tahniah kepada Ahli-Ahli Dewan yang menyokong. Saya melihat bahawa tugas untuk menyediakan Pelan Perancangan Penyelesaian terhadap masalah kekurangan Bomba ini adalah di luar bidang kuasa Kerajaan Negeri kerana bidang kuasa-bidang kuasa ini ada yang di bawah Kerajaan Negeri dan ada juga di Kerajaan Persekutuan. Cuma mungkin beberapa cadangan-cadangan tadi baik dan saya mencadangkan supaya Kerajaan Negeri membawa Usul ini kepada Kerajaan Persekutuan dan saya di sini menolak Usul ini sebagai satu Usul kepada Negeri Selangor untuk menyediakan Perancangan Penyelesaian masalah kekurangan Balai Bomba di Negeri Selangor. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Ya, terima kasih Sijangkang. Saya mempersilakan Bandar Utama.

Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN : Terima kasih Tuan Speaker kerana membenarkan saya membahaskan Usul ini. Di sini Bandar Utama cuma ingin menambah sedikit sahaja. Saya sememangnya menyokong Usul ini dalam menyediakan Pelan Perancangan Penyelesaian terhadap masalah kekurangan Balai Bomba dan kemudahan-kemudahan infrastruktur. Saya rasa isu ini bukan sahaja lah isu di kawasan Pelabuhan Klang sahaja malah di seluruh kawasan Kerajaan Negeri Selangor di mana-mana tempat sahaja mungkin kita akan menghadapi isu yang sama. Saya ambil Bandar Utama sebagai contoh. Bandar Utama ini juga mempunyai penduduk lebih daripada 100,000 penduduk. Dan juga, walaupun memang ada keperluan untuk menubuhkan Balai Bomba yang baru tetapi mengikut Garis Panduan yang diberikan oleh Bomba, adalah sekiranya terdapat Balai Bomba yang lain dalam lingkungan 5 km, maka di kawasan tersebut tidak dapat dibina Balai Bomba yang baru. Saya harap sekiranya Kerajaan Negeri Selangor bersetuju untuk menyediakan Pelan Perancangan, saya harap Garis Panduan seperti ini akan dilihat dan dikaji semula kerana di Bandar Utama sebagai contohnya, sekiranya di waktu-waktu kesesakan lalu lintas, anggaran pukul 5 petang ataupun 6 petang, biasanya untuk Bomba sampai di lokasi tertentu di bawah kawasan DUN Bandar Utama mengambil masa kadang-

13 NOVEMBER 2019 (RABU)

kadang lebih daripada setengah jam kerana kesesakan lalu lintas. Oleh itu, walaupun 5 km kelihatan ataupun seolah-olah sangat dekat dengan radius ataupun kawasan tersebut tetapi oleh sebab ia terletak di kawasan bandar, jadi terdapat juga faktor-faktor lain yang seharusnya dikaji semula dan diteliti dan saya harap Garis Panduan seperti ini akan diperbincangkan semula supaya kebijakan bukan sahaja penduduk-penduduk di bawah Kerajaan Negeri Selangor malah juga kebijakan warga-warga ataupun Ahli Bomba juga akan dijaga kerana mereka ini sebenarnya sangat kekurangan sumber, sangat kekurangan kawan-kawan lain untuk menjaga kawasan kerana kadang-kadang satu Bomba itu perlu menjaga dua (2) ataupun tiga (3) DUN. Jadi, saya cuma ingin menyatakan pandangan saya dan saya berharap cadangan saya ini akan diambil perhatian. Sekian, terima kasih.

Ya, tiada lagi yang berbahas. Pihak Kerajaan ada apa-apa nak respond?

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Ya. Terima kasih Tuan Speaker. Tuan Speaker, seperti yang saya sebutkan tadi ini adalah di luar bidang kuasa Kerajaan Negeri tetapi saya lihat ada niat yang baik daripada Pelabuhan Kelang, daripada Pandamaran dan juga daripada Bandar Utama. Niat dia baik, suci, murni (Ahli Dewan ketawa) cuma, mungkin dari segi Usulnya tidak digubal dengan cara yang lebih sesuai dan bagi pihak Kerajaan Negeri memang seperti mana Pelabuhan Kelang dan Pandamaran sebagai mantan Ahli Majlis ketahui, bahawa dalam setiap perancangan yang baru, memang dalam Kelulusan Merancang, pihak PBT ada menyediakan, itu menjadi syarat. Syarat di bawah JPBD, kita ada sediakan tapak mengikut syaratnya untuk Bomba. Cuma, itu setakat yang dapat kita lakukan di pihak PBT dan juga pihak Kerajaan Negeri.

Walau bagaimanapun, saya lihat disebabkan niat untuk membentangkan Usul ini adalah niat yang baik, maka saya cadangkan pindaan supaya ia lebih sempurna. Ya, yang pertamanya, kalau Usul ini diluluskan pun tidak berguna sebab ia di luar bidang kuasa Kerajaan Negeri. Jadi, saya mencadangkan mengikut Peraturan Tetap 30 (4) (a) dan (c), ya, saya cadangkan, yang pertamanya pindaan pertama adalah memotong perkataan Kerajaan Negeri Selangor kepada, dan gantikannya, masukkan perkataan baru itu, Kerajaan Persekutuan. Jadi, lepas, kalau diluluskan, maka Tuan Speaker boleh mengutuskan surat kepada Kementerian dengan Usul ini, menyatakan ini adalah Usul yang diluluskan oleh Dewan Negeri Selangor. Itu caranya.

Yang keduanya, Pelabuhan Kelang ada masalah, Pandamaran ada masalah, Bandar Utama ada masalah, saya percaya kawasan lain juga penduduk yang pesat ada masalah sebab pembangunan di Selangor memang rancak. Jadi, kalau dihadkan kepada masalah DUN Pelabuhan Klang itu, rasa tidak sesuai. Maka, cadangan pindaan Usul kedua saya adalah mengikut juga Peraturan Tetap 30 (4) (a) dan (c), menggantikan, memotong perkataan kawasan DUN Pelabuhan Kelang dan menggantikan dengan seluruh Selangor (Ahli Dewan bertepuk tangan). Jadi, Usul saya, dua (2) Usul saya, Usul pindaan ini perlukan sokongan sebelum boleh dipertimbangkan oleh Dewan (Ahli Dewan menyebut sokong). Kena bangun sokong ni (Ahli Dewan ketawa).

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Saya menyokong.

TUAN SPEAKER : Maknanya pindaan itu telah disokong dan Ahli-ahli yang setuju ya. Maknanya sekarang Usul ini saya akan baca dengan yang baru ya, dengan perkataan yang baru. Semua setuju ya?

13 NOVEMBER 2019 (RABU)

DEWAN : Setuju..

TUAN SPEAKER : Baik. Ini juga, bahawasanya, bahawa Dewan yang mulia ini menggesa Kerajaan Persekutuan ya, Kerajaan Persekutuan menyediakan Pelan Perancangan Penyelesaian terhadap masalah kekurangan Balai Bomba dan Kemudahan-kemudahan Infrastruktur lain bagi tujuan kecemasan di seluruh Negeri Selangor. Boleh? (Ahli Dewan ketawa). Boleh ya Ahli-ahli? Ok, baik. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, adapun masalah di hadapan Dewan ini ialah satu Usul yang berbunyi bahawa Dewan yang mulia ini menggesa Kerajaan Persekutuan menyediakan Pelan Perancangan Penyelesaian terhadap masalah kekurangan Balai Bomba dan Kemudahan-kemudahan Infrastruktur lain bagi tujuan kecemasan di seluruh Negeri Selangor. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju, sila kata ya

DEWAN : Ya..

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila kata tidak. Usul ini dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya. Usul untuk menangguhkan Dewan.

TUAN SPEAKER : Dipersilakan.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : *Bismillahirrahmanirrahim.* Speaker dan Ahli-ahli Dewan yang budiman sekalian. *Alhamdulillah,* setelah kita bersidang selama sembilan (9) hari, kita telah dapat menyelesaikan beberapa Urusan-urusan Mesyuarat Untuk Persidangan Kali Ketiga Tahun 2019 ini dan sudah pasti ada dokumen yang paling penting dalam Persidangan ini, adalah Belanjawan Tahun 2020 dan sebagaimana yang saya sebutkan, Belanjawan ini merupakan salah satu daripada titik-titik penting kepada Negeri Selangor dan Negara. Dalam kita melihat penyelesaian dan *landing* kita pada tahun 2020, bagaimana kita mengorak langkah Rancangan Malaysia Ke-12, bagaimana kita membuka jalan untuk Wawasan Kemakmuran Bersama dan menuju lima (5) tahun terakhir sebelum kita mencapai *Smart State.* Justeru, apa yang telah kita rangkakan dan rancangkan ini adalah untuk memastikan Negeri Selangor sentiasa terkehadapan, sama ada ketika membuka langkah untuk setiap polisi baru ataupun untuk menyudahkan dan menyelesaikan setiap apa yang telah direncana, khususnya, Rancangan Visi *Smart State* menjelang tahun 2025.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, semasa pembentangan Belanjawan 2019 yang lalu, Kerajaan Negeri telah mengumumkan bahawa kita cuba mesasarkan tiga (3) Pihak Berkuasa Tempatan untuk dinaik taraf. Pihak-pihak Berkuasa Tempatan tersebut ialah Majlis Daerah Kuala Langat, Majlis Daerah Kuala Selangor dan Majlis Perbandaran Subang Jaya. Dua (2) Majlis telah diterima oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri untuk dinaik taraf dan diangkat dan perkara itu telah dibawa ke Kabinet, manakala ada satu lagi Majlis perlu menilai semula dan perlu mengemukakan kembali kepada pihak Kerajaan Negeri sebelum diberikan kenaikan taraf daripada Majlis tertentu ke Majlis yang lebih tinggi. Justeru, saya ingin membacakan di sini satu surat bertarikh 31 Oktober 2019 daripada Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang telah menyebutkan bahawa :-

13 NOVEMBER 2019 (RABU)

'Suka cita dimaklumkan bahawa Jemaah Menteri dan mesyuarat bertarikh 18 Oktober 2019 telah bersetuju dengan cadangan Kerajaan Negeri Selangor untuk menaiktaraf Majlis Daerah Kuala Langat kepada Majlis Perbandaran Kuala Langat.'

DEWAN : (Tepuk)

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Ini adalah satu pencapaian terbaik daripada Majlis Daerah Kuala Langat dan menjadi Majlis Perbandaran dan kita berharap selepas ini cadangan kita ataupun kelulusan kita terhadap Majlis Perbandaran Subang Jaya untuk diangkat Majlis Bandaraya Subang Jaya akan diterima oleh Jemaah Kabinet di samping Majlis Daerah Kuala Selangor perlu mengemukakan semula kepada pihak Kerajaan, mengemukakan semula cadangan-cadangan di atas beberapa kertas kerja untuk menaik taraf Majlis Daerah kepada Majlis Perbandaran. Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat yang saya kasih sekalian, dengan ini persidangan ini telah tamat. Dengan ini saya mencadangkan supaya Dewan ini ditangguhkan kepada suatu masa yang akan ditetapkan kelak. Terima kasih.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Tuan Speaker, saya menyokong.

TUAN SPEAKER : Ahli-Ahli Yang Berhormat, untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita telah bersidang selama 9 hari ditambah dengan 6 jam maknanya 10 hari 1 jam ya. Maknanya kita dah tambah daripada 9 hari campur 1 hari 1 jam, 10 hari 1 jam. Tahniah kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian kerana telah memberi fokus ya. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, sebelum saya menangguhkan persidangan kali ini, saya ingin mengambil peluang dan kesempatan di sini untuk mengucapkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat, Ahli-Ahli Dewan Negeri, Ketua-Ketua Jabatan, Pegawai-Pegawai Kerajaan di atas kerjasama yang diberikan bagi melicinkan perjalanan Mesyuarat Ketiga Persidangan Penggal Kedua kali ini. Ucapan terima kasih saya tujuarkan kepada Setiausaha Dewan dan Penolong Setiausaha Dewan, urus setia, pelapor-pelapor dan semua petugas-petugas yang terlibat secara langsung maupun secara tidak langsung di atas komitmen dan kesungguhan semua dalam memastikan perjalanan Mesyuarat berjalan lancar. Kepada semua Yang Berhormat, sila semak draf penyata yang telah dan akan diedarkan berkaitan dengan ucapan Yang Berhormat dan kembalikan semula ke Pentadbiran Dewan sekiranya terdapat sebarang pembetulan agar penyata rasmi itu dapat disediakan dan diedarkan segera kepada Yang Berhormat sekalian. Dengan ini saya menangguhkan persidangan hari ini hingga ke suatu masa yang akan ditetapkan kelak. Dewan ditangguhkan.

(DEWAN DITANGGUHKAN PADA JAM 5.00 PETANG)